

Bil. 21

**Selasa
7 Mei 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN** [Ruangan 1]

USUL:

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 [Ruangan 18]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN D.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).

Yang Berhormat DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
,, PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
,, TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
,, TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).
,, DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
,, TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
,, DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
,, TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
,, TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
,, TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
,, TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
,, CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
,, TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
,, TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
,, DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
,, PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
,, TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
,, TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
,, TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
,, DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N.,
P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
,, TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
,, TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
,, DATO' HEW SEE TEONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
,, TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
,, DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
,, TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
,, TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
,, PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
,, TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
,, DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P.
(Rompin).
,, TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
,, TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
,, TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
,, TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
,, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
,, DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa
Maju).

- Yang Berhormat TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Selasa, 7 Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BIDAN KAMPUNG DI LUAR
BANDAR—PENEMPATAN

1. **Tuan Haji Mustafa bin Muda (Hulu Terengganu)** minta Menteri Kesihatan menyatakan mengenai penempatan bidan-bidan kampung yang masih banyak diperlukan di kawasan pedalaman luar bandar:

- (a) adakah Kementerian Kesihatan meneruskan program menempatkan bidan-bidan kerajaan di kampung-kampung dengan cara penduduk kampung menyediakan rumah untuk penempatan tersebut; dan
- (b) senaraikan jumlah bidan-bidan kerajaan yang ditempatkan dalam negeri Terengganu mengikut daerah-daerah dalam negeri Terengganu.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia akan meneruskan program

penempatan bidan-bidan kampung atau jururawat desa berasaskan kepada kriteria tertentu yang telah ditetapkan oleh kementerian ini.

- (b) Jumlah bidan-bidan kerajaan yang ditempatkan di daerah-daerah dalam negeri Terengganu adalah seperti berikut:

Hospital Kuala Terengganu	33
Hospital Dungun	5
Hospital Besut	10
Hospital Kemaman	9
Latihan Kebidanan	6
Pejabat Kesihatan Kuala Terengganu	28
Pejabat Kesihatan Hulu Terengganu	8
Pejabat Kesihatan Dungun	16
Pejabat Kesihatan Besut	21
Pejabat Kesihatan Kemaman	14
Pejabat Kesihatan Marang	7
Pejabat Kesihatan Setiu	6
Jumlah:	163

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria-kriteria ataupun syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapat khidmat bidan kampung, sama ada berdasarkan kepada keluasan sesebuah kampung ataupun berdasarkan kepada jumlah ramainya penduduk sesebuah kampung?

Setakat ini pernahkah berlaku apa-apa konflik di antara bidan kampung kerajaan dengan bidan kampung tradisional semasa mereka menjalankan tugas?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kriteria penempatan bidan-bidan kerajaan adalah berasaskan kepada:

- (i) kepadatan penduduk;
- (ii) jarak kampung dengan kemudahan kesihatan yang terdekat;

- (iii) infrastruktur kampung; dan
- (iv) kadar mobiliti dan mortaliti kepada penduduk sasaran.

Berasaskan dengan keperluan orang-orang kampung untuk seseorang bidan kerajaan atau jururawat desa untuk memberi perkhidmatan kebidanan kepada ibu-ibu dan kanak-kanak di desa yang tanpa klinik kerajaan dibina, maka rumah sewa di kampung akan diperolehi oleh Jabatan Kesihatan Negeri untuk penempatan bidan-bidan tersebut.

Berkenaan dengan sama ada bidan kampung itu sesuai atau tidak dengan bidang tradisional, sebenarnya kita hanya ada bidan kampung yang diiktirafkan oleh kerajaan. Walau macam manapun, bidan kampung ini setakat ini berbaki 2,000 orang kerana jawatan bidan kampung ini akan 'jumud' iaitu akan terhapus ataupun jawatan itu tidak akan ada kerana akan diserapkan jawatan ini kepada jururawat desa. Jadi, apabila ada kekosongan, tidak akan dilanjutkan jawatan bidan kampung tetapi akan di 'substitute' dengan jururawat desa kepada jawatan yang kosong itu.

Tuan Jawah Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu sama ada bidan-bidan kampung ini diberi gaji atau tidak?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kerja ada gaji. (*Ketawa*) Jadi, takkanlah nak kerja free, ya!

Sebenarnya bidan kampung kalau mengikut gaji SSB, ia mengikut skel U 12 yang bermula dengan tangga gaji RM498 dan berakhir dengan RM975 dan di peringkat U 13 bermula dengan RM780 dan berakhir dengan RM1,032.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Lim Siang Chai.

(Soalan No. 2—Y.B. Tuan Lim Siang Chai tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Mokhtaruddin bin Wan Yusof.

(Soalan No. 3—Y.B. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu.

(Soalan No. 4—Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu tidak hadir)

SURI RUMAH/PESARA— KEBERKESANAN SARANAN BEKERJA

5. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis (Rompin) minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah tindakan susulan kementerian kepada saranan YAB Perdana Menteri agar para suri rumah dan pesara diberi peluang untuk bekerja atau bekerja semula bagi menampung keperluan gunatenaga yang semakin meningkat. Sejauh manakah keberkesanan setakat ini; dan
- (b) apakah sokongan atau galakan kementerian kepada industri atau syarikat yang mula beralih dari kegiatan berasaskan tenaga manusia kepada automasi dan industri berasaskan kapital.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Ekoran saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya para suri rumah dan pesara diberi peluang untuk bekerja atau bekerja

semula bagi menampung keperluan gunatenaga yang semakin meningkat, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan tertentu dan wakil-wakil sektor swasta untuk merangka prosedur dan mekanisme bagi memudahkan para pesara, terutamanya dari sektor awam diambil bekerja di firma-firma swasta. Di antara langkah-langkah yang sedang diambil termasuklah mewujudkan proses pertukaran maklumat mengenai pesara-pesara dan keperluan gunatenaga dari pihak sektor swasta. Dalam pada itu, majikan-majikan yang mengambil pesara-pesara untuk bekerja diberikan geran latihan daripada Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia sekiranya mereka itu perlu dilatih semula dan ditingkatkan kemahiran. Langkah-langkah ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan keberkesanannya masih belum dapat dipastikan walaupun sambutan daripada semua pihak yang terbabit, khususnya pihak sektor swasta dan persatuan-persatuan pesara amat memberangsangkan. Namun begitu, orang-orang yang bersara tidak perlu menunggu untuk kerajaan membantu mereka, tetapi harus berikhtiar sendiri untuk mendapatkan pekerjaan. Sekiranya mereka masih memerlukan pertolongan kerajaan, maka saya menyeru mereka berdaftar dengan mana-mana Jabatan Tenaga Rakyat yang terdapat di negara ini.

Bagi para suri rumah pula, Kementerian Sumber Manusia sedang mempergiatkan galakan

supaya majikan-majikan sektor swasta menubuhkan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja mereka atau pun berhampiran dengan tempat kerja. Kementerian Kewangan juga telah menawarkan insentif pelepasan cukai kepada majikan-majikan yang membeli bangunan atau mengubahsuai bangunan untuk tujuan dijadikan pusat asuhan kanak-kanak.

Pada masa yang sama, Akta Kerja 1955 sedang dikaji untuk dipinda bagi menggalakkan para majikan supaya menggaji pekerja-pekerja, khususnya pekerja-pekerja wanita untuk bekerja secara sambilan (part-time) atau menggunakan kaedah waktu kerja anjal (flexi-time). Melalui pindaan ini, kepentingan para majikan dan pekerja akan terpelihara dan konsep kerja sambilan dan waktu kerja anjal dimanfaatkan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak.

- (b) Kerajaan buat masa ini menawarkan insentif-insentif tertentu, baik secara langsung atau tidak langsung untuk menggalakkan syarikat-syarikat yang berintensifkan buruh beralih kepada proses pengeluaran berasaskan automosi atau pun berintensifkan kapital. Di antaranya adalah Elaun Pelaburan Semula, pinjaman melalui Tabung Penyusunan Semula Industri dan Elaun Cukai Pelaburan. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia memberi sokongan kepada majikan-majikan yang berhasrat beralih kepada proses pengeluaran berasaskan automosi dan teknologi tinggi melalui skim Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.

Majikan-majikan sektor pengilangan dan perkhidmatan yang menyumbang kepada Kumpulan Wang tersebut dibenarkan untuk menghantar pekerja-pekerja mereka untuk mengikuti latihan semula atau latihan peningkatan kemahiran di dalam atau di luar negeri, termasuk di peringkat Diploma melalui skim-skim latihan yang ditawarkan. Majikan-majikan boleh memohon geran latihan daripada Kumpulan Wang tersebut bagi tujuan latihan itu.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tabung Pembangunan Sumber Manusia adalah salah satu cara pihak swasta memberi latihan kepada pekerja-pekerja mereka. Jadi, adakah kementerian membuat monitoring mengenai dengan pengagihan yang saksama kepada kumpulan etnik yang diberi peluang untuk mengikuti latihan di pusat-pusat yang disediakan daripada tabung yang disediakan oleh pihak majikan tersebut?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Pembangunan Sumber Manusia ini boleh digunakan oleh semua pencarum iaitu semua syarikat yang dimestikan oleh undang-undang untuk membayar levi kepada tabung ini, boleh menggunakan balik tabung itu untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja mereka. Jadi, ini adalah digalakkan dan saya rasa tak perlu diadakan satu monitoring mengikut kaum dan sebagainya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengemukakan strategi untuk membantu suri rumah dan pesara diberikan peluang pekerjaan kembali. Soalan saya, sejauh manakah pelaksanaannya sekarang ini? Sejauh manakah kerajaan mengambil kembali suri-suri rumah ataupun pesara-pesara

untuk kembali berkhidmat dalam kerajaan dan sejauh mana di sektor swasta ini majikan-majikan mengambil kembali pesara-pesara dan mengambil kembali suri rumah ini yang mungkin bersara 5 tahun untuk menjaga anak-anak selepas anaknya besar, mahu kembali semula untuk bekerja, kenapa? Mereka ini mempunyai kepakaran, terutama di dalam bidang-bidang yang profesional dan teknikal yang sangat digunakan atau sangat diperlukan di sektor negara kita ini.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, pekerjaan untuk wanita ada sepanjang masa. Kekosongan kerja itu ada sepanjang masa, tidak ada masalah dan memang kerajaan sekarang sedang bersungguh-sungguh mengadakan berbagai-bagai seminar ataupun ceramah dan sebagainya untuk menggalakkan mereka pergi bekerja.

Sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi, berbagai-bagai kemudahan sedang disediakan untuk maksud itu, tetapi buat masa ini, sambutan dari pihak wanita untuk keluar bekerja tidaklah begitu menggalakkan lagi. Malah, setakat ini, hanya lebih kurang 46% sahaja dari jumlah wanita yang boleh bekerja sedang bekerja. Hampir lebih kurang 3 juta wanita yang sepatutnya boleh bekerja, tetapi masih tidak bekerja. Jadi, inilah satu sumber yang cukup besar di mana kerajaan boleh tax untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam negara kita ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita beralih kepada soalan berikutnya, sukalah saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu bersama-sama kita dalam Dewan ini ialah satu delegasi dari Republik Hungary yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Dr. Zoltan Gal, Speaker of the National Assembly of Hungary. *(Tepuk)*

Mereka akan berada di negara kita ini dari 6hb Mei hingga 11hb Mei 1996. Bagi pihak Parlimen Malaysia, saya

mengucapkan selamat datang ke negara kita pada delegasi tersebut. (*Tepuk*)

**PELAN INDUK KHAS BAGI
KAWASAN BUKIT
BINTANG—PERTIMBANGAN**

6. Tuan Lee Chong Meng (Bukit Bintang) minta Perdana Menteri menimbang untuk mengadakan satu Pelan Induk Khas untuk kawasan Bukit Bintang bagi menyelaraskan pembangunan kawasan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267) memerlukan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menerima pakai Pelan Struktur dan Pelan Tempatan dalam menjalankan sistem perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur. Pelan Struktur Kuala Lumpur telah diwartakan dan telah diterima pakai pada 16hb Julai, 1984.

Memandangkan kepesatan pembangunan Kuala Lumpur dan perubahan sosio-ekonomi yang sangat ketara dalam tempoh 12 tahun yang lalu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada ketika ini sedang pada peringkat awal untuk mengadakan kajian semula Pelan Struktur Kuala Lumpur.

Matlamat kajian Pelan Struktur Kuala Lumpur ini adalah untuk mengkaji dasar-dasar dan cadangan pelan struktur sedia ada bagi menggubal satu pelan yang pragmatik dan mengambil kira tekanan dan perubahan terkini serta menggalak dan memudahkan kawalan pembangunan di masa depan.

Komponen kedua dalam Sistem Perancangan Struktur sebagaimana yang didefinisikan mengikut Seksyen 2(I) Akta 267 adalah mengadakan Pelan Tempatan. Pelan Tempatan atau pun local plan, dengan izin, yang ditentukan hendaklah

mengandungi secara terperinci cadangan-cadangan untuk pembangunan dan kegunaan tanah, termasuk langkah-langkah pembaikan alam sekitar dari segi fizikal dan pengangkutan serta lain-lain perkara yang ditentukan oleh Menteri.

Sepanjang empat tahun yang lalu, dari tahun 1992 hingga 1996, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menghasilkan 21 deraf Pelan Tempatan. Pelan-pelan tersebut telah diluluskan dan digunakan sebagai garis panduan dalam menimbangkan permohonan perancangan, garis panduan projek-projek penswastaan dan menyelesaikan masalah gunatanah di Kuala Lumpur.

Dari masa ke semasa, Pelan Tempatan yang lebih khusus akan disediakan. Selaras dengan kajian semula Pelan Struktur Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan kajian khusus dalam aspek mengemaskinikan maklumat-maklumat sektoral dan fizikal bagi Kawasan Perancangan Pusat. Seajar dengan tindakan itu, Pelan Tempatan bagi Kawasan Perancangan Pusat, juga meliputi kawasan Parlimen Bukit Bintang.

Sehingga kini, kajian-kajian khusus yang terlibat dalam kawasan Parlimen Bukit Bintang adalah seperti berikut:

- (i) Projek Dataran Perdana, Jalan Imbi dan Jalan Davis;
- (ii) Kawasan Jalan Conlay dan Jalan Kia Peng;
- (iii) Pelan Garis Panduan Perancangan Kawasan Bukit Ceylon;
- (iv) Garis Panduan Pembangunan Kawasan Jalan Mayang;
- (v) Pelan Garis Panduan Jalan Inai dan Jalan Jati;
- (vi) Pelan Susunatur Kawasan Jalan Putra dan Jalan Ipoh Kecil;
- (vii) Pelan Cadangan Pembangunan Sekitar Kawasan Jalan Masjid India;

- (viii) Garis panduan Perancangan Kawasan Changkat Bukit Bintang dan Tingkat Tung Shin; dan
- (x) Pelan Struktur Kawasan Jalan Raja Chulan dan Jalan Imbi.

Senarai pelan-pelan kajian di atas menunjukkan yang masing-masing mempunyai skop kajian yang terperinci yang berbeza-beza berasaskan kepada arahan yang diterima. Sebahagian dari pelan-pelan ini telah digunakan sebagai garis panduan pembangunan dalam menimbang permohonan, perancangan, garis panduan projek-projek penswastaaan dan asas bagi pemberian semula hak milik tanah.

Dr. Lee Chong Meng: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kawasan Bukit Bintang adalah pusat Wilayah Persekutuan dan kawasan komersil dan banking dan untuk menjaga imej Kuala Lumpur, adakah Menteri sedar bahawa masalah-masalah seperti rumah setinggan, penjaja dan kebaikan infrastruktur- infrastruktur perlulah diperbaiki? Nampaknya peruntukan untuk perumahan kepada Wilayah Persekutuan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tidaklah mencukupi kerana adalah lebih kurang 100,000 orang masih memohon rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan dan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak berkuasa untuk memperbaiki masalah ini?

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama itu mengenai masalah setinggan dan penjaja, itulah sebabnya kita mengadakan pelan tempatan ini (local plan) untuk menyusun semula perkara-perkara ini. Sebab itu diadakan pelan yang lebih terperinci di mana setinggan patut ditempatkan, di mana penjaja patut diletakkan dan bagaimana kita memperbaiki infrastruktur Kuala Lumpur terutama sekali kawasan Parlimen Bukit Bintang.

Bagi soalan yang kedua, mengenai rumah di kawasan Wilayah Persekutuan, ini soalan yang tidak bersangkut-paut

dengan soalan yang pertama. Walau bagaimanapun, saya kira sudah tentulah ini akan menjadi salah satu daripada komitmen dan salah satu daripada usaha kerajaan dalam memberi perumahan kepada seberapa ramai penduduk Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila pelan struktur Kuala Lumpur ini dikaji semula, adakah kawasan-kawasan yang disusun semula itu termasuk satu kawasan yang lokasinya paling strategik, boleh dipanggil "Golden Triangle II" yang telah pun dipersetujui oleh pihak kerajaan untuk diberi kepada satu syarikat yang diketuai oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba iaitu Syarikat Union Paper Holdings Bhd. untuk menyusun semula semua rumah setinggan dan juga bangunan-bangunan kerajaan, government quarters antara Jalan Peel sehingga sempadan Jalan Imbi?

Jika ada, bukankah ini merupakan satu retirement benefit kepada bekas Timbalan Perdana Menteri atau political favour?

Dato' Dr. Ibrahim bin Saad: Saya ingin menasihatkan Ahli Parlimen dari Cheras supaya menyemak dulu sama ada projek ini diberikan kepada sesiapa, sama ada betul atau tidak. Saya pun terpaksa semak dulu sebelum saya jawab. Saya ingat kalau betul diberikan, saya rasa itu perlu jawapan di masa yang lain tetapi saya rasa adalah baik beliau menyemak dulu sebelum menanya soalan itu.

KES MATI LEMAS—LANGKAH MENGATASI

7. Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah laporan kes mati lemas diterima sejak 1990 hingga sekarang; dan

- (b) memandangkan bahawa mangsa-mangsa mati lemas kebanyakannya terdiri daripada mereka yang tidak tahu berenang, adakah kerajaan memberi pertimbangan kepada cadangan menjadikan renang salah satu aktiviti kokurikulum di peringkat sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi dan swasta.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak tahun 1990 hingga Mac 1996 sejumlah 3,523 kes mati lemas telah dilaporkan.
- (b) Aktiviti renang serta lain-lain aktiviti yang berkaitan adalah di antara aktiviti yang dianjurkan di dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Namun begitu, aktiviti-aktiviti ini adalah terbatas kepada sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan dan kepakaran tempatan. Setakat ini aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah Kelab Renang Sekolah, Persatuan Pasukan Polo Air Sekolah, Persatuan Pasukan Perahu Layar Sekolah dan Persatuan Penyelamat Kelemasan.

**PEMBANGUNAN KAWASAN
PARLIMEN TENOM—
PELAKSANAAN**

8. Tuan Radin Malleh [Tenom] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah rancangan dan pelaksanaan kementerian di segi pembangunan di Kawasan P.158 Tenom pada tahun 1996 di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh; dan
- (b) jumlah peruntukan dan jenis-jenis pembangunan yang akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Dato' K. Kumaran): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam tempoh 1996 Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan meneruskan usahanya untuk membangunkan kawasan luar bandar di Sabah termasuk di kawasan Tenom.

Bagi kawasan ini sebanyak tidak kurang 37 projek sedang dirancang untuk dilaksanakan. Projek-projek tersebut meliputi Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Projek Jalan Kampung, Program Pembasmian Kemiskinan, Program Ekonomi Desa. Perancangan ini melibatkan peruntukan tidak kurang RM3 juta sedang dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

- (b) Bagi perancangan projek Rancangan Malaysia Ketujuh seterusnya di kawasan P.158 Tenom, Sabah, kementerian telah mengemukakan projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan ke agensi pusat untuk pertimbangan kementerian dan agensi-agensi di bawahnya juga sentiasa meneliti dan mengkaji ke atas projek-projek pembangunan yang bersesuaian sebagaimana yang dipohon dari masa ke masa. Program tersebut termasuklah program-program ekonomi desa, program Kemas dan Felcra. Peruntukan bagi projek-projek tersebut hanya akan diketahui apabila permohonan tersebut diluluskan.

Tuan Radin Malleh: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberi senarai secara terperinci melalui tulisan kepada saya supaya saya tahu di

manakah kampung-kampung yang akan dibangunkan? Terima kasih.

Keduanya, adakah Yang Berhormat bercadang untuk melawat Kawasan Tenom bukan sahaja untuk mengawal selia tetapi untuk memastikan bahawa perancangan pembangunan ini akan dilaksanakan?

Dato' K. Kumaran: Kedua-duanya boleh. Tidak ada masalah. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itu sekadar permintaan ya.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa banyak projek ataupun peruntukan yang akan dilaksanakan oleh kementerian bukan sahaja khusus untuk Tenom tetapi juga untuk Sabah.

Jadi, soalan saya ialah mengenai soalan asal iaitu mengenai cara-cara untuk memohon. Saya fikir Yang Berhormat sedar bahawa tidak ada jabatan ataupun pejabat kementerian terletak di Tenom khususnya, jadi saya ingin tahu bagaimanakah rakyat dari kawasan Tenom boleh memohon peruntukan-peruntukan yang telah dikhaskan oleh kementerian dan siapakah yang boleh melulus peruntukan itu khusus untuk Tenom dan juga Sabah keseluruhannya?

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, kita ada agensi di akar umbi. Oleh kerana di Tenom kita ada penghulu ataupun kita ada Pegawai Daerah di tiap-tiap daerah. Jadi, kita patut memohon melalui Pegawai Daerah, kemudian Pegawai Daerah akan menghantarkan Pegawai Pembangunan Negeri, dari Pegawai Pembangunan Negeri datang ke kementerian saya dan apabila datang ke kementerian saya, maka kita akan lulus. Kita tidak pilih kasih. Jangan bimbang!

PENSWASTAAN HOSPITAL— KESAN

9. Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) perkembangan bahagian-bahagian atau jabatan-jabatan di hospital-hospital kerajaan yang telah diswastakan seperti kaunter ubat, penyediaan makanan dan sebagainya. Tidakkah usaha penswastakan ini akan membebankan rakyat terbanyak; dan
- (b) adakah cadangan untuk menswastakan bahagian atau jabatan-jabatan lain di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Penswastakan fungsi Makmal Ubat dan Stor hanya meliputi bekalan ubat ke hospital dan tidak menyentuh edaran ubat di kaunter kepada pesakit. Lain-lain bahagian belum diswastakan.
- (ii) Penswastakan bahagian-bahagian di hospital tidak mempunyai kesan kepada bayaran kerana bayaran oleh pesakit-pesakit yang menggunakan hospital adalah mengikut kadar yang ditetapkan dalam Perintah Fee (Perubatan) 1982.
- (b) Penswastakan kelima-lima khidmat sokongan di hospital-hospital dijadual akan dilaksanakan pada akhir tahun ini. Lima khidmat sokongan ini terdiri dari:
 - (i) Pembuangan Sisa-sisa Klinikal (Clinical Waste Management);
 - (ii) Perkhidmatan Pembersihan Dalam dan Luar Hospital (Cleaning Services);

- (iii) Perkhidmatan Linen (Linen Services);
- (iv) Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan (Facility Engineering Services); dan
- (v) Perkhidmatan Penyelenggaraan Bio-Mekanikal (Biomedical Engineering Maintenance Services).

Kajian juga sedang dijalankan untuk meneliti kesesuaian mengkorporatkan hospital-hospital besar.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pihak swasta digalakkan menceburkan diri supaya membangunkan hospital-hospital swasta. Sedarkah kementerian bahawa disatu masa nanti orang-orang yang tidak berkeupayaan akan menawarkan perkhidmatan perubatan dan mereka ini akan ditolak kerana tidak ada skim insurans kesihatan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, persoalan berkenaan dengan hospital swasta ini, kementerian sedang mengkaji Akta Hospital Swasta untuk membuat pembedaan kepada proses meluluskan lesen mengoperasikan hospital swasta memandangkan bahawa setakat ini pertumbuhan dan pembangunan hospital-hospital swasta tidak mengikut perancangan secara menyeluruh atau 'holistic' dengan pihak kerajaan. Dengan sebab itu kementerian memikirkan untuk membuat pembedaan pada Akta Hospital Swasta daripada membuat kelulusan selepas hospital-hospital itu dibina adalah lebih baik diperlukan supaya pihak-pihak yang ingin mengemukakan hospital swasta ini mengemukakan pelannya lebih awal dan baru mendapat kelulusan selepas diketahui kriteria-kriteria seperti kemampuan guna tenaga, lokasi, kos dan juga lain-lain yang berkaitan dengan kualiti pemberian perkhidmatan kesihatan di peringkat swasta.

Berkenaan dengan kos atau sistem pembiayaan ini kerajaan masih meneliti dan mempertimbangkan sama ada melalui sistem biayaan cara insurans atau lain-lain cara mengikut yang dicadangkan oleh pihak swasta, kerana perkara ini masih lagi di peringkat cadangan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapa buah hospital kerajaan terlibat dalam projek penswastaan ini dan namakan hospital-hospital tersebut?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Setakat ini kajian mengkorporatkan hospital-hospital hanyalah tertumpu kepada hospital-hospital besar iaitu 14 sahaja, memandangkan bahawa kita harus melaksanakan sesuatu rancangan seperti pengkorporatan untuk mengelakkan daripada masalah buntu yang dihadapi oleh kerajaan berasaskan kepada pertumbuhan industri perkhidmatan hospital peringkat swasta.

Pada hari ini kita mendapati ada 107 hospital awam, 7 institusi kesihatan dan ada sebanyak 197 hospital swasta termasuk hospital bersalin dan yang mempunyai dua katil, yang kesemuanya mempunyai 7,611 buah. Inilah yang menjadi satu kesulitan yang kompleks, yang melibatkan keperluan kementerian mengkaji pengesanan perundangan dan soal regulasi.

Kementerian Kesihatan dan Lembaga Perubatan sedang meneliti perkara-perkara seperti quality, accreditation, dengan izin, kos etika yang diamalkan dan kebertanggungjawaban. Jadi, Yang Berhormat kita akan pastikan supaya soal ini akan dapat diusahakan secara bersama, supaya tanggungjawab tentang bebanan yang ditanggung oleh kerajaan dari segi guna tenaga itu dapat dikongsi bersama oleh pihak swasta.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini tumpuan akan diberikan kepada soal pencegahan penyakit, supaya dapat

mengurangkan belanja rawatan dan juga untuk memberi tumpuan kepada kerjasama yang dapat kita wujudkan antara pihak komuniti iaitu dalam concept total community involvement.

**PEGUAM NEGARA DAN KETUA
POLIS NEGARA—GAJI DAN
FAEDAH**

10. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka) minta Perdana Menteri menyatakan apakah gaji tahunan dan faedah yang dinikmati oleh Peguam Negara Malaysia serta Ketua Polis Negara dan adakah mereka berdua perlu mengumumkan hartanya demi memastikan prinsip ?seorang pelaksana undang-undang bersih tetapi mestilah dinampak bersih.?

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saraan bagi Peguam Negara buat masa ini ditetapkan pada gred VU2, Jawatan Utama Turus I. Di bawah jawatan ini terdapat 4 mata gaji bulanan seperti berikut:

Mata gaji I	RM7,410
Mata gaji II	RM8,160
Mata gaji III	RM8,980
Mata gaji IV (Maksimum)	RM9,880

Kadar imbuhan tetap bulanan bagi Jawatan Utama Turus I ini adalah seperti berikut:

Keraian	RM3,300
Perumahan	RM2,500
Imbuhan Tetap Jawatan Utama	RM3,000

Bagi jawatan Ketua Polis Negara saraan adalah ditetapkan pada gred VU3, Jawatan Utama Turus II. Di bawah jawatan ini terdapat 4 mata gaji bulanan seperti berikut:

Mata gaji I	RM7,050
Mata gaji II	RM7,760

Mata gaji III	RM8,540
Mata gaji IV (Maksimum)	RM9,400

Kadar imbuhan tetap bulanan adalah seperti berikut:

Keraian	RM3,150
Perumahan	RM2,500
Imbuhan Tetap Jawatan Utama	RM3,000

Mengenai pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat terhadap pengumuman harta, semua pegawai awam termasuk Peguam Negara dan Ketua Polis Negara adalah tertakluk kepada Peraturan 10, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 iaitu mereka dikehendaki mengisytiharkan harta yang dimiliki.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adakah selain dari faedah yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah mereka juga diberikan kad-kad keahlian kelab-kelab main golf dan lain-lain yang diberikan oleh pihak kerajaan ataupun oleh pihak swasta? Dan memandangkan gaji seperti ini kalau kita bandingkan —seperti satu contoh untuk anggota-anggota polis, sebagai satu bandingan untuk anggota-anggota polis berpangkat rendah, jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Singapura adalah sangat rendah. Adakah pihak kerajaan juga bertujuan untuk menaikkan kadar anggota konstabel sekurang-kurangnya satu kali ganda supaya masalah rasuah boleh diatasi?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, elaun-elaun ataupun imbuhan-imbuhan, gaji-gaji telah pun saya jelaskan tadi. Selain daripada itu tidak ada lagi apa-apa imbuhan yang lain. Kemudahan ataupun apa-apa tawaran dari segi keahlian kelab-kelab ini memang tidak ada kaitan dengan peraturan kerajaan. Mungkin itu

adalah satu perkara antara pihak kelab-kelab yang berkenaan, mereka kadangkala ditawarkan honorary membership itu bukan seolah-olah untuk apa-apa tujuan atau niat yang tidak sihat, kerana mungkin tetamu-tetamu daripada luar negara yang berpangkat dan sebagainya datang nanti, jadi mereka ini boleh melayan mereka di kelab-kelab yang berkenaan. Ini tidak ada apa-apa keuntungan dari segi kebendaan ataupun kewangan.

Dari segi sama ada kerajaan hendak menaikkan gaji konstabel ataupun anggota polis berpangkat rendah, memang dari semasa ke semasa kerajaan sentiasa mengkaji semua gaji dan elaun juga kebajikan bukan sahaja polis, tetapi semua kakitangan awam. Apa yang perlu saya menegaskan di sini, gaji yang rendah itu tidak boleh dikatakan sebagai satu faktor yang utama menyebabkan rasuah. Orang kaya pun ada rasuah, orang yang bergaji tinggi pun ada rasuah. Jadi, tidak boleh kita menghinakan orang yang bergaji rendah itu bahawa mereka itu kemungkinan semuanya rasuah. *(Tepuk)* Saya rasa itulah sahaja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kubang Kerian.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa hendak lagi Yang Berhormat?

Beberapa Ahli: Duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang keberapa, Yang Berhormat?

Seorang Ahli: DAP kekurangan wang.

Tuan Lim Guan Eng: 36(6). Saya tidak sangka jahat. Saya tidak sebut bahawa 'konstabel yang bergaji rendah rasuah'. Saya hanya menyebut kalau boleh meningkatkan, naikkan gaji mereka, ini akan mengatasi masalah rasuah kerana kebanyakan mereka terpaksa.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Itu sangkaan jahat, saya tidak sebutkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa perkataan itu.....

Seorang Ahli: Itu 'polis' bukan ahlikah? *(pembesar suara dimatikan)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa peraturan mesyuarat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu 36(6) itu saya rasa tidak kena.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan putarbelitkan—jangan putarbelitkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sebab sangkaan jahat itu biasanya ditujukan kepada ahli yang lain, dalam kes ini tidak. Kubang Kerian.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *(Disampuk)*

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, trafik jamlah, kerajaan tak pandai jaga jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, soal yang lain. Jangan diungkitkan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Rompin kacau. Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju misalnya Ketua Polis Negara diberi berbagai keistimewaan. Kita bersetuju itu memandangkan kedudukannya yang menjaga keselamatan negara dan kedudukan yang paling tinggi

menjaga keselamatan. Soalan saya, adakah kerajaan juga guide mereka ini sesuai dengan kedudukan mereka selepas mereka bersara. Sebab ada tuduhan daripada kawan-kawan mereka mengatakan semasa mereka ada jawatan, mereka ada hubungan dengan tauke-tauke yang menyebabkan kita lihat setelah pencen, misalnya bekas Ketua Polis Negara sekarang ini jaga Genting Highlands, tempat judi, yang menyebabkan imej anggota polis agak menurun. Kawan-kawan mereka sendiri mengatakan mungkin ada hubungan semasa bertugas dahulu.

Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk beri guide line, orang yang ada kedudukan ini bila pencen nanti dia jadi pengerusi NGO ataupun pengerusi badan-badan sosial yang tidak kena-mengena dengan judi, kilang arak dan sebagainya supaya hendak jaga imej polis, khasnya mereka yang beragama Islam. Adakah garis panduan selepas mereka berpencen dikenakan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi kebebasan mengikut undang-undang perlembagaan kita. Siapa pun mereka berhak untuk menjawat ataupun melakukan sebarang kegiatan sekiranya sesuatu jawatan ataupun tugas itu tidak melanggar undang-undang. Oleh yang demikian, sesiapa pun tak kira dia anggota pentadbiran yang tinggi selepas pencen, mereka berhak untuk menjawat apa-apa jawatan. Tidaklah adil kalau sekiranya kita menyekat orang yang berbakat, orang yang ada kebolehan, orang yang berpengetahuan itu, semasa dia dalam perkhidmatan awam, sekian-sekian bidang dia tak boleh menyumbang, apabila dia sudah pencen, dia hendak menyumbang di bidang-bidang yang lain, kita menghadkan mereka. Saya rasa Malaysia bukan sebuah negara yang begitu menyekatkan kebebasan, asalkan ianya tidak melanggar undang-undang.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI BELIA—KEJAYAAN

11. Dato' Hon Choon Kim (Seremban) minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kementerian berpuas hati tentang pencapaian yang diperolehi dalam program Pembangunan Ekonomi Belia. Sila nyatakan bilangan belia yang terlibat dan apakah masalah yang dihadapi dan langkah yang diambil untuk memperbaikinya.

Menteri Belia dan Sukan (Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan melalui program Pembangunan Ekonomi Belia melaksanakan kegiatan yang bermatlamat utama untuk mewujudkan suatu generasi belia yang berdikari, iaitu dengan penglibatan secara aktif dalam bidang perniagaan, perusahaan dan juga pertanian. Dalam usaha untuk mencapai matlamat tersebut, perancangan dan pelaksanaan program adalah dengan mengadakan latihan keusahawanan, kemudahan pinjaman modal perniagaan dan khidmat bimbingan projek.

Untuk makluman Yang Berhormat, menerusi aktiviti latihan keusahawanan, hampir 6,000 belia setahun telah pun didedahkan dengan pelbagai ilmu perniagaan seperti pengurusan, pembentukan sikap, motivasi dan dorongan bagi melengkapkan diri mereka untuk menyertai sektor perniagaan, perusahaan dan juga pertanian. Sebagai hasilnya sebanyak 1,720 projek perniagaan telah pun dapat diwujudkan melalui program Tabung Pembangunan Ekonomi Belia, semenjak ianya dimulakan pada tahun 1988. Dalam pelaksanaan program ini, kementerian menghadapi beberapa masalah dan di antaranya yang telah dikenal pasti ialah kebanyakan usahawan belia lemah dalam aspek pengurusan kewangan dan pengendalian projek, masalah pasaran, masalah untuk mendapatkan premis perniagaan,

ketinggalan dari segi maklumat perniagaan, sukar untuk mendapat peluang-peluang perniagaan dan khidmat runding cara serta tidak berani menghadapi risiko ataupun hendak membesarkan perniagaan.

Setakat ini, kementerian saya masih belum berpuas hati dengan pencapaian program ini. Bagi mempertingkatkan prestasi program Pembangunan Ekonomi Belia ke arah mencapai matlamat yang lebih berkesan, kementerian ini telah pun mengambil langkah dan pendekatan supaya program ini dapat memberikan lebih banyak peluang berniaga kepada golongan belia. Suatu pendekatan baru dengan menekankan kaedah pemberian pinjaman yang lebih flexible telah pun dilancarkan pada 7hb Mac 1996 yang lalu. Kementerian telah pun menetapkan sasaran melahirkan sekurang-kurangnya 4,000 usahawan belia setahun dengan harapan supaya sekurang-kurangnya 20,000 usahawan belia akan dapat merebut peluang melibatkan diri secara langsung dalam perniagaan dalam jangka masa lima tahun Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam hubungan ini, sukacita dimaklumkan di sini bahawa dana Tabung Ekonomi Belia akan ditambahkan sebanyak RM20 juta setahun mulai tahun ini.

Bagi mengatasi masalah-masalah yang telah pun dikenal pasti, kursus-kursus dorongan dan motivasi perniagaan serta usaha-usaha mempertingkatkan taraf latihan pengurusan perniagaan dan taraf latihan kemahiran teknik dan vokasional, khidmat nasihat, bimbingan dan perundingan perniagaan akan diadakan untuk menggalakkan dan membantu para usahawan belia menceburi bidang perniagaan yang lebih komersil dan menguntungkan serta beridentiti sendiri. Hubungan kerjasama, dengan izin, 'networking' antara agensi kerajaan dan sektor swasta akan juga ditingkatkan bagi membolehkan para usahawan belia mendapat kemudahan infrastruktur dan

premis perniagaan, sumber maklumat dan peluang pasaran melalui sistem vendor, francais, sistem payung, sistem berkelompok dan program industri kecil yang lain.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk memberi pinjaman atau bantuan kewangan yang khas kepada persatuan-persatuan belia yang didaftar di bawah MBM untuk menggalak mereka menceburi dalam bidang perniagaan supaya persatuan-persatuan belia tersebut akan berdikari dari segi sumber kewangan untuk membiayai aktiviti-aktiviti mereka?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Mengikut garis panduan Tabung Ekonomi Belia ini, kita utamakan individu belia dan juga kelompok-kelompok belia itu sendiri, tidak atas nama persatuan belia, kerana persatuan belia seharusnya tertumpu aktiviti mereka kepada kegiatan-kegiatan untuk membangunkan belia itu sendiri. Tetapi ini tidak menghalang mereka mengambil inisiatif kalau ramai di kalangan ahli-ahli mereka itu yang berminat untuk berniaga, menubuhkan kelompok, kumpulan ataupun syarikat. Menerusi syarikat itu ataupun individu dalam persatuan, mereka boleh mengambil bahagian untuk mendapatkan pinjaman di bawah Tabung Ekonomi Belia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dapati banyak program-program belia tidak dapat sambutan ataupun tidak dapat dijalankan dengan sempurna disebabkan salah satunya pegawai-pegawainya duduk dan tunggu di pejabat. Dia tak keluar ke kawasan-kawasan dan mendekati diri mereka dengan belia, dan memberi khidmat nasihat kepada belia-belia di kawasan-kawasan luar bandar. Saya dapati banyak program-program ini tertumpu di kawasan-kawasan bandar daripada

kawasan luar bandar. Jadi, bagaimanakah kementerian hendak mengatasi masalah ini supaya apabila belia-belia di luar bandar ini diberi satu pendedahan yang baik, jadi apabila mereka bermastautin di kawasan bandar, mereka tak jadi liar dan termasuk di dalam golongan-golongan masyarakat yang menjadi kerugian kepada kerajaan. Jadi, bagaimanakah cara yang paling berkesan menteri hendak mengambil tindakan supaya program belia yang berjuta-juta ringgit kita hendak luluskan ini berjaya?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasihlah kerana pertama Yang Berhormat sebutkan bahawa tidak ramai pegawai. Dengan sebab itu, pegawai ini terpaksa menumpukan tugas mereka kepada banyak bidang, bukan sahaja soal Tabung Ekonomi ini. Saya bersetuju memang adalah perlu supaya pegawai kita mengambil sikap proaktif dan berdamping dengan seberapa ramai belia. Dengan cara itu mungkin akan meningkatkan semangat mereka untuk menyambut segala usaha pembangunan yang kita rancangan, dan keduanya mendapat faedah dalam program yang telah pun kita sediakan. Oleh sebab itu, dalam pendekatan kita berhubung dengan Tabung Ekonomi Belia ini, kita mengambil langkah untuk memperluaskan maklumat ataupun pengetahuan berhubung dengan soal perniagaan ini dengan mengadakan berbagai-bagai promosi, publisiti dan juga kempen untuk memperjelaskan apa faedahnya skim seperti ini, kerana saya dapati antara kelemahannya ialah kurang maklumat dan belia-belia sendiri tidak mengetahui sebenarnya apa faedah program yang kita rancangan.

Keduanya, ialah dengan kita menambahkan jumlah kakitangan kita dan usaha ini sedang pun kita lakukan kerana pihak Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun meluluskan peruntukan tambahan-tambahan kakitangan bawah di peringkat jabatan-jabatan di daerah-daerah dan dengan cara begini kita dapat

nanti menyediakan seorang pegawai tertentu yang mungkin dengan cara begitu tidaklah mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas yang lain dan ini akan mempermudah usaha untuk berhubung dengan lebih banyak belia di peringkat-peringkat luar bandar terutamanya.

Ketiganya, ialah dengan kita menentukan supaya badan-badan belia itu sendiri bersikap ke depan dan tidak hanya menunggu untuk mendapat kemudahan-kemudahan seperti ini, tetapi kalau ada kebaikan dan program-program seperti ini menguntungkan maka adalah wajar bagi pimpinan dalam persatuan belia sendiri tampil ke hadapan berbincang dengan pihak pegawai dan kakitangan kita dengan cara begitu, hubungannya rapat dan saya kira faedah yang akan mereka perolehi adalah lebih baik lagi dan usaha seperti ini saya kira sedang pun dilakukan oleh banyak badan termasuk Majlis Belia Malaysia dan gabungan-gabungan di bawahnya seperti 4B, MAYC, JBB, YMM dan sebagainya dan mereka telah pun memberikan penerangan yang agak luas tentang program yang kita jalankan dan kita harap cara begini akan mengatasi antara masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

TAMAN PERTANIAN MALAYSIA—PENSWASTAAN

12. Tuan Michael Lisa Kaya (Bukit Mas) minta Menteri Pertanian menyatakan tujuan kerajaan untuk menswastakan Taman Pertanian Malaysia Bukit Cahaya Seri Alam dan adakah langkah ini bercanggah dengan tujuan asal kerajaan untuk membangunkan Taman Pertanian ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan menswastakan Taman Pertanian Malaysia (TPM) adalah untuk memberangsangkan pertumbuhan industri

pelancongan di negara ini yang mana TPM telah pun dikenali sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan yang unik. Ini kerana TPM merupakan satu-satunya pusat pelancongan yang direka khas dengan konsep pertanian dan mengekalkan alam semula jadi. Dengan adanya rancangan penswastaaan, Taman Pertanian ini akan dapat dimajukan dengan lebih baik. Imej Taman Pertanian Malaysia pada kaca mata pelancongan tempatan dan luar negara dapat dipelihara dan kecekapan pengurusan dan operasi Taman Pertanian itu akan dapat dipertingkatkan. Di samping itu, rancangan penswastaaan ini akan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk menswastakan Taman Pertanian Malaysia adalah tidak bercanggah sama sekali dengan tujuan asal kerajaan untuk membangunkan Taman Pertanian oleh kerana cadangan penswastaannya akan dikenakan syarat-syarat yang ketat supaya kawasan Taman Pertanian Malaysia ini terus dipelihara sebagai sebuah taman pertanian dan sebarang pembangunan di kawasan Taman Pertanian Malaysia ini yang dijangka mengubah konsep asal taman ini tidak akan dibenarkan. Ini adalah selaras dengan tujuan asal penubuhan Taman Pertanian tersebut.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, selalunya kita tengok, kadang-kadang bila kita swasta dia naik sedikit harga-harganya. Jadi, saya hendak tanya Timbalan Menteri, sama ada tidak lama bila diswastakan adakah kerajaan akan memastikan bahawa 'collection' untuk hendak melawat Taman Bukit Cherakah itu dinaikkan. Setakat hari ini berapa banyakkah tol yang dikutip untuk orang yang hendak masuk pergi melawat itu. Jadi, saya hendak pastikan bahawa, kalau boleh harga kutipan masuk itu jangan ditingkatkan kerana orang yang pergi itu hendak tengok macam mana pertanian di Malaysia—musim sejuk, musim panas,

kadang-kadang orang hendak pergi England duit tidak ada, musim sejuk mereka pergilah ke sana. (*Ketawa*). Jadi, kalau kita naikkan harga, orang-orang kampung tidak berapa hendak masuklah ke Taman Bukit Cherakah ini. Jadi, adakah menteri yang saya kira cekap fasal pertanian ini dapat memberi penjelasan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita swastakan, maka faktor viability projek itu perlu diutamakan di samping kita hendak mengekalkan kepentingan-kepentingan yang lain. Jadi, ini bermakna bayaran masuk yang dikenakan sekarang RM3.00 pada seorang dewasa pada fikiran kita terlalu rendah dan tidak mampu untuk hendak membayar kos operasi pengurusan pun, misalnya, dari tahun 1989 hingga 1995 kita hanya mampu memungut sebanyak RM5.9 juta sahaja pendapatan pintu masuk dan lain-lain, sedangkan perbelanjaan kita, belanja mengurus sahaja hampir RM4 juta setahun. Jadi ini tidak masuk lagi belanja pembangunan yang hampir RM100 juta. Jadi, apakah salahnya kalau dinaikkan pada kadar harga yang munasabah. Tetapi saya tidak dapat menentukan berapa, kerana perkara ini akan dibincang dan kementerian saya akan mengawal supaya kenaikan itu adalah munasabah.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah seluruh projek ini diswastakan ataupun hanya pengurusannya sahaja dan jika seluruhnya diswastakan berapakah nilai yang kerajaan tuntutan dari pihak swasta termasuk nilai tanah kerajaan itu?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, peringkat akhir penilaian kita belum lagi dibuat keputusan, namun demikian, minat untuk penswastaaan ini dari segi pengurusan sahaja, tidak melibatkan pemberian tanah—cuma dari segi pengurusan. Walaupun begitu sepertimana yang dikatakan, keputusan akhir belum lagi diputus dan masih dalam perbincangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah (Batu).

(Soalan No. 13—Y.B. Dato' Joseph Chong Chek Ah tidak hadir)

PORT DICKSON—RANCANGAN PENGINDAHAN

14. Dr. L. Krishnan (Teluk Kemang) minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan memandangkan Pantai Port Dickson adalah merupakan salah satu pusat peranginan laut yang terkemuka di negara ini, adakah kementerian mencadangkan supaya mengatur rancangan pengindahan pantai-pantai di daerah ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, kita memang bersetuju bahawa pantai Port Dickson ini merupakan salah satu pantai yang terbaik sebagai pusat peranginan laut, maka itu beberapa langkah telah diambil untuk mempercantik dan memperindahkan lagi pantai-pantai di Port Dickson ini supaya ianya dikunjungi oleh pelancong.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kementerian telah berbelanja sebanyak RM2.8 juta untuk membuat beberapa kemudahan seperti program pembinaan taman awam di Pantai Telok Kemang, misalannya, pembinaan bilik mandi dan tandas awam serta pembinaan semula 29 unit gerai-gerai yang bertaburan sebelum ini. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, yang sedang diperbincangkan sekarang, kementerian akan memperuntukkan sedikit lagi wang untuk tujuan ini dan akan menyambung kerja yang telah kita mulakan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan juga bahawa kedudukan Port Dickson yang berhampiran dengan

Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) menjadikannya sebagai salah satu tempat tarikan pelancongan yang amat berpotensi. Kerajaan Negeri Sembilan telah mengambil tindakan menggazetkan semua pantai-pantai di Port Dickson dan oleh itu segala kelulusan untuk membina bangunan-bangunan di pantai ini perlu diambil kira—pantai ini digazetkan sebagai 'public beach', dengan izin, ataupun 'Pantai Awam'.

Di samping itu juga Negeri Sembilan telah mengambil tindakan menyediakan jalan masuk ke pantai-pantai yang sekarang ini tidak ada jalan masuk. Ini juga merupakan satu usaha untuk mempopularkan lagi Port Dickson sebagai pantai peranginan bagi pelancong-pelancong tempatan dan juga pelancong-pelancong luar negara.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian Yang Berhormat Dato' yang telah berjaya menarik ramai pelancong datang ke negara kita. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah pihak kementerian Yang Berhormat Dato' telah membuat kajian, sebab-sebab ataupun punca-punca sebenarnya mengapa ramai pelancong-pelancong suka datang ke Malaysia ini? Adakah kerana daya tarikan pantai yang indah ataupun alam semulajadi yang indah ataupun kerana orang Malaysia ini cantik-cantik dan sebagainya? (*Ketawa*)

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, banyak sebab mengapa pelancong-pelancong datang ke Malaysia, yang pertamanya, sebab ada security, ertinya keselamatan baik di sini, harga barangan agak berpatutan, kompetitif, banyak produk-produk yang dapat dinikmati oleh pelancong-pelancong ini yang mempunyai berbagai keinginan dan penganan, pantai pun ada, bukit bukau pun ada dan banyak lagi tempat-tempat, termasuk juga yang penting kerana adanya promosi yang berterusan oleh pihak

kerajaan melalui Tahun Melawat Malaysia '90, Tahun Melawat Malaysia '94 misalnya. Ini semuanya merupakan sebab-sebab mengapa ramai pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dapati terdapat banyak pengusaha-pengusaha hotel telah memagar kawasan milik mereka ini sampai ke pantai yang mana pantai ini adalah untuk orang awam yang mana orang awam tidak dapat menggunakan sebahagian daripada kawasan pantai apabila pihak pengurusan hotel memagar kawasan tersebut: Jadi, saya ingin tahu, apakah langkah pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini untuk kemudahan orang awam?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dipagar pantai awam (public beach) ini kerana ini untuk kegunaan ramai, dalam pada itu ada juga mereka yang tidak bertanggungjawab memagar. Jadi, saya berharap sangat pihak berkuasa tempatan kerana kita tidak ada kuasa ini, pihak berkuasa tempatan mengambil tindakan sewajarnya, sama ada memaksa yang memagar itu merobohkan pagarnya ataupun mengambil tindakan-tindakan lain supaya tidak memagar pantai-pantai public ini.

BEKALAN ELEKTRIK DI LUAR BANDAR—SUMBER PEMBINAAN PROJEK HIDRO

15. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan berapakah bilangan buah kampung dan rumah panjang serta isi rumah yang telah menerima manfaat dari program Elektrik Luar Bandar bagi tiap-tiap negeri dalam Rancangan Malaysia Keenam dan adakah kementerian bercadang untuk memberi tekanan kepada penduduk luar bandar khususnya di kawasan pedalaman negeri Sarawak di

mana sumber untuk membina projek mini hidro ini sangat mudah didapati.

Dato' K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, program bekalan elektrik luar bandar telah memberi manfaat kepada 2,103 kampung atau rumah panjang serta 513,700 isi rumah seperti jadual berikut:

	<i>Jumlah Kampung</i>	<i>Jumlah isirumah</i>
Semenanjung Malaysia	1,256	237,585
Sabah	322	121,220
Sarawak	525	154,895

Kementerian memang memberi penekanan kepada bekalan elektrik luar bandar ke negeri Sarawak. Sistem bekalan elektrik di kawasan-kawasan pedalaman sama ada menggunakan sistem grid atau sistem alternatif yang lain termasuk kaedah mini hidro adalah ditentukan oleh kesesuaian setempat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita melihatkan bahawa permasalahan pembekalan elektrik ke kawasan-kawasan luar bandar pada hari ini memang telah mencapai tahap yang baik. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya adakah langkah akan lebih ditekankan kepada pembekalan kuasa elektrik ini kepada masyarakat Orang Asli di Semenanjung ini kerana pada waktu ini masih terdapat lagi ramai keluarga kaum Orang Asli yang tidak mendapat bekalan elektrik umpamanya daripada kawasan saya sendiri?

Dato' K. Kumaran: Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, kawasan saya pun belum dapat juga bekalan elektrik bagi kaum Orang Asli dan kerajaan sedang mengambil tindakan untuk membekalkan bekalan elektrik kepada semua rakyat termasuk Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 4, 13, 16 hingga 51 akan dijilid dalam buku berasingan)

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat

yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. [6hb Mei, 1996]

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli Yang Berhormat dari Tanjong diminta sambung.

3.35 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, semalam apabila Dewan yang mulia ini ditangguh, saya sedang mengemukakan empat perkara mengenai multimedia supercorridor (MSC).

Pertama sekali, publisiti yang mengelilingi MSC ini memberikan satu gambaran bahawa Malaysia merupakan negara pertama yang membentuk bandar raya cerdas atau intelligent city, walhal banyak bandaraya cerdas sedang digubal di lain-lain negara. Malah Filipina mempunyai cita-cita untuk membina sebuah 'bandaraya cyber' di pelabuhan bebas Subic Bay dan negara-negara lain seperti Singapura, New Zealand dan Kanada telah pun membentuk objektif untuk membina negara cerdas.

Kedua, adakah perbelanjaan RM2 bilion ke RM4 bilion hanya untuk mendapatkan satu kesan demonstrasi mengenai multimedia di suatu koridor seluas 15 kali 40 kilometer ini merupakan prioriti yang wajar dalam usaha menggalakkan IT di Malaysia?

Ketiga, projek MSC telah membina satu imej bahawa Malaysia kini berada di baris depan inovatif IT di dunia. Ini tidaklah benar. Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU) baru-baru ini telah membuat perbandingan di kalangan 39 negara dari segi persiapan multimedia mereka dengan membandingkan provisi

talian telefon dan kadar penyerapan televisyen dan komputer setiap orang.

Dalam perbandingan berkenaan, Malaysia terletak di tempat ke-28. 20 negara pertama yang dikenal pasti adalah Amerika Syarikat, Denmark, Kanada, Sweden, Australia, Switzerland, Netherlands, Jerman, Jepun, Britain, Austria, Belgium, Singapura, Hong Kong, Sepanyol, Itali, Hungary, Korea Selatan dan Taiwan. Ini menunjukkan bahawa Malaysia masih perlu berusaha lebih kuat lagi untuk merapatkan jarak dengan lain-lain negara yang lebih maju dalam bidang teknologi maklumat.

Keempat, adakah projek MSC selaras dengan prinsip, dengan izin, universal affordable and equitable access untuk lebuhraya maklumat menjadikan NII mampu digunakan oleh semua rakyat setiap masa, menghapuskan kezaliman jarak dan memastikan bahawa tidak wujud pembahagian rakyat Malaysia menjadi kaya maklumat dan miskin maklumat. Biar pun apa keadaannya, dasar IT Malaysia harus mempunyai sasaran supaya bukan sahaja industri di Putrajaya sahaja yang disambungkan ke seluruh dunia, tetapi semua industri di seluruh Malaysia pun berupaya disambungkan ke seluruh dunia. Sememangnya kita boleh memegang alasan bahawa kedudukan IT Malaysia adalah lebih baik daripada kebanyakan negara sedang membangun di dunia.

Malaysia bukan sahaja lebih maju dari Bangladesh dan Bhutan, dua negara di Asia Selatan yang tidak mempunyai sambungan Internet sepenuhnya menyebabkan mereka digambarkan sebagai, dengan izin, rickshaws on the Infobahn, tetapi juga kebanyakan negara sedang membangun yang lain.

Menurut satu kajian yang dijalankan oleh Institut Panos yang dikeluarkan pada bulan Januari tahun ini bertajuk 'The Internet and the South'—Superhighway

or dirt-track, ia melaporkan fakta-fakta utama berikut:

- (i) Internet berlipat kali ganda saiznya dalam tahun 1994 dan memang begitu sejak tahun 1988. Ia merupakan pengantara komunikasi yang berkembang dengan paling pantas dalam sejarah manusia;
- (ii) Lebih dari 40 juta orang mendapat akses ke Internet. Dalam pertengahan 1995, ada lebih kurang lima juta host computer yang disambungkan ke Internet, tetapi lebih kurang 70% daripadanya berada di Amerika Syarikat;
- (iii) Lebih dari 110 negara mempunyai akses terus ke Internet. Sekiranya mengambil kira lain-lain rangkaian E-mail, 168 telah disambungkan ke Net. Semua negara utara serta kebanyakan negara Eropah Timur, Latin Amerika dan Asia Selatan mendapat akses ke Net. Sebahagian Afrika Tengah dan Selatan disambungkan hanya ke E-mail, sama juga dengan sesetengah negara Afrika. Tetapi kebanyakan negara Afrika tidak mendapat akses langsung.
- (iv) Akses memerlukan satu talian telefon. 49 negara memiliki kurang dari satu talian telefon untuk setiap 100 rakyat. 35 darinya berada di Afrika. Sebagai contoh, India memiliki 8 juta talian telefon untuk 900 juta rakyat. Pada kadar global, sekurang-kurangnya 80% populasi dunia masih kekurangan kemudahan telekomunikasi yang paling asas.
- (v) Bagi 10% penduduk London yang menganggur, sebuah komputer yang berharga US\$1,500 akan mewakili lebih kurang jumlah pendapatan enam bulan mereka. Untuk 45% rakyat Indonesia yang 'under-employed', ia mewakili pendapatan tunai untuk beberapa

tahun. Kos modem di India adalah empat kali ganda lebih tinggi dari harga di Amerika Syarikat, sungguhpun perbezaan taraf kedua-duanya masih belum diambil kira.

- (vi) Kini sudah ada lebih dari 80,000 syarikat yang disambungkan ke Internet dan lebih dari 6.8 juta dokumen boleh diperolehi di atas World Wide Web.

Semua ini merupakan statistik yang mengejutkan dan menggambarkan aspek buruk mengenai pembahagian baru yang semakin meningkat di antara 'kaya maklumat' dan 'miskin maklumat' di kalangan masyarakat antarabangsa yang memerlukan tindakan antarabangsa segera untuk menyelesaikannya.

Malaysia tidak perlu berbangga dengan kedudukan kita yang lebih baik dari kebanyakan negara sedang membangun kerana kita mesti membanding bukan sahaja dengan yang paling buruk tetapi juga dengan yang paling baik, sebab kita memang berhasrat untuk mencapai piawai kecemerlangan kelas dunia dan bukannya piawai kelas negara-negara mediocrity ataupun piawai kelas negara-negara paling buruk.

Malaysia telah mengalami pertumbuhan eksponenial dalam segi pelanggan dan pengguna Internet, walaupun saya terkejut dengan beberapa percanggahan mengenai IT dan pembangunan IT di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Para 14.19 dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini mengatakan bahawa selepas Jaring disambungkan ke Internet pada tahun 1992, jumlah pelanggan Jaring bertambah dengan pantasnya dari 30 di tahun 1992 menjadi 14,400 pada tahun 1995 dan sepadan dengan itu, jumlah pengguna dianggarkan bertambah dari 90 menjadi 43,200.

Ini berbeza dengan jawapan yang saya terima dari Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam Parlimen pada 22hb April 1996, yang mengatakan bahawa pada akhir tahun 1995 pelanggan Jaring adalah seramai 15,656 dan telah bertambah menjadi 21,126 pada akhir Februari 1996.

Para 14.41 menganggarkan bahawa jumlah pelanggan Jaring akan bertambah menjadi 400,000 pada akhir rancangan ini dalam tahun 2,000. Ini sekali lagi bercanggah dengan anggaran yang diumumkan oleh Ketua Pengarah MIMOS, Dr. Tengku Mohd Azzman Shariffadeen pada Mac tahun ini bahawa dengan kadar pertumbuhan 22% sebulan, beliau menjangka pelanggan Jaring akan mencapai 150,000 pada akhir tahun ini dan mencapai 500,000 pada akhir tahun 1997. Mengikut asas tiga pengguna untuk setiap pelanggan, ini bererti 10% dari populasi negara ini akan menjadi pengguna Internet pada akhir tahun 1997.

Anggaran bahawa 10% dari populasi negara ini akan mendapat akses Internet pada akhir tahun depan telah diulangi oleh Ketua Pengarah MIMOS bulan lepas dan kita mesti bertanya mengapakah percanggahan yang begitu besar boleh wujud dalam kedua-dua anggaran ini, iaitu 500,000 pelanggan Jaring pada akhir tahun 1997 yang diulangi oleh Ketua Pengarah MIMOS dan angka 400,000 pelanggan Jaring pada akhir tahun 2,000 sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, memandangkan rancangan ini tidak akan mendapat anggaran sebegini dari sumber lain melainkan dari MIMOS?

Sekiranya anggaran Rancangan Malaysia Ketujuh adalah benar, maka ini bererti bahawa pertumbuhan bulanan pelanggan Jaring mula dari sekarang akan berada dalam lingkungan 5.2% yang merupakan suku pertumbuhan bulanan sejak tahun lepas yang melebihi 22%. Apakah alasan bagi kerajaan untuk

menjangkakan penurunan yang begitu drastik dalam pelanggan baru Jaring ini yang bertentangan dengan arus masa kini?

Sekiranya pertumbuhan bulanan 22% ini pun tidak dapat berterusan sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh sehingga tahun 2,000 dan perlu dikurangkan secara beransur-ansur, apakah alasan untuk menolak anggaran yang dibuat oleh MIMOS bahawa pertumbuhan masa kini akan berterusan hingga tahun depan dan mencapai 500,000 pelanggan?

Anggaran yang berbeza ini adalah penting untuk pertumbuhan masa depan dan pembangunan IT secara am dan Internet secara khas kerana ia akan mempengaruhi pelaburan yang diperlukan selaras dengan permintaan dalam pembangunan infrastruktur maklumat kebangsaan. Rancangan Malaysia Ketujuh mengatakan tentang peruntukan RM400 juta untuk membina 100 nod lagi di seluruh negara untuk menambahkan kapasiti Jaring, tetapi sekiranya pelanggan-pelanggan Jaring adalah dianggarkan bertambah menjadi 500,000 pada akhir tahun depan dan bukannya 400,000 pada akhir tahun 2,000, maka rancangan modal sebegini jelas tidak mencukupi dan kita boleh menjangkakan kesesakan Internet yang paling buruk dalam bulan-bulan yang akan datang, lebih buruk dari apa yang selalu dihadapi kini.

Perkara ini membangkitkan persoalan sama ada kerajaan serius untuk menggalakkan secara aktif akses Internet di kalangan rakyat Malaysia sehingga berada di baris depan negara yang memiliki paling ramai pengguna Internet berpopulasi di kalangan antarabangsa.

Di masyarakat kita ini masih wujudnya sikap ketakutan dan penentangan terhadap teknologi maklumat. Kita harus mengingati bahawa manusialah yang mengeksploit teknologi dan bukan sebaliknya. Lebuhraya maklumat bukanlah hanya mengenai teknologi,

pertimbangannya juga bukan setakat komersial sahaja. Lebuhraya maklumat adalah mengenai cara memperbaiki kualiti kehidupan rakyat Malaysia.

Sebagai contohnya, Internet hanya merupakan suatu alat yang amat berkuasa, tetapi bukannya penyelesaian (solution). Internet bukannya ubat ajaib sama seperti teknologi sahaja tidak akan dapat membekalkan kemajuan. Bagaimana cara rakyat Malaysia menggunakan isi kandungan (content) di atas Lebuhraya maklumat, dan nilai yang diperkayakan oleh isi kandungan ini ke dalam kehidupan kitalah yang merupakan isu muktamad.

Dalam ekonomi lama, sumber semulajadi dan infrastruktur fizikal menentukan kekuatan persaingan sesuatu negara. Di dalam ekonomi global kini pula, ilmu pengetahuan yang merupakan sumber utama dan kualiti tenaga kerja sesuatu negara adalah penting dalam menentukan kekuatan persaingan. Tumpuan dalam transisi ini adalah bagaimana menjadikan pekerja-pekerja menggunakan maklumat secara cerdas. Cabaran paling besar kepada teknologi maklumat adalah pembentukan budaya ilmu. Satu masyarakat yang meletakkan ilmu sebagai tumpuan utamanya dan menganggap ilmu sebagai tumpuan kehidupan peribadi serta pekerjaan.

Malaysia harus menyahut cabaran teknologi maklumat ini dengan mengumumkan pembentukan masyarakat berilmu sebagai wawasan dan objektif strategik kebangsaan. Adalah signifikan bahawa di dalam 9 objektif strategik pencapaian Wawasan 2020, kedua-dua matlamat ialah masyarakat berilmu dan kepentingan strategik teknologi maklumat jelas tidak ternampak.

Wawasan masyarakat berilmu ini mesti wujud bersama-sama teknologi maklumat untuk membekalkan alam pembelajaran seumur hidup di mana semua rakyat Malaysia akan mendapat akses kepada

segala peluang bidang pelajaran dan peralatan untuk berjaya dalam ekonomi global abad ke-21. Sekiranya kita mahu mencapai wawasan masyarakat berilmu ini, maka satu syarat penting adalah menjadikan akses ke lebuhraya maklumat sebagai suatu yang universal, mampu ditanggung dan relevan seperti perkhidmatan telefon dan televisyen.

Sehubungan ini, kerajaan harus mempertimbangkan kembali kelulusan yang diberikan kepada Telekom untuk mengenakan caj berdasarkan masa mulai bulan depan yang akan juga mengenakan lebihan caj ke atas penggunaan Internet walaupun pernah dijanjikan satu pakej rebat, kerana ini bertentangan dengan prinsip memastikan akses universal, mampu dibayar dan sama rata ke lebuhraya maklumat.

Sungguhpun Bab atas pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, untuk kali pertamanya wujud satu bahagian sepanjang empat perenggan mengenai teknologi maklumat dalam pendidikan, tetapi keseluruhan polisi dan strategi pendidikan mesti dikaji semula dan dibentuk semula mengikut wawasan masyarakat berilmu, terutama sekali memandangkan Malaysia kini ketinggalan di belakang lain-lain negara maju dan NIC dalam usaha memupuk satu masyarakat computer-literate.

Sebenarnya, sekiranya kerajaan benar-benar serius mengenai teknologi maklumat di dalam pendidikan dan masyarakat berilmu, ia harus mempertimbangkan semula dan melaksanakan cadangan DAP supaya menjadikan literasi komputer sebagai mata pelajaran teras dalam kurikulum sekolah-sekolah rendah dan menengah. DAP mengemukakan cadangan ini dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Pendidikan dalam Parlimen Disember lepas, tetapi malangnya cadangan ini tidak diterima.

Program literasi komputer yang dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keenam hanya merupakan pilot project untuk sekolah-sekolah rendah dalam segi pendidikan dan pembelajaran bantuan komputer yang dilaksanakan dalam tahun 1994 melibatkan 15 sekolah di Selangor untuk pelajar-pelajar Darjah 4, 5 dan 6 serta satu projek pilot sekolah menengah mengenai literasi komputer melibatkan 60 sekolah-sekolah kawasan luar bandar Tingkatan 1 dan 2. Ini jauh ketinggalan dari usaha yang dilakukan oleh lain-lain negara yang faham sekali mengenai kepentingan kritikal IT untuk ekonomi masa depan.

Dalam tahun 1995, lebih dari 4,000 dari 16,000 sekolah Kanada telah disambungkan ke lebuhraya maklumat melalui Schoolnet. Matlamatnya adalah untuk disambungkan ke semua sekolah, universiti, kolej dan perpustakaan Kanada. Keseluruhannya, sebanyak 23,000 buah, secara elektronik pada tahun 1998.

Singapura akan menyambungkan semua sekolah rendah dan menengahnya ke Internet pada tahun 1998, manakala latihan komputer akan menjadi mandatori di sekolah-sekolah junior high di Taiwan. Di Jepun, pada tahun 1999, kerajaan bercadang untuk meletakkan sebuah komputer di setiap meja setiap pelajar sekolah menengah dan sebuah komputer untuk setiap dua orang pelajar sekolah rendah.

Di Malaysia, Kementerian Pendidikan tidak dapat memberikan satu tarikh yang pasti mengenai soal bilakah semua 8,500 sekolah di Malaysia akan disambungkan ke Internet. Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mendirikan pusat sumber elektronik di setiap sekolah dengan sejumlah 40 komputer setiapnya.

Sekiranya ini dilaksanakan, ia bererti kita memerlukan tambahan 380,000 buah komputer, lebih dari jumlah komputer

peribadi (personal computer) di negara ini dalam tahun 1995. Ini adalah kerana mengikut Perenggan 14.04, Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan bahawa jumlah komputer peribadi telah bertambah dengan banyaknya dari 100,000 unit dalam tahun 1990 menjadi 310,000 unit dalam tahun 1995.

Adakah Kementerian Pendidikan dan kerajaan bersedia untuk melakukan pelaburan IT yang diperlukan ini untuk membekalkan sekolah-sekolah kita dengan 380,000 komputer di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini? Bagaimanapun, satu masalah perlu diselesaikan dahulu sebelum semua sekolah mendapat faedah dari program literasi komputer, iaitu pembekalan tenaga elektrik.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus telah menunaikan janjinya kepada saya semasa menggulung perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja bulan lepas dan membekalkan saya dengan angka-angka mengenai jumlah sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini yang tidak mendapat bekalan tenaga elektrik. Saya merasa terkejut apabila mendapat tahu bahawa 25 sekolah menengah dan 1,295 sekolah rendah di negara ini tidak mendapat bekalan tenaga elektrik.

Kerajaan harus melancarkan satu program tergepar untuk memastikan bahawa kesemua 25 sekolah menengah akan dapat bekalan tenaga elektrik pada akhir tahun ini, sama ada menerusi sambungan Tenaga Nasional atau pun generator dan bahawa semua sekolah rendah di negara ini akan mendapat bekalan tenaga elektrik dalam masa dua tahun.

Biarlah kita membuat komitmen di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini untuk menjadikan sekolah-sekolah kita persekitaran yang kaya teknologi, sebagai cara menjadikan pelajar-pelajar kita mahir dalam teknologi dan menganggap ia

sebagai indikmen bagi persekolahan dan orang yang mengendalikannya sekiranya kebanyakan pelajar-pelajar kita tidak literate komputer sepenuhnya sebelum akhir persekolahan rendah.

Komitmen ini akan melibatkan satu pendekatan yang baru, malah revolusionari dalam latihan guru-guru untuk menggunakan IT dalam pembelajaran, kerana penembusan (penetration) teknologi ke dalam bilik darjah ini akan menakrif semula perhubungan guru-pelajar di mana guru akan bertukar dari seorang pemimpin serba tahu, menjadi seorang pemandu pelancong ke infosphere.

Kegagalan kerajaan menangani masalah dan cabaran teknologi maklumat dan pembinaan satu masyarakat berilmu sehingga hari ini boleh dilihat dari ketidakupayaannya untuk menganggarkan keperluan dan kekurangan tenaga manusia IT masa depan.

Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan dalam bahagian Tenaga Manusia untuk IT bahawa sejumlah 27,174 tenaga kerja IT diperlukan dalam tempoh rancangan melibatkan kepakaran di dalam bidang pembangunan dan kejuruteraan sistem, pengurusan operasi, perundingan, latihan, penyelidikan dan pembangunan, pembangunan perisian dan pengurusan pangkalan data, tetapi jumlah output tenaga manusia berkaitan dengan IT untuk institusi-institusi sektor awam dan swasta adalah sejumlah 20,166. Ini bererti kekurangan tenaga manusia berkaitan dengan IT seramai 7,008 dalam tempoh lima tahun dari 1991 ke 1995.

Bagaimanapun, tidak terdapat statistik mengenai kekurangan yang dijangkakan dalam tenaga manusia berkaitan dengan IT yang diperlukan untuk lima tahun akan datang atau mengenai bagaimana negara ini dapat memperkembangkan pendidikan dan latihan ITnya untuk mencapai keperluan yang dijangkakan serta bagaimana untuk mengatasi kekurangan

7,000 kakitangan berkaitan dengan IT masa kini.

Ini hanya membuktikan kelemahan pembangunan IT Malaysia yang dikenal pasti dalam Laporan Bank Negara 1995 terbaru, dua antaranya adalah:

- (i) Kekurangan perangkaan industri di mana petikannya ialah:

“Industri IT menghadapi masalah kekurangan data untuk kedua-dua perancangan swasta dan awam. Perkhidmatan IT pada masa ini tidak dimasukkan ke dalam kaji selidik mengenai perkhidmatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan. Setakat ini tidak terdapat pengkelasan umum mengenai industri IT kerana barangan IT telah dikelaskan di bawah sektor perkilangan dan perkhidmatan di dalam sistem akaun nasional”;

- (ii) Kekurangan Jaringan maklumat yang bersepadu:

“Sebahagian besar daripada aktiviti IT adalah lebih tertumpu pada pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data daripada penghasilan, pembangunan dan penyebaran maklumat. Satu jaringan maklumat yang bersepadu akan memperbaiki penyampaian maklumat yang kerap lewat dan bertaburan di merata agensi dan tempat.”

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan ini, kita akan meragui sama ada negara ini, terutama sekali pemimpin-pemimpinnya memiliki hasrat untuk mendorong negara ini memasuki ke zaman maklumat.

Semasa membahas Titah Ucapan Diraja pada 26 Mac 1996, saya pernah mencadangkan supaya dibentuk satu Homepage Parlimen dan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen

mengenai IT supaya Parlimen dapat menjadi teladan menggalakkan kesedaran orang ramai mengenai faedah IT dan menyumbang ke atas memupuk literasi komputer di Malaysia. Kedua-dua cadangan ini telah tidak diendahkan dan kerajaan tidak menunjukkan sebarang response.

Saya merasa sungguh tidak tepat, malah tidak sesuai berbahas di dalam Dewan Rakyat mengenai kepentingan meletakkan Malaysia di baris depan lebuhraya maklumat, NII, GII serta wawasan mencapai satu masyarakat berilmu, sementara Parlimen kita sendiri nampaknya telah pun berazam untuk kekal IT-iliterate dan memilih ketinggalan dalam era pre-IT.

Sekiranya Parlimen tidak bersedia untuk mencungkil sikap pre-ITnya ini, maka ia akan menjadi sesuatu yang memalukan negara ini kerana mahu terus menjadi dinosaur IT, sementara keseluruhan negara telah bersedia untuk memasuki ke zaman maklumat.

Ahli-ahli Parlimen semua parti politik harus bekerjasama untuk memindahkan Parlimen ini ke era elektronik dengan menggunakan Internet dan membekalkan akses awam ke bahan-bahan Parlimen, misalnya sejarah rakyat, urusan dan rekod Parlimen, kertas notis harian, *Aturan Urusan Mesyuarat*, program harian, pertanyaan dan jawapan Parlimen, program mendapat kembali atau retrieval *Hansard*, Votes and Proceedings, transkrip Jawatankuasa dan lain-lain.

Sejak saya membuat cadangan ini pada bulan Mac, Parlimen Singapura telah mengadakan Homepagenya sendiri di atas Internet. Saya berharap seruan saya sekali lagi hari ini supaya Parlimen masuk Net dan membekalkan orang ramai dengan bahan-bahan Parlimen dengan mengadakan Homepage sendiri dan supaya satu Jawatankuasa Khas Parlimen mengenai IT ditubuhkan untuk

menggalakkan para Menteri dan Ahli Parlimen menjadi teladan mengenai IT ditubuhkan dan membolehkan orang ramai mencapai akses mereka melalui lebuhraya maklumat ini akan mendapat response yang lebih menggalakkan dari kerajaan, semua Ahli-ahli Parlimen dan Parlimen kali ini.

Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan atau NITC yang dibentuk oleh kerajaan pada bulan Mei 1993 untuk menjadi think-tank serta penasihatnya dalam mengkordinasikan dan memimpin perancangan serta pengurusan IT sebagai peralatan strategik untuk pembangunan sosio-ekonomi kebangsaan nampaknya tidak berupaya membentuk satu rancangan IT kebangsaan yang telah ditunda sehingga Rancangan Malaysia Ketujuh, menjadikan Malaysia salah satu negara paling lambat mengadakan rancangan IT.

Sungguhpun NITC telah memulakan proses membentuk rancangan IT kebangsaan, Rancangan Malaysia Ketujuh hanya berupaya membekalkan butiran yang terhad mengenainya kerana apa yang dapat dipamerkannya hanyalah satu perenggan mengenai Rancangan Tindakan Kebangsaan di bawah bahagian 'Prospek 1996-2000' yang menyatakan:

"Untuk memastikan perancangan dan pengurusan yang terselaraskan dalam pembangunan IT di negara ini, MTMK akan merangka satu pelan tindakan nasional. Pelan ini antara lain akan merangka langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan pembangunan Malaysia sebagai pusat IT serantau dan menggariskan skop, saiz dan jadual ke atas rancangan dan program serta mengenal pasti infrastruktur sokongan yang diperlukan dari segi pendidikan dan latihan. Pelan ini juga akan mengenal pasti rancangan dan sumbangan sektor awam dan swasta."

Kerajaan perlulah memuktamadkan dengan segera Rancangan Tindakan Kebangsaan IT ini yang seharusnya

melibatkan penyertaan dari seluas-luas perwakilan masyarakat Malaysia, sama ada telekomunikasi, penyiaran dan industri teknologi maklumat, masyarakat artistik, kreatif dan pendidikan, serta pertubuhan-pertubuhan pengguna dan pekerja. Ini adalah kerana isu-isu dasar yang luas meliputi budaya ke soal akses, dari pembelajaran ke penyelidikan dan pembangunan akan perlu dipertimbangkan.

Kerajaan harus menjanjikan bahawa Rancangan Tindakan Kebangsaan IT ini akan membenarkan perbahasan dan penyertaan orang ramai yang seluas-luasnya supaya menjadikan satu rancangan untuk negara ini berusaha memasuki zaman maklumat yang kita sedang ketinggalan kini.

Sementara negara ini menunggukan Rancangan Tindakan Kebangsaan IT, saya ingin menyeru supaya kerajaan menyampaikan satu isyarat yang jelas kepada para rakyat Malaysia serta dunia bahawa IT menduduki prioriti tinggi atas urusan kerajaan dengan menerima dua langkah yang juga akan memupuk perasaan serius dan penting mengenai transisi Malaysia ke satu masyarakat berilmu dan bermaklumat.

Pertama sekali, dengan membentuk satu kementerian penuh mengenai teknologi maklumat untuk memimpin pembangunan IT dan mengkoordinasi pembinaan NII untuk mengkomplimen GII dengan objektif menjadikan Malaysia pemimpin dunia dalam segi teknologi maklumat.

Kedua, menyediakan dan mengemukakan satu laporan status tahunan mengenai pembangunan, masalah dan cabaran IT yang akan dibahas di dalam Parlimen untuk memupuk satu golongan penduduk Malaysia yang IT literate.

Sekiranya Jabatan Alam Sekitar boleh mengeluarkan laporan tahunan mengenai keadaan alam sekitar di negara ini, maka

sama juga penting bahawa kerajaan mengeluarkan laporan tahunan mengenai kedudukan IT di Malaysia sekiranya kita memang mahu menduduki satu tempat yang sewajarnya di dalam zaman maklumat.

Dalam laporan tahunan IT ini, kerajaan harus menyentuh isu-isu yang berkaitan dengan teknologi maklumat termasuk:

- (i) data terbaru mengenai sambungan internet sebagai tanda akses internet, termasuk satu kajian semula mengenai progres sambungan ke sekolah, perpustakaan, institusi pendidikan dan pertubuhan penjagaan kesihatan ke internet;
- (ii) akses yang universal, mampu dibayar dan sama rata;
- (iii) progres dan kadar pembinaan NII;
- (iv) kerajaan sebagai pengguna teladan (model user) dan bagaimana perkhidmatan kerajaan menjadi semakin berkesan, kos efektif dan responsif kepada keperluan orang ramai; dan
- (v) pelaburan strategik ke dalam aplikasi-aplikasi lebuhraya maklumat untuk memperkukuhkan kualiti hidup, penjagaan kesihatan berkualiti dan mempertingkatkan akses ke pendidikan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan berkomited untuk mempercepatkan lagi program penswastanya di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Apa yang menyusahkan perasaan rakyat Malaysia adalah program penswastan rakyat Malaysia yang mengenalkan versi terbaru iaitu pengguna membayar (user pay) di dunia penswastan, iaitu membayar untuk perkhidmatan yang tidak wujud atau telah tamat ataupun bayar sekarang, perkhidmatan kemudian.

Contoh yang paling sesuai untuk menggambarkan fakta tersebut di atas adalah keputusan rahsia yang diambil oleh Jemaah Menteri pada tahun lepas yang membenarkan bekas pemegang konsesi Kamunting Corporation untuk meneruskan pengutipan tol dari pembawa kereta yang menggunakan Jalan Kuching-Jalan Kepong sungguhpun konsesi sembilan tahunnya telah tamat pada 8hb Januari 1996.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya berkata minggu lepas bahawa sungguhpun konsesi sembilan tahun yang lepas telah tamat, Jemaah Menteri telah membenarkan Kamunting Corporation untuk meneruskan pengutipan tol untuk tempoh enam bulan lagi sementara menunggu keputusan muktamad Unit Perancangan Ekonomi. Beliau berkata bahawa Jemaah Menteri telah bersetuju secara prinsip untuk membenarkan Kamunting Corporation meneruskan pengutipan tol untuk tempoh selama tujuh tahun lagi dan EPU serta syarikat berkenaan masih berbincang untuk menentukan sama ada Kamunting Corporation dapat melanjutkan bidang (scope) kerja mereka.

Beliau berkata bahawa kerajaan akan melanjutkan pengutipan tol untuk lebih panjang lagi sekiranya perundingan di antara EPU dan syarikat berkenaan belum selesai. Beliau berkata bahagian jalan berkenaan perlu dipertingkatkan kedudukannya hasil dari keadaan sesak kerana bertambahnya jumlah kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sungguh memeranjatkan atas tujuh sebab. Pertama, para pemandu kenderaan terutama sekali mereka di sekitar Wilayah Persekutuan, telah ditipu (taken for a ride) oleh kerana yang pernah berjanji bahawa selepas tamatnya tempoh konsesi sembilan tahun, Jalan Kuching akan menjadi bebas tol.

Kedua, bagaimanakah Jemaah Menteri boleh membenarkan Kamunting Corporation meneruskan pengutipan tol mereka

selepas tamat sembilan tahun tempoh konsesi pada 8hb Januari, memandangkan ia merupakan pengutipan tol yang tidak membekalkan sebarang perkhidmatan, ataupun untuk perkhidmatan yang telah tamat, iaitu peningkatan status bahagian Jalan Kuching sembilan tahun yang lepas.

Ketiga, alasan bahawa Jemaah Menteri telah mengambil keputusan secara prinsip untuk membenarkan Kamunting Corporation mengutip tol selama tujuh tahun lagi bagi meningkatkan status bahagian Jalan Kuching adalah sama seperti membenarkan syarikat berkenaan mengenakan prinsip 'bayar sekarang, perkhidmatan kemudian' (pay now, service later). Sungguhpun Kamunting Corporation akan diberi konsesi baru untuk meningkat sekali lagi status Jalan Kuching, ia harus dibenarkan untuk mengutip tol baru selepas kerja pembinaan jalan yang baru telah siap dilakukan.

Keempat, mengapakah tidak diadakan proses tender terbuka untuk konsesi meningkatkan status bahagian Jalan Kuching ini, supaya kepentingan orang ramai dapat dijaga dengan mendapatkan tawaran yang paling baik melalui merendahkan levi tol sementara mendapat kerja-kerja peningkatan yang paling baik, dan mengapakah Kamunting Corporation seakan-akannya telah mendapat penguasaan monopoli dalam konsesi Jalan Kuching ini yang nampaknya adalah untuk selama-lamanya.

Kelima, kerajaan telah meletakkan kedudukannya di tempat paling tidak menguntungkan (unfavourable) berbanding dengan Kamunting Corporation dengan mengeluarkan satu 'cek kosong' melanjutkan pengutipan tol selama enam bulan, yang boleh dilanjutkan untuk enam bulan lagi, kerana pengutipan tol selepas tamatnya sembilan tahun tempoh konsesinya hanya akan memperkuatkan lagi posisi tawar-menawar (bargaining position) syarikat berkenaan dalam mendapatkan konsesi baru.

Keenam, mengapakah kesemua prinsip sikap terbuka, akauntabiliti dan ketelusan telah diabaikan dalam membenarkan Kamunting Corporation meneruskan pengutipan tolnya mulai empat bulan yang lepas dan para pembawa kenderaan tidak sedar bahawa Kamunting Corporation telah mengutip tol secara tidak sah sejak penamatan tempoh konsesinya.

Ketujuh, dengan wujudnya precedent tol Jalan Kuching ini, ini bererti bahawa di masa depan, kerajaan boleh membenarkan sebarang syarikat untuk mendirikan plaza tol di sebarang lebuhraya ataupun jalan untuk mengutip tol sungguhpun tidak ada apa-apa kerja yang dilakukan ataupun sementara menunggu kerja-kerja jalan siap pada masa depan. Ini akan membawa kesan yang luas kepada rakyat dan negara pada keseluruhannya dan harus ditentang dan dilawan.

Pengutipan tol di plaza Jalan Kuching selepas tamat tempoh konsesi merupakan sesuatu yang menyalahi undang-undang, bertentangan dengan kepentingan orang ramai dan langsung tidak boleh diterima sebagai precedent bayar sekarang, khidmat kemudian dalam program penswastaaan.

Saya menyeru supaya Jemaah Menteri dengan segeranya membatalkan keputusannya untuk membenarkan Kamunting Corporation meneruskan pengutipan tol di Jalan Kuching dan memerintah satu tindakan tender terbuka untuk menentukan satu konsesi baru bagi kerja-kerja peningkatan status di bahagian Jalan Kuching.

Kamunting Corporation harus membayar balik semua pengutipan yang telah dilakukan secara tidak sah di dalam empat bulan yang lepas ataupun mendermakan wang berkenaan untuk melakukan kerja-kerja awam sekiranya wang berkenaan tidak dapat dipulangkan.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya harus membentangkan satu laporan yang sepenuhnya menjelaskan

sebab mengapa Jemaah Menteri telah berkelakuan secara rahsia dalam perkara ini, langsung tidak mengendahkan prinsip akauntabiliti awam, nyatakan sebab mengapa dan bilakah Jemaah Menteri membenarkan Kamunting Corporation meneruskan pengutipan tolnya sungguhpun tempoh konsesi telah tamat, serta jumlah pengutipan tol Kamunting Corporation dalam tempoh konsesi sembilan tahun yang lepas serta untung yang diperolehi.

Sekiranya Jemaah Menteri tidak bersedia untuk membatalkan keputusannya dengan segera di samping mengarahkan Kamunting Corporation menghentikan usaha pengutipan tol, maka kerajaan akan kehilangan semua kredibiliti tentang penjagaan keadilan serta kepentingan awam, sama ada yang melibatkan pengutipan tol untuk masa yang ditetapkan ataupun mengenai kadar dan harga yang dikenakan atas lain-lain projek penswastaan.

Kerahsiaan yang terselip di sekitar tindakan Kamunting Corporation yang mengutip tol secara tidak sah selepas tamat tempoh konsesi sembilan tahun ini telah menggambarkan kekurangan akauntabiliti dan ketulusan yang serius untuk membolehkan pengawal seliaan yang baik ke atas projek-projek penswastaan untuk melindungi kepentingan awam.

Saya menyeru supaya kerajaan mengamalkan dasar berakauntabiliti dan ketulusan di mana semua kontrak-kontrak penswastaan dibentang di Dewan yang mulia ini sebagai dokumen Parlimen.

Sekiranya perjanjian konsesi Jalan Kuching-Jalan Kepong dengan Kamunting Corporation pernah dibentangkan di Parlimen ini sembilan tahun yang lepas, maka syarikat ini tidak mungkin dapat melanjutkan pengutipan tol secara rahsia dan menyalahi undang-undang dalam tempoh empat bulan lepas. Ini bukanlah

kes pertama yang merupakan 'bayar tanpa khidmat' ataupun 'bayar sekarang, khidmat kemudian' dalam sejarah penswastaan di Malaysia. Satu lagi kes adalah penswastaan pembentungan kepada Indah Water Konsortium, yang menghadapi penentangan serta bantahan keras di seluruh negara.

Baru-baru ini, semasa menyaksikan majlis tandatangan perjanjian konsesi antara kerajaan dan Litrak Sdn. Bhd. untuk pembinaan Lebuhraya Damansara-Puchong-Putrajaya sepanjang 40 kilometer, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya berkata bahawa Litrak merupakan konsesioneer pertama yang akan dihadkan membuat dua kali kenaikan kadar tol dalam perjanjian tempoh konsesi selama 33 tahunnya.

Litrak yang akan mengendalikan lebuhraya berkenaan dari tahun 1999, boleh mengkaji semula kadar kutipan dalam tahun 2007 dan 2016, tetapi perlu membuat permintaan sekiranya hendak menaikkan kadar kutipan. Sekiranya pendapatan sebenarnya lebih daripada pendapatan ramalan, maka operator berkenaan akan diminta membayar balik perbezaan yang wujud itu kepada kerajaan.

Yang Berhormat Menteri berkata bahawa ini adalah sebahagian daripada formula baru yang akan kerajaan kenakan di dalam semua konsesi tol masa depan. Bagaimanapun, sementara Litrak dibenarkan menaikkan kadar kutipan tol dua kali sahaja dalam tempoh konsesi 33 tahunnya untuk Lebuhraya Damansara-Puchong-Putrajaya, PLUS pula dibenarkan menambahkan kadar kutipan tolnya 24 kali dalam tempoh konsesi 30 tahun untuk Lebuhraya Utara-Selatan sehingga tahun 2018.

Kerajaan tidak patut meluluskan permohonan PLUS untuk menaikkan kadar tol setinggi 33% dari 7.5 sen sekilometer menjadi 10 sen sekilometer, bukan sahaja kerana tindakan ini hanya

menjadikan kempen inflasi sifar kerajaan bahan ketawa, tetapi juga kerana perjanjian konsesi 30 tahun mengenai kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan ini amat berat sebelah dan bertentangan dengan kepentingan orang ramai.

Bermula dari tahun depan, serta untuk 22 tahun yang seterusnya hingga ke tahun 2018, PLUS akan dapat menaikkan kadar tolnya setiap tahun, membolehkannya menaikkan kadar tol sebanyak 24 kali dalam tempoh konsesi 30 tahun.

Apa yang menjadi tumpuan utama adalah mengikut laporan Yang Berhormat Menteri telah memberikan angka-angka yang berbeza mengenai kadar kenaikan tol tahunan yang dapat dikenakan oleh PLUS untuk 22 tahun depan. Sebagai contoh, salah satu akhbar pernah melaporkan bahawa Yang Berhormat Menteri pernah berkata kenaikan kadar tol setinggi 10% setahun untuk Lebuhraya Utara-Selatan dalam 22 tahun depan sementara akhbar lain pula melaporkan bahawa Yang Berhormat Menteri berkata tambahan tol 6% akan dikenakan oleh Lebuhraya Utara-Selatan hingga tahun 2018.

Adakah perjanjian konsesi membenarkan PLUS mengenakan kenaikan setahun setinggi 6%, 10% ataupun lebih? Sekiranya kenaikan kadar tol setinggi 10% setahun, maka ini akan meningkatkan kadar berkeajaan kepada 14.64 sen sekilometer dalam tahun 2000, 37.97 sen sekilometer dalam tahun 2010 dan 61.16 sen sekilometer dalam tahun 2015. Ini bermaksud dalam tempoh 19 tahun, kadar tol untuk Lebuhraya Utara-Selatan akan mencapai lebih dari lapan kali ganda kadarnya sekarang iaitu 7.5 sen sekilometer.

Yang Berhormat Menteri harus mengumumkan perjanjian konsesi yang ditandatangani antara kerajaan dan United Engineers dalam tahun 1988 supaya rakyat Malaysia dapat memastikan apakah beban

yang terpaksa mereka tanggung dalam 30 tahun tempoh konsesi.

Adalah jelas bahawa sungguh tidak patut dan berat sebelah di mana PLUS dibenarkan meningkatkan kadar tolnya 24 kali dalam tempoh konsesi 30 tahun, terutama sekali PLUS mungkin akan dapat mengutip sejumlah lebih dari RM100 bilion dari tol di bawah konsesi ini.

Sebagai sebahagian dari serangan publisiti untuk membela tindakannya yang bercadang menaikkan kadar tol setinggi 33%, PLUS mendakwa bahawa sekalipun cadangan kenaikan ini diluluskan, untuk setiap tambahan seringggit, 84 sen darinya akan disalurkan kepada pembayaran perkhidmatan kadar bunga dan pokok. Malah PLUS telah menaikkan kos Lebuhraya Utara-Selatan dari RM5.9 bilion kepada satu angka baru setinggi RM7.2 bilion, tanpa diketahui sesiapa pun bagaimana tambahan baru ini dikira.

PLUS juga mendakwa bahawa ia perlu membayar kira-kira RM19.4 bilion dalam tempoh 15 hingga 25 tahun kepada para financier. Apa yang kita diberitahu oleh PLUS adalah ia berkemungkinan mengutip lebih dari RM100 bilion dari kutipan tol dalam tempoh konsesinya.

Mengikut ramalan PLUS sendiri, ia akan mengutip lebih dari RM80 bilion melalui tol dari pengguna-pengguna Lebuhraya Utara-Selatan sehingga tahun 2018 iaitu tarikh tempoh konsesinya tamat.

Bagaimanapun, ramalan ini mungkin akan bertambah melebihi 50%, kerana mengikut pengutipan tolnya dalam 1994 dan 1995, yang masing-masing mencapai RM531 juta dan RM618 juta, sementara jaminan pendapatan yang dijanjikan oleh kerajaan adalah hanya RM362 juta dan RM419 juta setiap tahun, disebabkan oleh volume traffic yang dijamin oleh kerajaan di Lebuhraya Utara-Selatan untuk dua tahun ini telah bertambah lebih dari 5%.

Dalam Parlimen bulan lepas, apabila menjawab soalan tambahan saya, Yang Berhormat Menteri berkata bahawa mengikut perjanjian konsesi Lebuhraya Utara-Selatan, PLUS perlu membayar balik kepada kerajaan lebih kutipan sekiranya volume traffic, iaitu salah satu faktor yang digunakan untuk menentukan kadar tol melebihi ramalan awal.

Beliau berkata mengikut perjanjian berkenaan, kerajaan pula perlu membayar pampasan kepada PLUS sekiranya volume traffic lebih rendah dari apa yang diramalkan, dan sehingga ini, kerajaan telah memungut kira-kira RM7 juta dari PLUS berdasarkan peraturan ini.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengelabui Parlimen serta rakyat apabila beliau memberikan gambaran bahawa kerajaan dan negara telah mendapat 'durian runtuh' sebanyak RM7 juta dari PLUS yang disebabkan oleh pertambahan volume traffic di Lebuhraya Utara-Selatan yang melebihi angka-angka jaminan asal kerajaan.

Sebenarnya PLUS tidak pernah membawa 'durian runtuh' sebanyak RM7 juta kepada kerajaan kerana semua pembayaran yang dibuat merupakan pembayaran balik pinjaman mudah (soft loan) sebanyak RM1.65 bilion yang telah diberikan kepada PLUS (dahulunya dikenali sebagai United Engineers) untuk kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan.

PLUS harus sedar bahawa ia telah mendapat syarat-syarat yang amat menguntungkan dari kerja penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan ini. Sebagai contoh, kerajaan telah menyerahkan konsesi percuma untuk pengutipan tol bahagian Lebuhraya Utara-Selatan yang telah siap bernilai RM1.5 bilion, antara bahagian lebuh raya ini melibatkan bahagian-bahagian Kuala Lumpur-Seremban, Seremban-Ayer Keroh, Ayer

Keroh-Pagoh, Slim River-Tanjong Malim, Ipoh-Changkat Jering, Jitra-Gurun. Kerajaan juga telah memberikan konsesi pinjaman mudah (soft loan) serta berbagai jaminan berkenaan dengan pengutipan pendapatan minimum, volume traffic, risiko luaran dan lain-lain. Tempoh konsesi asal selama 25 tahun telah juga dilanjutkan kepada 30 tahun.

Di dalam keadaan ini, kerajaan harus mengkaji semula perjanjian di Lebuhraya Utara-Selatan dengan PLUS kerana adalah tidak adil membenarkan berhak menaikkan kadar tol 24 kali dalam tempoh konsesi 30 tahun, sementara syarikat berkenaan dapat mengutip lebih dari RM100 bilion melalui tol.

Jelas sekali kita perlu menubuhkan satu badan penyemak penswastaan untuk menyemak semula kadar bayaran dan kutipan yang dikenakan oleh perkhidmatan yang telah diswastakan demi memastikan bahawa kepentingan pengguna tidak dikorbankan untuk memenuhi ketamakan korporat, sama ada mengenai kemudahan seperti elektrik, pumbungan air apabila diswastakan kelak, telefon atau sebagainya.

Badan penyemak penswastaan ini yang berobjektif untuk melindungi kepentingan para pengguna, harus dibenarkan mendapat akses ke semua dokumentasi, termasuk kenyataan akaun dan pendapatan yang diramalkan supaya ia dapat membuat kajian mengenai apa yang dapat diterima sebagai kadar kutipan dan bayaran perkhidmatan yang telah diswastakan yang adil dan saksama.

Sebelum kerajaan membuat keputusan muktamad mengenai kadar atau kutipan tol atau sebarang perkhidmatan penswastaan lain, ia harus mengambil kira cadangan-cadangan badan penyemak penswastaan ini. Pada masa kini, kepentingan pengguna tidak diwakili dalam sebarang pertimbangan peneilaian kadar bayaran swasta, sama ada tol lebu

raya ataupun perundingan antara Tenaga Nasional Bhd. dan Ekran Bhd. mengenai harga jualan elektrik empangan Bakun hidroelektrik yang sedang berlangsung kini.

Ekran hendak mengenakan harga elektrik setinggi 18.5 sen seunit kepada Tenaga, yang bukan sahaja lebih tinggi dari 15.5 sen seunit yang dikenakan oleh IPP, tetapi juga dua kali ganda dari harga elektrik yang dijana oleh Tenaga nasional sendiri. Harga 18.5 sen seunit ini bukannya harga konsumer muktamad, kerana kos transmission dan pengedaran Tenaga kena diambil kira juga.

Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pernah berkata bahawa kerajaan akan masuk campur dalam menyelesaikan perbalahan di antara Tenaga Nasional dan Ekran Bhd. mengenai harga jualan elektrik yang dijana oleh Bakun nanti, tetapi sementara kedua-dua syarikat ini sedang bertarung untuk mendapatkan keuntungan mereka masing-masing, pengguna elektrik seramai lima juta orang mungkin akan menjadi bahan korban.

Yang Berhormat Menteri berkata bahawa tidak siapa pun akan melabur ke atas projek seperti Bakun melainkan sekiranya pelaburan mereka mendapat sedikit pulangan. Pertanyaan pertama yang perlu dibangkitkan adalah mengapakah kerajaan tidak menentukan sebelum ini sama ada wujud atau tidak lain-lain pelabur yang mungkin berminat dalam projek Bakun melalui cara tender terbuka, dan kedua, apakah skala sedikit pulangan yang dipegang oleh Ekran Bhd. ini melalui sokongan politiknya yang berkuasa ini.

Rakyat Malaysia memang tidak berkeyakinan bahawa Menteri Tenaga, Telekom dan Pos akan berupaya mewakili kepentingan para pengguna semasa merundingkan isu harga elektrik yang akan dibekalkan oleh Bakun ini, memandangkan hubungan politik yang dinikmati oleh Pengerusi Eksekutif Ekran,

Tan Sri Ting Pek Khiing merupakan yang paling ketara dan kuat sekali dalam lanskap politik dan korporat masa kini. Hubungan politik Ting Pek Khiing dapat dilihat dari fakta bahawa beliau berani mengambil alih jabatan Alam Sekitar di Kuala Lumpur pada April tahun lepas untuk membuat pengumuman bahawa kerajaan telah meluluskan bahagian pertama EIA Bakun, memberikan gambaran bahawa kelulusan adalah diberikan oleh DOE, walhal pada hakikatnya seminggu sebelum itu, DOE telah menyerahkan kuasanya sebagai pihak muktamad menentukan nasib EIA Bakun kepada Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak.

Rakyat Malaysia akan ingat lagi bahawa Ting Pek Khiing begitu berkuasa pada bulan Jun tahun lepas sehingga beliau menyeru semua menteri supaya tutup mulut dan berkata bahawa Timbalan Perdana Menteri satu-satunya menteri yang dibenarkan membuat komen mengenai isu Bakun. Inilah sebab mengapa kepentingan para pengguna perlu diwakili dengan sewajarnya dalam sebarang proses membuat keputusan mengenai kadar bayaran dan kutipan projek penswastaan, misalnya melalui suatu badan penyemak penswastaan.

Kerajaan harus menghentikan semua perundingan mengenai harga elektrik yang akan dijana oleh Bakun, menubuhkan suatu badan penyemak penswastaan dan meletakkan kerja utamanya sebagai mendapatkan input dan cadangan yang mewakili para pengguna Malaysia, untuk menentukan satu harga yang adil dan saksama bagi elektrik yang dibekalkan oleh Bakun kelak. Hanya selepas badan penyemak penswastaan ini mengemukakan cadangannya, barulah kerajaan boleh membuat satu keputusan muktamad mengenai harga jualan elektrik yang akan dibekalkan oleh Bakun kepada Tenaga Nasional.

Sehubungan ini, kerajaan harus diingatkan bahawa ia masih belum memberikan penjelasan yang memuaskan

terhadap persoalan mengenai daya maju projek empangan hidroelektrik Bakun, sama ada dari aspek ekonomi, ekologi, teknikal, sosial atau pertimbangan budaya. Tahun lepas, sebagai menjawab pertanyaan saya, Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah berjanji untuk mempertimbangkan untuk mengumumkan Rancangan Pemindahan Biomass Bakun yang merupakan satu dokumen terperinci mengenai strategi paling kos efektif dan kurang kesan serta kerja-kerja penyiapan kawasan tadahan. Kini setengah sudah berlalu, tetapi belum ada sebarang tanda bahawa Rancangan Pemindahan Biomass Bakun akan diumumkan.

Sekiranya empangan Bakun adalah berdaya maju atau viable dalam semua aspek, mengapakah pihak berkuasa begitu keberatan untuk mengumumkan kedua-dua Rancangan Pemindahan Biomass serta Rancangan Pengurusan Kawasan Tadahan Bakun ini, yang akan menyatakan secara terperinci mengenai keperluan teknikal, pentadbiran dan fiskal bagi menggunakan secara baik-baiknya serta mengekalkan sumber-sumber yang berada di dalam kawasan tadahan, dan keutamaan yang diberikan untuk memastikan pembekalan serta penyimpanan air.

Sungguhpun dua bahagian EIA Bakun belum lagi diluluskan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melawat sekali lagi ke Sarawak untuk menunjukkan sokongan beliau kepada projek empangan Bakun pada bulan Mac dan merasmikan pembukaan untuk pembinaan terowong pengubah haluan empangan berkenaan. Saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah melawat ke mana-mana projek lebih kerap dari ke projek empangan Bakun, dan ini menunjukkan bahawa projek ini memang mendapat sokongannya sendiri. Adalah jelas bahawa projek empangan Bakun mendapat sokongan politik yang paling tinggi tarafnya di tanah air kita, tetapi kerajaan

sepatutnya menunjukkan lebih ketulusan dan akauntabiliti dalam projek ini dan mengumumkan Rancangan Pemindahan Biomass, Rancangan Pengurusan Kawasan Tadahan serta Rancangan Penempatan Semula untuk semua masyarakat yang terlibat.

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata bahawa Jemaah Menteri telah mengarahkan kementeriannya untuk menjalankan kajian ke atas kebolehlaksanaan melantik ahli politik memimpin semua majlis tempatan untuk menjadikannya lebih berkesan dan lebih sensitif terhadap keperluan rakyat. Ini merupakan perakuan yang jelas bahawa sistem perlantikan kerajaan tempatan telah gagal menjaga keperluan rakyat jelata, sungguhpun mereka sememangnya adalah dimonopoli oleh orang yang menjadi anggota majlis hasil perlantikan politik, kerana para anggota majlis ini tidak mewakili siapa pun dan tidak perlu menjawab atau berakauntabel kepada pembayar cukai.

Inilah sebab mengapa kita dapat lihat begitu banyak malapetaka kerajaan tempatan seperti peristiwa banjir yang berlaku berulang kali di Taman Sri Muda di Shah Alam di mana para pembayar cukai tidak berupaya melakukan apa-apa, kerana mereka telah kehilangan kuasa untuk memecat anggota-anggota majlis tempatan yang jelas tidak melakukan tugas dengan sebaik-baiknya. Saya percaya sekiranya wujud pilihanraya kerajaan tempatan, malapetaka di Taman Sri Muda tentunya tidak akan capai ke tahap yang begitu buruk sekali, kerana mereka yang kini berada di dalam Majlis Perbandaran Shah Alam yang bertanggungjawab menyebabkan penduduk di Taman Sri Muda menghadapi banjir berulang kali ini akan berlagak lebih berhati-hati sekiranya mereka tahu mereka perlu mendapatkan mandat dari para pembayar cukai di situ sekiranya mereka hendak menang dalam pilihanraya kerajaan tempatan lain kali.

Jawapan yang sebenarnya untuk mewujudkan kerajaan tempatan yang berkesan, responsif dan kreatif adalah dengan memulihkan pilihanraya kerajaan tempatan, memulangkan hak rakyat Malaysia memilih kerajaan tempatan mereka sendiri yang dapat mewakili visi dan masa depan yang dikehendaki. Kini telah sampai masa untuk memulihkan pilihanraya kerajaan tempatan serta melaksanakan cadangan-cadangan Laporan Jawatankuasa Penyiasatan Diraja Athi Nahappan bahawa pilihanraya kerajaan tempatan harus diadakan.

Kerajaan tidak patut mengundurkan diri dari usaha pembinaan perumahan kos rendah yang kurang dari RM25,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh ini sekiranya ia benar-benar serius menganggap 'keadilan sosial' sebagai salah satu objektif pembangunan. Keputusan kerajaan sebegini, samalah seperti kerajaan membuat pengumuman bahawa ia tidak berupaya membina rumah-rumah kos rendah yang berharga RM25,000 dan akan membekalkan alasan dan justifikasi kuat kepada sektor swasta untuk menaikkan dua tiga kali ganda harga rumah kos rendah dari harga siling RM25,000 sekarang.

Rekod sektor awam dalam memenuhi sasaran perumahan kos rendah adalah tidak baik. Pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Keenam, pencapaian bidang ini adalah 30% dari rumah-rumah kos rendah disiapkan oleh kerajaan negeri, 30% oleh pihak-pihak berkuasa pembangunan tanah dan wilayah, 100% oleh agensi-agensi ekonomi kerajaan dan 22% yang diduduki oleh kakitangan-kakitangan kerajaan.

Sungguhpun rekod kerajaan dalam bidang pembinaan perumahan kos rendah tidak membanggakan, tetapi ia masih tidak mempunyai apa-apa alasan untuk mengundurkan diri dari menjalankan tanggungjawab sosialnya untuk memastikan rakyat Malaysia yang berada dalam golongan pendapatan rendah boleh

memiliki rumah mereka sendiri atau menghentikan objektif membangunkan 'property owning democracy' seperti yang dimegah-megahkan selama ini.

Akhirnya memandangkan kelambatan dua tahun dalam pelaksanaan Akta Keganasan Rumahtangga yang bertujuan untuk memberi perlindungan kepada kaum wanita dan kanak-kanak dari keganasan rumahtangga serta penderaan, di sini saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat supaya menunaikan janjinya untuk melaksanakan Akta Keganasan Rumahtangga ini pada bulan depan dan saya berharap beliau akan memberitahu Parlimen tarikh muktamad pelaksanaan akta ini.

Bulan lepas Yang Berhormat Menteri pernah berkata di Parlimen bahawa beliau memiliki sejarah 12 tahun sebagai pejuang untuk hak-hak wanita di Malaysia. Saya ingin memuji Yang Berhormat Menteri yang memegang rekod ini pada masa lampau, tetapi apa yang lebih penting sekarang ialah rekod masa sekarang dan masa depannya sebagai Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sebab beliau kini memiliki kehormatan dan hak keistimewaan untuk melakukan sesuatu demi memperbaiki status dan hak kaum wanita di Malaysia, dan bukannya hanya tinggal cakap-cakap sahaja.

Sehubungan ini, saya menyeru Yang Berhormat Menteri supaya mengambil langkah menghapuskan reservation-reservation yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia semasa menandatangani Convention On the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW) dan menyediakan syarat membolehkan provisi-provisi convention ini dilaksanakan sepenuhnya.

Malaysia telah menyetujui CEDAW pada 5hb Julai 1995 dengan memegang reservation-reservation ke atas artikel 2(f), 5(a), 7(b), 9 dan 16. Sebagai pejuang

hak-hak kaum wanita yang veteran. Yang Berhormat Menteri ini harus mendengar seruan dan rayuan pertubuhan-pertubuhan wanita dan NGO-NGO untuk menghapuskan reservation-reservation ini. Ini adalah kerana reservation-reservation yang dikenakan ke atas 5 artikel di CEDAW akan menyangkal polisi-polisi dan program-program yang telah dilaksanakan ataupun dicadangkan untuk mempertingkatkan status kaum wanita.

Sebagai contohnya, tindakan kerajaan untuk mengenakan reservation-reservation ke atas artikel 2(f) CEDAW, dengan izin, to take all appropriate measures, including legislation, to modify or abolish existing laws, regulations, customs and practices which constitute discrimination against women, adalah sama seperti kerajaan menyatakan bahawa ia tidak akan melakukan apa-apa untuk menghapuskan diskriminasi yang dihadapi oleh kaum wanita.

Rancangan Malaysia Ketujuh menyatakan bahawa kerajaan akan melaksanakan, di mana yang relevan, program-program di bawah platform bertindak untuk memajukan kaum wanita ke tahun 2000 sebagaimana yang dipersetujui di dalam Persidangan Wanita Sedunia Keempat yang berlangsung di Beijing pada tahun 1995.

Yang Berhormat Menteri berkenaan harus menjelaskan apakah seksyen-seksyen di dalam platform untuk memajukan kaum wanita yang didapati tidak relevan oleh kerajaan dan tidak bersetuju untuk melaksanakannya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Marang.

4.35 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang): Assalamualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh. Tuan Yang

di-Pertua, rancangan ekonomi negara mestilah diasaskan di atas falsafah politik negara. Rancangan dan pengendalian ekonominya adalah tertakluk kepada dasar dan corak kerajaan yang memerintah. Aktiviti ekonomi adalah sebahagian daripada tugas yang harus dipikul oleh kerajaan. Ekonomi bukan merupakan penentuan bagi dasar sesebuah kerajaan tetapi kerajaan yang menentukan dasar dan corak ekonomi yang perlu wujud dalam sesebuah negara. Kekuatan ekonomi, pengagihan kekayaan secara adil, jaminan keadilan kepada rakyat dan seumpamanya, tertakluk kepada dasar dan konsep pemerintahan yang didukung oleh kerajaan sendiri.

Kestabilan sesebuah kerajaan juga, kekuasaannya hendaklah dijadikan sebagai kuasa penentu dalam menjamin kekuatan ekonomi negara. Bukan kekuatan ekonomi negara sebagai alat untuk mengukuhkan sesuatu kerajaan. Jika kekuatan ekonomi dijadikan alasan untuk memantapkan sesuatu kerajaan maka sudah pasti akan berlaku penyelewengan dan diskriminasi di dalam rancangan ekonomi. Ini adalah disebabkan pihak yang menerajui kerajaan hanya mengutamakan perancangan ekonomi yang diyakini dapat menolong mereka terus berkuasa. Sekalipun perancangan tadi akan menjejaskan kepentingan berbagai-bagai peringkat di kalangan rakyat jelata.

Pengalaman kita dengan apa yang berlaku daripada rancangan-rancangan yang sebelumnya sudah cukup untuk membuktikan kesahihan teori di atas. Walaupun pihak kerajaan menegaskan untuk mengekalkan kestabilan sosial, politik serta pengurusan ekonomi yang cekap bertujuan menyediakan persekitaran yang baik bagi mencapai pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, berusaha untuk mewujudkan ekonomi yang lebih seimbang, mempunyai asas yang luas, budaya tahan dan budaya saing di peringkat antarabangsa yang tetap penting bagi menyediakan asas yang kukuh untuk mencapai pertumbuhan yang

mampan, terutama dalam proses peralihan ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020, namun demikian kerajaan perlu peka bahawa di antara aspek penting yang menjadi rukun tamadun umat dan kemajuan negara ialah sumber manusia, walaupun kemajuan ekonomi yang pesat dijadikan pra-syarat untuk meningkatkan kualiti hidup tetapi usaha mengharmonikan di antara aspek kebendaan dan kerohanian dalam pembangunan negara dicemari oleh berlakunya perkara moral yang negatif.

Hal yang seperti ini masih dipandang ringan kerana terlalu memberi tumpuan kepada aspek maddiah sehingga kebendaan menjadi akidah bukan lagi menjadi alat tamadun umat dan kemajuan negara. Tanpa menafikan bahawa aspek ekonomi juga sesuatu yang penting, tetapi mengabaikan aspek membangun manusiawi yang menjadi salah satu alat ekonomi, menggagalkan matlamat ekonomi memberi kebahagiaan dunia dan akhirat dan kalau mencapai kemajuan ekonomi, kemajuan itu boleh membakar diri sendiri.

Untuk menjamin kestabilan sesebuah negara sama ada dari aspek ekonomi, politik, sosial dan lain-lain yang berkait dengannya mestilah menangani ciri-ciri berikut dengan sempurna:

- (i) apakah tugas, matlamat dan tanggungjawab sesuatu kerajaan;
- (ii) apakah fungsi dan tanggungjawab yang dipikul oleh pemimpin;
- (iii) apakah tugas dan tanggungjawab rakyat kepada pemerintah.

Al-Quranul-karim telah menetapkan 3 tugas penting kepada kerajaan atas mereka yang mendukung kerajaan. Firman Allah S.W.T (membaca sepotong ayat Al-Quran) yang bermaksud "orang-orang yang kami berikan kepada mereka kekuasaan memerintah bumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh kepada yang baik dan

mencegah kemungkaran dan bagi Allah sahaja akibat segala perkara".

Ayat tersebut menegaskan bahawa tugas pertama pemerintah itu ialah membentuk individu yang beriman dan baik melalui peraturan sembahyang iaitu menjalani hubungan berterusan di antara makhluk dan penciptanya sehingga seseorang itu menjadi jujur, ikhlas, adil dan bertanggungjawab dalam mentadbir negara.

Maka ia tidak menyeleweng, tidak rasuah, tidak menyalahgunakan kuasa, menyalahgunakan undang-undang dan berbagai-bagai penyelewengan. Tugas kedua ialah memberi zakat, sungguhpun zakat kepada penggunaan istilah rasmi adalah ibadah yang berbentuk pengorbanan harta benda dan kekayaan tetapi ianya mempunyai skop yang begitu luas yang mempunyai kaitan rapat dengan aktiviti ekonomi termasuk pengagihan yang adil kepada rakyat yang berhak di samping galakan untuk manusia memperhebatkan usaha mereka dalam bidang ekonomi kerana dengan cara yang demikian maka tugas mengeluarkan zakat itu dapat dilaksanakan dengan setepat-tepatnya.

Di samping itu, konsep ekonomi yang disalurkan melalui kewajipan zakat adalah lebih mengutamakan golongan miskin dan fakir yang termiskin di dalam negara, kekayaan yang diperolehi sama ada ianya hasil usaha individu atau hasil negara merupakan hak kepada seluruh rakyat termasuk juga golongan miskin dan golongan fakir termiskin dan orang-orang yang lemah. Sepatutnya mereka hendaklah didahulukan daripada kepentingan golongan orang-orang yang berada dan mewah di dalam masyarakat.

Maka pihak kerajaan di dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, hendaklah berwaspada agar pertumbuhan ekonomi berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan rakyat yang berhak mendapat faedah daripada kemakmuran negara.

Tugas ketiga ialah melaksanakan kewajipan, menyuruh kepada yang baik dan mencegah kemungkaran, menyuruh rakyat melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran dan kejahatan. Untuk melaksanakan kewajipan ini dengan lebih berkesan maka kerajaan terlebih dahulu perlu menjadi contoh dan teladan atas slogan 'Kepimpinan Melalui Teladan' yang pernah dicanangkan beberapa tahun yang lalu hendaklah digunakan, tidak dilupai dan jangan ditenggelamkan oleh masa yang berlalu dan kerakusan penyalahgunaan kuasa.

Tiga perkara tersebut di atas menjadi dasar untuk mewujudkan kepimpinan berwibawa. Rakyat yang bertanggungjawab yang menjadi sumber manusia terpenting di dalam menjayakan rancangan yang dicadangkan, kalau tidak, maka kita hanya sekadar menambah angka sirinya sahaja tanpa sebarang perubahan yang meningkatkan keadaan kepada yang lebih baik dan maju dalam erti kata yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, tindak tanduk kepimpinan negara sentiasa menjadi ikutan orang-orang bawahannya sehinggalah ke peringkat rakyat biasa, maka sekiranya pemimpin mengambil kesempatan daripada Rancangan Malaysia Ketujuh ini untuk berniaga dan sebagainya daripada aktiviti-aktiviti ekonomi yang sepatutnya dilakukan oleh orang lain maka pemimpin bawahan yang berikutnya sehingga pegawai-pegawai ke bawahnya akan ikut berbuat demikian. Kadang-kadang sesuatu projek diluluskan tanpa memenuhi syarat-syarat dalam segala aspeknya maka berlakulah pelbagai perkara selepas itu termasuklah kerugian, kemalangan, pencemaran alam sekitar dan sebagainya.

Untuk menjamin kelancaran ekonomi negara dalam rancangan yang disusun begitu rupa oleh pelbagai kepakaran supaya tidak terjejas serta perlindungan kepentingan yang saksama di kalangan para usahawan di dalam negara, maka para pemimpin seharusnya hendaklah

menjauhkan diri daripada sebarang bidang berkenaan secara langsung atau tidak langsung. Jika para pemimpin yang menjadi tugas asasinya, menjaga dan memelihara kepentingan rakyat, terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam bidang perniagaan dan sebagainya, maka kepentingan sudah pasti akan timbul dalam keadaan begini keadilan sudah pasti akan sukar dicapai.

Sejarah Islam telah menunjukkan pengajaran bagaimana para khalifah Islam terdahulu telah meninggalkan bidang perniagaan yang menjadi profesion mereka setelah menjawat jawatan khalifah. Umar ibni Al-Khattab r.a. telah mengarahkan para Gabenor dan pegawai agar jangan melibatkan diri dengan urusan perniagaan selagi mereka memegang jawatan kerajaan. Ibn Khaldoun pernah menyebut di dalam bukunya Al-Muqaddimah yang terkenal 'Attijaratul Minasyultani Mu'assyadah' - perniagaan daripada orang yang berkuasa di dalam pemerintahan membawa kejahatan.

Pihak kerajaan hendaklah sedar bahawa memelihara dan melaksanakan keadilan ke atas seluruh rakyat adalah tugas pokok yang sangat penting. Keadilan undang-undang, masyarakat dan ekonomi adalah asas penting bagi mewujudkan sebuah negara maju, makmur dan aman sentosa. Keadilan hendaklah dilaksanakan tanpa sebarang perbezaan, pilih kasih sekali pun terkena ke atas pemimpin atau keluarga dan puaknya sendiri. Keadilan dalam apa bentuk sekali pun seperti pengagihan peluang dalam kegiatan ekonomi, kedudukan dalam bidang politik, pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya hendaklah diberi kepada setiap yang berhak dengan sepatutnya sekali pun dia orang yang dibenci oleh pemimpin atau tidak pernah mengampu kepadanya.

Oleh itu, setiap agensi yang terlibat dalam pembahagian peluang aktiviti ekonomi, kenaikan pangkat di kalangan

pegawai-pegawai kerajaan dan setiap agensi dan institusi yang menjalankan keadilan hendaklah jangan diganggu gugat dalam urusannya dan dapat berfungsi dengan penuh kebebasan dan bertanggungjawab kecuali dalam perkara yang sepatutnya ditegur dan dikritik membina dalam menangani kelemahan yang benar-benar berlaku tanpa apa-apa kepentingan.

Peristiwa-peristiwa yang berlaku ke atas beberapa agensi kerajaan dan sistem kehakiman negara di masa-masa kebelakangan ini, juga amalan diskriminasi yang pernah dilakukan oleh pucuk pimpinan negara ke atas beberapa kalangan dalam melaksanakan rancangan ekonomi yang lalu, hendaklah dihentikan dan jangan diulang lagi.

Seterusnya perlu diberi perhatian ialah keadilan di dalam mengagihkan kekayaan negara, menentukan takrif keadilan. Dalam mengagihkan kekayaan negara menjadi suatu perkara yang menimbulkan kontroversi kerana setiap fahaman ekonomi memberi takrif masing-masing yang bercanggah di antara satu sama lain sehingga masalah ini menjadi sensitif dan dianggap menjadi salah satu sebab menentukan perpaduan negara atau perpecahannya. Ada kalangan yang berpendapat bahawa keadilan itu dapat diwujudkan sekiranya seseorang dibenarkan memiliki sebanyak mana ia mampu melalui proses persaingan bebas tanpa sekatan. Mereka menganggap, inilah keadilan kerana yang dimiliki oleh seseorang itu adalah hasil titik peluhnya maka dia berhak memiliki sebanyak mungkin. Proses begini dianggap dapat memajukan negara di bidang ekonomi. Pendapat ini ditaja oleh golongan kapitalisme.

Adapun golongan sosialisme dan komunisme berpendapat keadilan adalah kesaksamaan sepenuhnya, ini adalah kerana peranan wang ataupun capital tidak sewajarnya menguasai buruh lebih lagi ialah tafsiran hidup mereka sebagai

pertembungan kelas yang wujud di dalam setiap masyarakat yang tidak adil, maka masyarakat adil ialah masyarakat yang tidak ada pertembungan kelas. Golongan perkauman pula melihat aspek kehidupan masyarakat melalui kaca mata kaum. Keadilan adalah apabila setiap kaum mendapat jumlah sepertimana yang ditentukan melalui sistem kuota mereka, selagi jumlah diperolehi tidak menepati jumlah kuota ini bagi mana-mana kaum maka keadilan tidak tercapai. Bagi mereka keadilan ialah persoalan angka dan statistik dan ianya dilihat dari sudut kumpulan kaum, bukannya di peringkat individu walaupun kekayaan oleh segelintir kaum dapat memenuhi kuota tetapi individu dalam kaum itu masih ramai yang merempat, tidak menjadi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kami menolak takrif keadilan sedemikian rupa, keadilan tidak boleh disamakan dengan dasar perjuangan bebas yang didukung oleh golongan kapitalisme kerana ia hanya menggalakkan pengkalan kekayaan dimonopoli oleh golongan tertentu dan golongan miskin terus dengan kemiskinannya, lebih penting lagi asas falsafah demikian menyatakan bahawa harta milik seseorang adalah titik peluhnya semata-mata tanpa peranan orang lain di dalam kehidupan bermasyarakat yang mestilah ada di kalangan masyarakat itu pembekal, penjual, pembeli, pengguna, pekerja dan berbagai-bagai kalangan lagi yang bertali menali di antara satu sama lain, yang menjadi sokong menyokong dan bertolong menolong dalam kehidupan manusia dan asas falsafah ini juga menolak adanya kurnia Allah dalam menentukan rezeki.

Fahaman masyarakat tanpa kelas yang diperjuangkan oleh golongan sosialisme dan komunisme serta fahaman kuota kaum juga kami tolak kerana tidak mencakupi segala aspek naluri manusia dan tidak dapat memenuhi ciri keadilan yang membela semua kaum. Kami mendukung takrif keadilan yang dituntut oleh Islam.

Takrif keadilan ini meliputi fahaman dan sikap serta amalan undang-undang dan struktur organisasi dari sudut fahaman dan sikap Islam menegaskan bahawa keadilan tidak akan tercapai selagi manusia tidak menyedari bahawa mereka adalah pemegang amanah kepada harta yang dikurniakan oleh Allah. Selagi manusia menganggap dialah segala-galanya yang menghasilkan harta itu, kalau dia menyedari bahawa hakikat harta itu kurnia Allah, maka segala usahanya menjadi sebab musabab untuk menghasilkannya, maka harta harus digunakan dan dikendalikan dengan cara yang diredhaiNya. Orang-orang yang lemah dan miskin mempunyai hak ke atasnya dan memenuhi hak ini lebih diutamakan daripada penggunaan secara boros untuk perkara mewah bagi diri sendiri dan golongan tertentu sahaja.

Islam mementingkan kejujuran dalam mencari harta. Cara-cara mencarinya pula mestilah mempunyai aspek khidmat sesama masyarakat manusia. Bidang pertanian, sebagai contoh, menghasilkan keperluan hidup sesama manusia, perniagaan menjadi cara menyalurkannya, perindustrian memberi sumbangan dengan pelbagai kemudahan alat dan sebagainya, pentadbiran untuk mengawasi segala-galanya sehingga semua pekerjaan menjadi amal untuk sesama manusia, bukan sahaja untuk kepentingan diri masing-masing, walaupun aspek individualistik itu tetap wujud dalam naluri manusia tetapi peranan bermasyarakat juga adalah suatu kewajipan, maka segala tindak tanduk berekonomi hendaklah disedari adanya sikap dan perkara-perkara tersebut.

Maka, dari sudut hukum, undang-undang dan organisasi, Islam mewajibkan institusi negara berusaha ke arah mengamalkan dan mewujudkan perkara-perkara dan keadaan-keadaan seperti berikut:

- (i) Proses mata pencarian secara halal dan membelanjakannya dengan cara halal hendaklah dilaksanakan

oleh semua pihak. Institusi negara tidak berhak mengehadkan jumlah pemilikan oleh seseorang individu atau syarikat seperti yang dilakukan oleh komunisme atau sosialisme atau tanpa mengira halal dan haram seperti yang diamalkan oleh golongan kebendaan semata-mata tetapi negara mestilah menentukan bahawa kegiatan ekonomi itu dijalankan dalam perkara yang dihalalkan sahaja dan wang yang diperolehi mestilah digunakan secara halal kecuali dalam menangani kebebasan beragama kepada orang-orang bukan Islam;

- (ii) Kekayaan tidak dimonopoli oleh kalangan tertentu sahaja dan peranan membantu orang-orang yang perlu dibantu mestilah diberi jaminan semaksimumnya untuk mendapat habuan masing-masing daripada kekayaan negara dan kegiatan ekonominya tidak berkisar di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja tanpa diberi hak kepada sesiapa yang berhak sehingga institusi negara benar-benar menjadi pelindung kepada orang-orang yang dhaif dan dizalimi sehingga pembasmian monopoli oleh kalangan tertentu dapat diatasi dan masalah kemiskinan dapat ditangani laksana yang dinyatakan oleh Al-Quran (*Membacakan sepotong ayat-ayat suci Al-Quran*), maksudnya: "Apa-apa yang dikurniakan oleh Allah melalui RasulNya daripada penduduk negeri, maka hendaklah dibahagikan berlandaskan kepada bagi Allah, bagi RasulNya, bagi kaum keluarga, anak-anak yatim, orang-orang miskin, orang-orang yang keputusan belanja dalam perjalanan supaya harta itu tidak berkisar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja".

- (iii) Kawalan perlu dikenakan ke atas penggunaan dan penerokaan hasil bumi negara supaya tidak berlaku tindakan boros dalam usaha mencari kemewahan secara secepat mungkin dan mengeksploitasikan sumber-sumber asli seperti balak, bahan-bahan galian dan minyak secara rakus tanpa batas dan tindakan menjejaskan alam sekitar yang memberikan kesan negatif kepada jasmani manusia dan kegiatan ekonomi dalam aspek yang lain seperti perindustrian yang menjejaskan kesihatan oleh bahan-bahan buangnya yang tidak terkawal atau merosakkan aspek pertanian, perikanan, keselamatan dan sebagainya;
- (iv) Keutamaan mestilah diberi kepada projek-projek yang dapat memenuhi keperluan yang lebih asasi dan mendatangkan manfaat kepada orang ramai secara langsung. Projek-projek mewah yang tidak mendatangkan kesan terhadap penghidupan orang ramai dan tidak memenuhi keperluan mereka tidak harus diberi keutamaan.

Dasar yang dikemukakan ini pernah dibentangkan oleh wakil PAS dalam MAPEN supaya dijadikan panduan dalam perancangan ekonomi masa depan kerana dari dasar yang utama di atas bolehlah dihasilkan berpuluh-puluh strategi penyelesaian masalah pengagihan dalam masyarakat. Apa yang perlu diingat ialah bahawa strategi dan dasar-dasar begini tidak mampu membawa kesan dengan sendirinya sekiranya nilai-nilai materialistik semata-mata dan mementingkan diri tidak dibasmikan di dalam masyarakat.

Perundangan dan peraturan serta dasar dan strategi merupakan hanya sebahagian daripada punca masalah pengagihan yang tidak adil. Oleh itu, persoalan kefahaman

dan nilai-nilai perlu diperbetulkan dan dirombak kembali.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang pengagihan pembangunan di antara wilayah. Enam buah negeri telah dikenal pasti mempunyai rakyat miskin yang begitu ramai jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Negeri-negeri berkenaan ialah Kelantan, Terengganu, Kedah, Sarawak dan Sabah. Apa yang menjadi persoalan ialah 3 daripada 6 buah negeri berkenaan merupakan negeri yang kaya dengan hasil buminya, hasil minyak yang dikeluarkan oleh Sarawak, Sabah dan Terengganu juga hasil keluaran hutannya merupakan sumber utama kekayaan negara. Sepatutnya negeri-negeri berkenaan telah mencapai tahap pembangunan yang membanggakan sebaliknya kadar kemiskinan dan kemunduran di kalangan rakyat bawahan lebih besar daripada negeri-negeri lain. Perubahannya berlaku juga tetapi peratusnya lebih rendah daripada negeri-negeri lain. Kesemuanya ini adalah berpunca daripada cara pendekatan mengagihkan peruntukan kawasan pembangunan negara mengikut kepentingan komersial lebih diutamakan daripada kepentingan dan keperluan rakyat di negeri-negeri berkenaan sekalipun diwujudkan rancangan pembangunan bagi wilayah berkenaan, ianya lebih merupakan projek mewah yang tidak boleh dinikmati oleh rakyat termiskin secara langsung bagi wilayah-wilayah berkenaan seperti Perwaja di Terengganu dan Kedah sudahlah mewah, rugi besar pula.

Tuan Yang di-Pertua, keutamaan kepada pelabur luar dan mengabaikan pelabur dan para usahawan tempatan. Sepanjang dua dekad ini, kita dapati bahawa kuota untuk orang-orang luar masih lagi melebihi tahap maksimum 30%. Hal ini berlaku adalah hasil daripada kemudahan dan galakan insentif pelbagai bentuk yang diberikan kepada pelabur-pelabur luar. Kita tidak menolak tentang faedah yang boleh diperolehi oleh negara

dan rakyat hasil daripada penglibatan pelabur luar negeri itu di dalam aktiviti ekonomi negara.

Persoalannya apakah dengan keutamaan dan keistimewaan ini kita sanggup mengabaikan kepentingan para usahawan tempatan? Kita mestilah mengaku bahawa dengan ramainya para usahawan luar negeri menanam modal di negara kita, maka peluang pekerjaan untuk rakyat semakin besar dan mengharapkan berlakunya pemindahan teknologi dan pelbagai pengalaman. Terdapat perkara-perkara yang perlu diwaspadakan kerana berlakunya bakhil dalam pemindahan teknologi dan pengalaman yang dapat memajukan negara. Kebanjiran pekerja-pekerja asing yang tidak terkawal kerana pihak-pihak tertentu mengambil kira upah yang lebih murah, tidakkah perkara ini telah menimbulkan masalah sosial yang ketara? Merekalah yang sebenarnya yang menimba pengalaman, maka infrastruktur yang disediakan lebih banyak dimanfaatkan oleh usahawan luar daripada rakyat tempatan sedangkan beban hutang untuk menyediakannya ditanggung oleh rakyat jelata negara ini.

Seterusnya di sana terdapat aktiviti ekonomi yang mengenyahkan nilai-nilai agama, moral dan kesusilaan. Kebanyakan rancangan ekonomi tidak mengambil kira hukum-hukum agama dan nilai-nilai akhlak yang mulia. Keadaan ini telah menimbulkan sikap yang negatif, keraguan majoriti rakyat yang beragama Islam yang kuat berpegang dengan ajaran agamanya untuk melibatkan diri dalam beberapa program ekonomi. Sebagai contoh, institusi kewangan yang mengukuhkan amalan riba? telah dikembangkan begitu meluas di dalam negara berbanding dengan Bank Islam yang diharapkan sebagai sebuah institusi kewangan yang dapat menolong dan menyelesaikan ekonomi umat Islam secara Islam begitu lembab. Ruang yang diberikan kepadanya untuk berkembang kalau dibandingkan dengan bank muamalah riba di samping tidak ada suatu perancangan yang bersungguh-sungguh ke arah menghapuskan muamalah riba.

Dari segi pasaran saham pula seperti ASN, ASB dan sebagainya, sehingga hari ini tidak ada suatu ketetapan yang meyakinkan daripada pihak yang berwibawa seperti Majlis Fatwa Kebangsaan atau pihak yang berkenaan dengan agama Islam untuk menjelaskan halal haramnya sehingga ia sekurang-kurangnya menjadi perkara syubhah yang membimbangkan.

Di samping tidak begitu diberi perhatian tentang halal haram jenis pelaburannya, dari segi lain kita dapati pusat-pusat perjudian dan hiburan yang jelas memberi kesan negatif kepada rakyat, khususnya di kalangan belia-belia tumbuh di merata tempat dengan mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan dan dinaungi oleh orang-orang yang terkemuka di dalam masyarakat.

Pihak kerajaan bukan sahaja tidak berusaha untuk mencegah dan menghalang kegiatan-kegiatan seperti ini, tetapi secara langsung telah memberi kemudahan dan kelonggaran untuk mengembangkannya. Usaha untuk menarik pelancong melawat Malaysia lebih dilihat dari aspek kepentingan ekonomi, tetapi aspek negatif yang boleh menggugat akhlak dan seterusnya mengancam kepentingan negara dan rakyat tidak diberi perhatian yang serius. Kerajaan lebih berminat untuk mengambil contoh berpandukan negara jiran seperti Thailand dan Filipina dari aspek kewangan tanpa melihat aspek keruntuhan moral yang sangat membahayakan negara berkenaan oleh program pelancongan itu.

Menangani masalah sosial, kali ini pihak kerajaan mengakui bahawa kemajuan perindustrian dan peningkatan perbandaran serta penghijrahan luar bandar ke bandar telah mengakibatkan berlakunya peningkatan tingkah laku sosial yang negatif. Masalah sosial seperti penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, lepak, jenayah juvana, gaya hidup yang tidak sihat, ketegangan dalam keluarga dan sebagainya telah timbul.

Dalam tahun 1994, terdapat 17,600 kes penagihan dadah, 8,934 kes AIDS, 871 penderaan kanak-kanak dan 4,724 lari dari rumah. Tahun 1995, terdapat 81,221 kes jenayah di samping sudah pasti ada juga kes-kes yang tidak dilaporkan yang perlu juga diambil kira. Situasi ini akan menjadi lebih teruk kalau tidak dibendung.

Saya berpendapat, adalah tidak mencukupi kalau kerajaan hanya sekadar menubuhkan satu Jawatankuasa seperti yang dicadangkan untuk menggubal dasar dan program bagi meningkatkan lagi pembangunan sosial dan keluarga tanpa suatu pelaksanaan yang tepat dan berkesan. Maka, di antara penekanan yang perlu dibuat ialah tentang falsafah pendidikan negara. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kerajaan menonjolkan matlamat pendidikan negara secara keseluruhannya untuk menambah keupayaan dan meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan di semua peringkat, memperkukuhkan sistem penyampaian dan memperbaiki kualiti pendidikan dengan objektif melahirkan warganegara yang berpengetahuan, berinovasi dan memiliki nilai positif, seterusnya dapat menyertai secara aktif untuk menyumbangkan kepada pembangunan negara.

Walaupun Kementerian Pendidikan dalam rancangan-rancangan yang lalu telah menonjolkan falsafah pendidikan negara dengan matlamat untuk membentuk insan yang sempurna jasmani dan rohaninya secara menyeluruh, hasrat ini sangat baik sekiranya dilaksanakan dengan betul, tetapi apa yang tersirat di dalam Sistem Pendidikan Negara masih meneruskan prinsip lama yang melahirkan generasi yang sedang dilanda oleh keruntuhan moral yang membahayakan, bukan sahaja di kalangan belia yang tercicir daripada sekolah dan pusat-pusat pengajian, tetapi termasuk mereka yang masih berada di pusat-pusat pengajian menandakan dasar yang masih diamalkan telah gagal. Ianya tidak boleh dipinda

sekadar kokurikulum, tetapi perlu perubahan dasarnya yang menjadi akar umbi kepada sistem pendidikan.

Masalahnya, bukan sahaja sekadar beberapa kali seminggu mata pelajaran agama dan moral atau jumlah guru-guru yang terlatih dalam disiplin dan aktiviti yang bersifat agama dan moral, tetapi roh tiap-tiap mata pelajaran itu sendiri perlu dipinda kepada Islam dan moral. Pengajian Sains, sebagai contoh, mestilah dilandaskan kepada beriman kepada Allah, pencipta alam, termasuk alam yang mengelilingi manusia dan yang berhubung dengan mereka. Bukannya berlandaskan kepada kebendaan semata-mata, seolah-olah bertuhan dalam perkara spiritual sahaja, dalam perkara lain tidak bertuhan lagi.

Seperti Pengajian Sejarah yang menonjolkan tokoh-tokoh penjajahan yang diambil separuh jalan tanpa menyedari tokoh umat yang meneroka asas-asas tamadun moden dan mata pelajaran agama sendiri janganlah dijadikan tempelan sahaja, bukannya ditanam supaya menjadi prinsip diri yang mendidik akal dan budi pekerti, bahkan fahaman kebendaan dan nafsu masih menonjol di dalam diri oleh falsafah pendidikan yang diamalkan.

Perlu disedari bahawa keruntuhan moral yang sedang menjadi-jadi di semua peringkat rakyat adalah hasil daripada falsafah pendidikan yang didukung oleh negara selama ini. Walaupun Akta Pendidikan baru diperkenalkan, tetapi ianya lebih menjurus ke arah penguasaan kerajaan ke atas pusat-pusat pengajian dan sekadar untuk mengimport ilmu untuk kemajuan sains dan teknologi ke arah menjadi negara maju dalam aspek ekonominya, bukan menyentuh dasar dan prinsip pendidikan itu sendiri yang menyentuh perkara moral atau mengubati keruntuhan moral yang berlaku sekarang.

Ada pun dalam bidang pengajian Islam, nampaknya kerajaan kurang berminat dan tidak begitu bersungguh-sungguh

untuk mempertingkatkan dan memperbanyakkan pusat-pusat pengajian Islam di semua peringkat pengajian. Sekalipun pusat-pusat ini kelihatan berjaya dalam mendukung falsafah pendidikan yang memberi saham yang sangat besar dalam membentuk insan bermoral di mana bilangan sekolah menengah agama kebangsaan dan negeri agak terhad walaupun permintaan begitu ramai untuk menyambung ke sekolah berkenaan walaupun kejayaan yang dibuktikan adalah setanding, bahkan setengah-setengahnya lebih baik daripada sekolah-sekolah menengah biasa.

Bagi sekolah menengah agama rakyat pula, keadaannya begitu menyedihkan. Jenis sekolah ini boleh dikatakan telah diabaikan sama sekali, seolah-olah menunjukkan berlakunya diskriminasi yang ketara terhadap pendidikan agama Islam di dalam negara ini kalau dibandingkan dengan layanan yang diberi kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan dengan berbagai-bagai alasan, di antaranya kerana sekolah-sekolah berkenaan tidak termasuk di bawah pengertian sekolah dalam Akta Pendidikan, walaupun telah memberi peranan dalam pendidikan sejak zaman berzaman, termasuk di zaman penjajahan yang begitu menekan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta Pendidikan, kerajaan lebih menjurus kepada penekanan politik tanpa mengambil kira sumbangan yang diberi ke seluruh negara dan masyarakat sejak sekian lama. Seterusnya, perubahan dasar pendidikan dengan Akta Pendidikan 1996 akan mencetuskan kembali jurang perkauman yang telah pun berkurangan akhir-akhir ini. Golongan bumiputera akan ketinggalan dalam bidang pendidikan oleh faktor penswastan di dalam bidang pendidikan di mana peluang mereka agak berkurangan oleh faktor ekonomi dan lain-lain. Sekiranya kerajaan tidak cermat di dalam mengendalikan penswastan dalam bidang pendidikan ini, maka ia akan menimbulkan kembali jurang perkauman di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dibuat penegasan berulang kali betapa nilai kerohanian, moral dan etika perlu dipupuk dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju seperti yang dihasratkan dalam slogan Wawasan 2020, tetapi cara pelaksanaannya tidak memenuhi ciri-ciri yang dapat mendidik masyarakat di mana ianya sekadar bersifat aktiviti sampingan dan tempelan.

Peranan media massa yang membocorkan perkara negatif yang tidak munasabah dengan agama dan adat masyarakat berbilang kaum di negara ini masih berterusan, termasuk yang dikendalikan oleh pihak kerajaan sendiri. Contohnya ialah jawapan yang diberi oleh Kementerian Penerangan minggu lalu tentang aktiviti agama Islam di bulan Ramadhan, Aidil Fitri dan Tahun Baru Cina yang berlaku serentak baru-baru ini. Boleh dibuat perbandingan di mana kegiatan untuk agama Islam di bulan Ramadhan, peruntukannya RM415,000; untuk Aidil Fitri, peruntukannya RM2.2 juta; dan untuk Tahun Baru Cina, peruntukannya RM1.4 juta.

Di samping program yang bersifat hiburan secara menyeluruh lebih besar daripada pendidikan walaupun dibuat penapisannya, kemudian dibahagikan pula mengikut umur yang berpatutan. Hanya pada suratannya sahaja, tetapi akan banyak menimbulkan perkara tersebut di mana akan banyak menimbulkan perkara-perkara negatif yang memberi kesan kepada moral rakyat yang dimasukkan ke dalam tiap-tiap rumah dan keluarga.

Kita tidak menafikan betapa perlunya rakyat mendapat maklumat tetapi perlu dibezakan apakah maklumatnya yang patut diberikan kepada rakyat. Program Rakan Muda bukan sekadar hanya menyarankan gaya hidup yang sihat dengan berbagai aktiviti sukan dan kebudayaan, tetapi perlu disedari bahawa semua aktiviti tidak boleh dipisahkan dengan pendidikan nilai moral dan etika dan tidak boleh dipisahkan atau

diadakan secara berasingan di antara satu sama lain seperti di samping menganjurkan aktiviti rohani dan moral dalam masa yang lain berlakunya aktiviti pergaulan bebas yang menjejaskan akhlak.

Pihak NGOs juga digalakkan memainkan peranan dalam kegiatan membangun masyarakat bermoral ini, bukan sahaja diberi peluang untuk mengkritik tetapi melakukan aktiviti sosial yang menggalakkan pembinaan moral murni dan masyarakat penyayang dan bertolong menolong dalam perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Tuan Yang di-Pertua, di antara penolong bagi membantu ke arah kejayaan negara ialah kestabilan politik. Sekiranya keadilan dapat ditegakkan oleh pihak kerajaan dengan sesungguhnya dan pihak pembangkang pula dapat memberi peranan untuk menasihati kerajaan dan pembangkang di negara ini tidak seperti pembangkang di Korea, Taiwan, India dan Jepun. Maka, kerajaan perlu menyedari perkara-perkara ini dan kerajaan perlu mempertahankan suasana ini. Kerajaan perlu mengatasi masalah rasuah dengan bersungguh-sungguh walaupun dikatakan kadarnya rendah dan ada laporan dari luar negara yang meletakkan Malaysia pada taraf nombor 23. Kita bimbang juga kalau diambil kira rasuah diberi atas meja sahaja yang dapat dilaporkan dan memejam mata terhadap rasuah yang dihulurkan di bawah meja atau rasuah politik yang kerap berlaku dalam pilihan raya dan pemilihan dalam parti yang tidak disenaraikan oleh Badan Pencegah Rasuah atau yang tidak boleh diambil tindakan oleh Badan Pencegah Rasuah kerana mempunyai kekuatan yang dapat menembusi jaring undang-undang sarang labah-labah.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun kerajaan menyebut tentang usaha ke arah inflasi sifar untuk mengawal barang-barang perlu yang menjadi keperluan

seluruh rakyat termasuk yang miskin dan termiskin, tetapi masih berlaku naik turun yang menandakan tidak tetap dan belum dapat dijamin ianya dihormati oleh peniaga-peniaga seperti harga ayam yang menyebabkan berlakunya berbagai-bagai kenehan seperti mahu membakar anak-anak ayam, kenaikan harga makanan dan sebagainya. Begitu juga dengan kesan penswastaan air, elektrik, telefon, tol dan akan berlaku pula hospital di mana yang telah berlaku ialah kenaikan bayaran oleh pihak swasta kerana berbagai-bagai alasan. Maka, kita merasa bimbang objektif daripada apa yang dinamakan inflasi sifar tidak boleh dicapai dengan sepenuhnya.

Kerajaan membenarkan penubuhan syarikat milik asing 100% seperti yang ditegaskan oleh ucapan pembentangan kerana selain itu pekerja kita mudah-suai katanya, mudah latih, produktif, kita juga ingin tahu adakah pemodal tempatan tidak berkemampuan untuk membiayainya dan bagaimana pula ada di kalangan pemodal tempatan yang melabur di negara asing. Seterusnya kerajaan perlu serius supaya pemindahan teknologi dan pengalaman benar-benar berlaku. Kami mengalu-alukan kerana kenyataan yang dibuat menegaskan bahawa pengurangan kadar pengangguran dikatakan begitu berjaya sehingga hari ini, sehingga berlakunya kekurangan tenaga buruh secara ketara sehingga dicari penyelesaian melalui pekerja-pekerja asing. Adakah ini kerana perubahan di kalangan belia daripada menganggur kepada melepak dan langkah majikan mengambil pekerja-pekerja asing kerana kadar upah yang lebih murah tanpa mengambil kira kuasa mengatasi masalah sosial dan ekonomi yang memberi implikasi daripadanya.

Kita tidak mahu perubahan menggunakan sistem automasi dan robotik di mana sebahagian tugas pekerja ialah mengawal selia mesin dan robot kerana mesin dan robot tidak perlu kepada kesatuan sekerja untuk mereka dan tidak menjadi masalah politik kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga berura-ura akan melakukan penswastaan dalam bidang perubatan. Kerajaan berhasrat untuk menswastakan kebanyakan kemudahan kesihatan termasuk hospital dan unit-unit rawatan khas di mana satu bentuk subsidi akan dirangka untuk golongan miskin yang majikan mereka tidak mampu membayar perbelanjaan rawatan untuk mereka yang tidak mampu mendapat perlindungan insuran perubatan. Syarat perkhidmatan bagi pekerja-pekerja di firma swasta yang besar perlulah meliputi kemudahan rawatan perubatan. Langkah seperti ini seperti kerajaan mahu mengelakkan diri daripada salah satu tanggungjawabnya untuk keperluan asasi rakyat yang sangat penting. Walaupun ada peruntukan subsidi dan sebagainya tetapi akan ada pula berbagai-bagai kenebel yang akan menjadi masalah kepada golongan miskin. Begitu juga dengan galakan penubuhan hospital-hospital bagi pesakit yang berpendapatan sederhana, kita merasa bimbang dari sambutan oleh kerana perlumbaan pesat berlaku ke arah penyediaan kemudahan penginapan kesihatan bertaraf lima bintang termasuk oleh perbadanan-perbadanan kerajaan negeri sendiri di mana kebanyakan pesakit tidak mampu untuk mendapat rawatan di hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pertanian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kerajaan merancang ke arah menjuruskan peningkatan daya saingan komoditi pertanian. Pembangunan komoditi pertanian untuk industri akan berpandukan kepada dorongan pasaran dan pengurangan kos. Kerajaan perlu menyedari betapa sumber makanan merupakan keperluan asas negara. Sehingga sekarang belum lagi diwujudkan rancangan ekonomi jaminan makanan untuk memenuhi keperluan negara, padahal banyak negara maju di dunia seperti Amerika Syarikat, Jepun, England, Perancis dan lain-lain tidak mengabaikan perkara ini walaupun

dengan bebanan perbelanjaannya ditanggung oleh sektor yang lain.

Ada pun di negara kita, rancangan tanah banyak ditumpukan kepada program pertanian yang bukan merupakan sumber makanan asas negara. Tanaman seperti kelapa sawit, getah, tebu dan koko lebih merupakan pertanian komersial yang tidak menjamin keperluan makanan asasi rakyat. Sumber makanan negara hingga kini masih bergantung kepada import dari luar negeri dengan alasan ia lebih murah tanpa memberi perhatian kepada perubahan dunia yang boleh menimbulkan berbagai-bagai situasi. Sepatutnya kerajaan hendaklah serius memberi penumpuan yang lebih juga dalam membangun projek pertanian makanan dan mengatasi masalah tidak berminat oleh kalangan rakyat dalam aspek ini.

Di samping penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan pengeluaran pertanian hendaklah dilaksanakan dengan berbagai-bagai galakan kerana jumlah rakyat sudah pasti akan bertambah dalam tahun-tahun akan datang. Ini bererti keperluan bahan makanan juga semakin meningkat, maka para petani hendaklah dilatih cara penggunaan teknologi moden. Universiti Pertanian hendaklah diberi perhatian supaya memainkan peranan untuk mengeluarkan pegawai-pegawai, pakar-pakar pertanian yang betul-betul cekap dan diberi galakan untuk memainkan peranan mereka. Begitu juga pihak kerajaan hendaklah memberi kemudahan membanyakkan tanah-tanah untuk keperluannya kerana walaupun dikatakan berlakunya penambahan tanah-tanah pertanian, untuk penambahan kawasan sawah padi, hakikat yang wujud ialah penambahan itu tidak berlaku kerana keluasannya sebenarnya makin berkurangan. Maka kerajaan hendaklah berusaha mengatasi masalah ini, sungguhpun kerajaan kadang-kadang terlalu mengambil kira kos perbelanjaan dan hasil padi boleh jadi tidak boleh menampung kosnya.

Kerajaan juga hendaklah sedar dari segi keperluannya kepada negara dan juga para petani yang rata-ratanya dari kalangan miskin. Kerajaan juga perlu mengatasi masalah kebakhilan untuk memberi tanah dan hak milik tanah kepada petani-petani yang berlaku di negeri-negeri oleh kerajaan-kerajaan negeri sedangkan kalangan-kalangan tertentu dalam dan luar negeri boleh mendapatkan kemudahan tanah untuk mengambil tanah-tanah kerajaan. Kita tidak mahu berlakunya diskriminasi dalam masalah ini.

Sektor perikanan yang dijangka berkembang dan berbagai teknologi diusahakan ke arahnya di samping lebih banyak kompleks pendaratan ikan dan pemrosesannya yang bersepadu dinaikkan taraf di lokasi yang strategik yang telah sedia ada dan membina yang baru. Kita mengharapkan supaya nelayan-nelayan miskin tidak tercicir dalam perancangan tersebut. Kita mengharapkan supaya dapat dibetulkan kegagalan dalam menyelesaikan keperluan ikan negara dan kegagalan dalam mengatasi kehidupan para nelayan yang berada di bawah paras kemiskinan walaupun beberapa rancangan perikanan berbentuk komersil telah dilakukan sejak beberapa tahun tetapi ianya berjalan lembab dan berlaku pendaratan ikan yang diambil daripada perairan negara kita dibawa ke pengkalan-pengkalan negara jiran dan beberapa program tidak dapat memberi manfaat kepada nelayan tradisional.

Dalam menambah peruntukan untuk program perikanan negara, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hendaklah dipastikan juga ianya lebih dimanfaatkan oleh para nelayan kecil. Mereka hendaklah dilibatkan dalam program tersebut secara langsung atau melalui persatuan-persatuan nelayan.

Permintaan terhadap keluaran ternakan juga dijangka bertambah dalam tempoh rancangan ini. Walaupun rancangan ternakan akan dilaksanakan, maka

penglibatan petani dalam bidang ini hendaklah digiatkan melalui tanah-tanah pertanian terbiar yang digalakkan menyertai rancangan ini bukan sahaja menerusi sistem penternakan secara 'feed lot' seperti yang menjadi salah satu cadangannya. Satu program jangka panjang perlu diadakan untuk menjadikan negara ini sebagai pengeluar daging utama di rantau ini, hendaklah dirancang bukan sekadar untuk memenuhi keperluan tempatan, tetapi juga demi untuk penglibatan petani-petani negara kita, maka kerajaan tidak gopoh menarik balik subsidi dalam sektor kecil seperti yang dicadangkan.

Dalam kesungguhan untuk mencapai tahap negara maju, kerajaan tidak boleh mengabaikan industri kecil di luar bandar terutama sekali di kawasan-kawasan pertanian yang memberi peranan untuk menolong para petani, di antaranya ialah yang bertujuan memproses keluaran tempatan atau untuk bahan-bahan ganti bagi kilang-kilang besar yang wujud di kawasan perindustrian dalam bandar. Para petani dan nelayan luar bandar juga mendapat peluang menambahkan sumber pendapatan mereka. Di samping itu kawasan luar bandar yang masih ketinggalan dari segi pembangunannya secara langsung dapat dibangunkan, seterusnya para penganggur di luar bandar tidak membanjiri kota yang boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah pula akan dapat dikurangkan.

Kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada masalah tanah terbiar yang masih luas di seluruh negara supaya dimanfaatkan dengan tidak menjejaskan kepentingan tuan-tuan tanah yang berkenaan. Tetapi melibatkan mereka aktif dalam membangunnya, dalam apa-apa cara yang sesuai dengan tanah itu dan kerajaan boleh mengambil contoh daripada rancangan menanam semula getah yang pernah dilakukan di masa lalu. Di sana terdapat rakyat yang tidak mempunyai tanah, tetapi berminat dan mempunyai potensi untuk

bekerja, tetapi tidak diberi peluang memiliki tanah. Mereka hendaklah diberi peluang melalui pembukaan tanah-tanah baru atau meneroka tanah-tanah baru secara bersendirian atau secara berkelompok dan secara berkoperasi dan sebagainya.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur hendaklah disediakan dengan secukupnya demi menjamin kemudahan dan kejayaan untuk membangun kawasan-kawasan tersebut. Di samping itu peraturan-peraturan pula hendaklah diadakan supaya ianya tidak dimonopoli atau dieksploitasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak berhak. Pihak kerajaan juga hendaklah mengurangkan premium tanah supaya dengan itu rakyat yang miskin mendapat peluang yang menggalakkan dan berminat untuk membangun tanah-tanah tersebut.

Bagi tanah-tanah Felda yang telah sedia ada, pihak kerajaan sepatutnya memberi hak milik kepada peneroka-peneroka yang berjasa. Dalam menghidupkan rancangan tersebut dan jangan terlalu rakus dengan penswastan sehingga mengorbankan jasa dan titik peluh mereka, sehingga para peneroka terus menjadi buruh di atas tanah yang mereka terokai atau mereka melarikan diri bagi ditempatkan buruh-buruh asing demi memikirkan keuntungan yang lebih besar, walaupun telah mengorbankan peneroka-peneroka di kalangan anak watan sendiri.

Untuk melaksanakan program mengatasi masalah kemiskinan hendaklah digalakkan juga menjadi tugas keluarga dan masyarakat setempat sepatutnya satu undang-undang hendaklah diwujudkan bagi menwajibkan setiap ahli keluarga yang mampu memberi bantuan kepada keluarganya sendiri yang miskin. Selain anak-anak dan ibu bapa sehingga tahap kemiskinan yang wujud dapat ditingkatkan kepada penghidupan yang normal dan selesa. Rancangan yang berbentuk ini boleh melahirkan masyarakat penyayang yang pernah disebut dahulu dan lebih terjamin pelaksanaannya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam merealisasikan matlamat pembangunan negara, maka kepentingan kebendaan dan kaum secara fanatik hendaklah dihapuskan. Selagi perkara-perkara ini meresap ke dalam tindakan rancangan ekonomi negara, maka kegagalan akan menyimpannya kerana sepatutnya matlamat kemanusiaan hendaklah diutamakan. Semangat persaudaraan, bertolong-menolong dan menegakkan keadilan tanpa mengira sesiapa adalah perkara yang wajib ditunaikan dengan seikhlas-ikhlasnya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Parit Sulong.

5.25 *ptg.*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini semalam. Dokumen RMK-7 membuktikan bahawa kerajaan memang benar-benar serius dengan misi menjadikan negara bangsa Malaysia yang cemerlang ini di abad yang ke-21. Lantaran itu adalah mungkin selaras untuk saya menggelarkan RMK-7 ini sebagai satu dokumen perjuangan abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berbangga dengan kerajaan kerana RMK-7 masih menitikberatkan

aspek-aspek kemiskinan rakyat di semua sektor dan di kalangan pelbagai bangsa, kesejahteraan warga kota dan desa, ekonomi yang mampan, perkembangan industri berasaskan teknologi tinggi serta kewujudan bangsa yang berilmu, berpengetahuan, tinggi moral dan kuat pegangan agamanya. RMK-7 juga prihatin terhadap aspek-aspek keluarga bahagia, perpaduan nasional, penghayatan seni dan budaya, keadilan sosial, alam sekitar, kualiti hidup dan kestabilan politik.

RMK-7 benar-benar mencerminkan sikap dan pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan kepimpinan negara yang sentiasa berwawasan besar, saksama, proaktif, futuristik, pragmatik dan global. Ia juga membuktikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah pemimpin yang bertaraf dunia, dengan izin, a world class leader, yang amat disegani. Seluruh rakyat terhutang budi kepadanya. Kepimpinan beliau meningkatkan lagi martabat Malaysia di pelantar jagat.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-7 ini dilancarkan di ambang dunia yang global dan zaman yang digital. Seperti kata Don Tapscott, dalam bukunya 'The Digital Economy', dengan izin, "We are at the dawn of an Age of Networked Intelligence—an age that is giving birth to a new economy, a new politics, and a new society." Maksudnya: Kini kita berada di ambang zaman bistari yang berangkai—satu zaman yang melahirkan corak ekonomi yang baru, politik yang baru dan juga masyarakat yang baru.

Pada zaman ini, corak perniagaan akan berubah, produk akan jadi digital, pasaran akan berbentuk elektronik. Kerajaan terpaksa diperbaharui dan individu pula mesti membina semula cara hidup masing-masing—segala-galanya dengan bantuan teknologi maklumat. Pada zaman ini juga, manusia akan berhadapan dengan harapan baru dan bahaya baru. Tetapi

kecemerlangan akan hanya diperolehi jika segala aspek kehidupan manusia disusun semula.

Ekonomi digital adalah knowledge economy, dengan izin ataupun ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan. Ekonomi ini juga menitikberatkan nilai tambahan ataupun value added economy, dengan izin. Ekonomi digital menuntut kreativiti, menuntut kebijaksanaan dan kecerdasan pemikiran pada tahap yang paling tinggi.

Segala ciri-ciri dan tuntutan zaman ekonomi digital ini penting untuk dituntas dan dirincikan oleh semua golongan prihatin di Malaysia, termasuklah pihak kepimpinan politik, kerajaan dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, zaman ekonomi digital memerlukan barisan kepimpinan yang berwawasan strategik yang serasi dengan kehendak transformasi ke arah zaman mendatang. Kepimpinan ini merangkumi sektor kerajaan, politik, kesatuan sekerja dan juga swasta. Mereka perlu cekal dan pintar menanggapi proses transformasi ini. Mereka dituntut mempunyai iltizam baru, kebijaksanaan baru, paradigma perjuangan baru dan juga paradigma strategi yang baru.

Dalam konteks ini, saya berbangga dengan perjuangan Kerajaan Barisan Nasional yang melaksanakan proses pemikiran semula terhadap dasar serta strateginya untuk menangani abad ke-21. Iltizam baru, paradigma perjuangan baru dan paradigma strategi yang baru Kerajaan Barisan Nasional terbukti menjurus ke arah abad ke-21 yang global dan digital. Sebab itulah RMK-7 dijelmakan dalam satu bentuk dasar dan strategi yang membabitkan seluruh aspek kehidupan era baru yang merangkumi pembangunan generasi serta pembangunan sumber manusia.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Silakan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya setuju juga dengan Yang Berhormat Parit yang Sulong kerana ini merupakan satu revolusi maklumat dan mengubah masyarakat Malaysia berdekad-dekad yang akan datang. Cuma dengan perkembangan yang pesat dunia elektronik termasuk perdagangan elektronik dan sebagainya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa peraturan-peraturan dan undang-undang yang wujud sekarang tidak dapat menampung perkembangan yang baru ini? Oleh yang demikian, banyak masalah akan timbul termasuk pencurian secara elektronik digital dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kita perlu memperketatkan Rang Undang-undang dan peraturan-peraturan untuk menahyut perkembangan yang baru ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Yang Berhormat terpaksa membaca buku Rancangan Malaysia Ketujuh secara sepenuhnya, kerana dalam buku Rancangan itu dinyatakan pihak kerajaan akan mengkaji di bawah "National Action Plan on IT" ataupun Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Teknologi Maklumat. Kerajaan menyatakan beberapa perundangan yang relevant akan dikaji supaya menyuburkan dan tidak menyebabkan constrain kepada pertumbuhan teknologi maklumat. Yang Berhormat belum baca lagi, dia hendak 'chong' dengan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana pun seluruh kepimpinan agensi kerajaan yang terbabit dengan pengurusan pembangunan generasi muda, termasuklah kepimpinan pegawai awam dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Sumber Manusia perlu diberi pendedahan intensif dan komprehensif terhadap fenomena

perubahan yang lahir dari dunia yang global ini, ledakan teknologi maklumat yang mendadak dan ekonomi yang digital. Saya mencadangkan mereka diberi pendedahan ini supaya membolehkan mereka menghapuskan sekiranya sikap anti perubahan yang mungkin wujud di kalangan sektor awam. Ia juga boleh membolehkan mereka menghayati kehendak dan tuntutan semasa dalam penyediaan sumber manusia di abad ke-21, sekaligus pendedahan sedemikian sekiranya dilakukan akan membolehkan mereka juga mendapat kebijaksanaan baru untuk membantu kepimpinan kerajaan merancang serta menggubal dasar ataupun strategi baru mengenai pembangunan generasi.

Proses pengurangan kakitangan awam atau dengan izin, 'downsizing of the civil service,' bagi Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Sumber Manusia khususnya perlu dimansuhkan. Dunia dan realiti baru menjadikan ketiga-tiga kementerian ini amat penting, kerana mereka membabitkan generasi dan sumber manusia yang semestinya maju, di samping bersikap seimbang terhadap dunia dan akhirat. Saya yakin dan percaya usaha-usaha yang saya cadangkan ini selaras dengan objektif kerajaan menjadikan Rancangan Malaysia Ketujuh sebagai jentera penting untuk membolehkan negara bangsa Malaysia menjalani hidup yang berjaya dan cemerlang di abad ke-21 kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan merincikan RM-7 dalam konteks 'generational reengineering', dengan izin, ataupun dalam konteks perekeyasaan generasi Malaysia. Lebih tepat lagi, saya akan merincikan aspek-aspek pendidikan dan latihan serta aspek-aspek pembangunan sumber manusia. Saya amat insaf bahawa Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa memandang serius aspek pendidikan dan latihan untuk rakyat jelata. Sebab itulah sejumlah 1.4% daripada jumlah peruntukan pembangunan sektor

awam dalam RM-7, iaitu sejumlah RM10.1 bilion diperuntukan untuk pendidikan dan latihan dalam tempoh RM-7. Banyak perubahan strategi pendidikan akan dijalankan dalam tempoh RM-7 untuk meningkatkan jumlah golongan profesional yang sesuai dengan industri berteknologi tinggi. Tindakan ini sangat dialu-alukan kerana transformasi ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti adalah selaras dengan tuntutan zaman yang akan datang. Memang kerana memberi komitmen menerusi RM-7 untuk terus memainkan peranan utama dalam pembangunan sumber manusia. Institusi pendidikan dan latihan kemahiran akan diperkembang, diiktiraf dan disusun semula.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang merupakan kebimbangan atau persoalan yang wajar saya ketengahkan di Dewan yang mulia ini. Pertama, dalam tempoh RM-6, kerajaan mendapati bahawa prestasi akademik pelajar luar bandar dalam peperiksaan SPM adalah amat membimbangkan. Dari 32.9% pelajar yang gagal dalam SPM pada tahun lalu, tahun 1995, 58.3% adalah pelajar luar bandar. Dari 58.3% pelajar luar bandar yang gagal, lebih separuh gagal dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, dan 38.5% gagal dalam mata pelajaran matematik. Sementara itu, hanya 3.5% hingga 5.1% sahaja pelajar luar bandar mendapat gred cemerlang dalam mata pelajaran sains tulen, berbanding dengan 6% hingga 12% bagi pelajar dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar luar bandar majoritinya adalah anak-anak Melayu dan bumiputera. Kegagalan mereka perlu diatasi secara serius. Kerajaan perlu mengkaji apakah punca kegagalan mereka di bidang mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan sains tulen? Kerajaan juga perlu mengambil satu tindakan khusus untuk mengatasi

kegagalan ini dalam tempoh RM-7. Jika tidak, keadaan ini akan mewujudkan satu jurang perbezaan pengetahuan di kalangan generasi luar bandar dan generasi dalam bandar. Jurang perbezaan pengetahuan ini jadi lebih kritikal kerana pengetahuan bahasa Inggeris, matematik dan sains tulen adalah ilmu-ilmu yang amat diperlukan di dalam zaman ekonomi digital dan juga perniagaan yang global.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya sebagai Wakil Rakyat dari kawasan luar bandar merayu semoga kerajaan mewujudkan satu pasukan petugas khas untuk mengatasi masalah ini. Saya amat prihati terhadap masalah ini kerana saya tidak rela generasi muda luar bandar dinafikan hak mereka untuk menikmati kecemerlangan hidup di zaman ekonomi digital dan perindustrian yang global kelak. Saya tidak rela generasi muda luar bandar terpinggir di abad ke-21 kelak semata-mata kerana kerajaan mungkin kurang memandang serius terhadap kegagalan mereka dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan sains tulen. Andainya andaian ini pastinya akan menjadi realiti ataupun hakikat, kerana tanpa lulus mata pelajaran teras, iaitu mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan sains tulen, tentunya anak-anak luar bandar ini tidak akan tergolong ke dalam kumpulan warganegara yang akan melanjutkan pelajaran masing-masing di bidang sains dan teknologi. Bila ini terjadi, di manakah peluang mereka untuk menjadi sumber manusia yang layak mengharung hidup di zaman teknologi maklumat dan di zaman ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua, dari pendapat pakar psikologi, pelajar luar bandar mungkin mempunyai kecerdasan pemikiran ataupun IQ yang rendah berbanding rakan sebayanya mereka yang tinggal di bandar. Namun begitu, tidak mungkinkah mereka mempunyai kecerdasan emosi ataupun EQ ataupun 'emotional intelligence' yang tinggi. Oleh itu, soal kecerdasan emosi, ataupun

'emotional intelligence' dengan izin, di kalangan pelajar yang gagal SPM dari luar bandar hendaklah dipupuk dan dibangunkan ke arah minat sains dan teknologi. Aspek-aspek pengembangan EQ ini telah dikaji oleh ramai ahli psikologi seperti Daniel Goldman dalam bukunya Emotional Intelligence.

Dalam konteks ini, saya harapkan kerajaan akan membanyakkan pengambilan pelajar luar bandar yang gagal SPM untuk memasuki institusi latihan kemahiran ataupun vokasional. Mereka mestilah menjalani kelas peralihan sekurang-kurangnya setahun, sebelum diberi peluang menjalani kursus yang berkaitan dengan sains dan teknologi, khususnya di bidang teknologi maklumat.

Usaha ini pastinya akan membawa kejayaan kerana teknologi maklumat bukan sahaja memerlukan sumber manusia yang mahir di bidang komputer, ianya juga memerlukan sumber manusia di bidang telekomunikasi, penulisan teks secara kreatif dan fotografi untuk perisian komputer multimedia (content). Mereka yang tidak layak mengikuti kursus-kursus seperti ini, sekurang-kurangnya dilatih menjadi tenaga manusia yang boleh melakukan kerja-kerja servis hardware komputer, ataupun untuk memperbaiki komputer. Percayalah, golongan ini amat diperlukan seperti mana manusia hari ini memerlukan mekanik untuk membaiki kereta ataupun peralatan elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pendidikan formal ini, saya juga mencadangkan semoga pendidikan komputer hendaklah dijadikan satu mata pelajaran formal dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat yang setinggi-tingginya. Pada waktu yang sama, kerajaan hendaklah memperuntukkan sekurang-kurang seperempat dari RM2.3 bilion yang disediakan untuk pelaburan di bidang program dan projek teknologi maklumat dalam tempoh RMK-7 untuk membekalkan komputer ke sekolah,

khususnya di luar bandar. Sekiranya tidak, anak-anak di luar bandar akan muncul menjadi satu golongan yang tidak celik komputer. Sekiranya anak luar bandar tidak celik komputer, sekaligus anak luar bandar akan menjadi warganegara terpinggir di abad zaman komputer, abad teknologi maklumat dan abad ekonomi digital.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, saya ingin membangkitkan persoalan mengenai pendidikan sebagaimana yang terkandung di dalam dokumen RMK-7 iaitu mengenai usaha mewujudkan sekolah satu sesi. Usaha ini memang baik kerana niatnya adalah membolehkan masa belajar ditambah bagi mata pelajaran penting seperti pendidikan komputer, matematik dan sains. Tetapi sebagai seorang anak Johor yang memang telah dididik oleh sistem sekolah agama atau sekolah di sebelah petang, apakah akan terjadi kepada sekolah-sekolah agama di Johor dan kemungkinan di lain-lain negeri yang melaksanakan pendidikan seperti ini? Di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini saya bertanya kepada Timbalan Menteri dan Timbalan Menteri menjawab bahawa ini masih lagi di peringkat perancangan, tetapi perkara ini terkandung di dalam dokumen RMK-7.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri Johor telah melaburkan berjuta-juta ringgit untuk sistem pendidikan sekolah agama, dari semenjak zaman sebelum merdeka sehingga ke hari ini. Sekolah agama di Johor mempunyai ratusan guru dan ribuan murid. Lebih kurang setahun yang lalu, kerajaan pusat telah berura-ura melaksanakan sistem persekolahan satu sesi yang sekaligus akan menjejaskan kewujudan sistem sekolah agama di Johor.

Oleh itu, kerajaan dan rakyat Johor telah mengambil pendirian yang tegas terhadap perkara ini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

pun telah memberi pengakuan di Perhimpunan Agung UMNO, dua-tiga tahun lalu, bahawa sistem sekolah satu sesi tidak akan dilaksanakan. Sekarang mengapa usaha ini mahu dihidupkan semula? Saya harap pihak Menteri Pendidikan akan memberi penjelasan terperinci mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh RMK-7, kerajaan akan terus berusaha memperkecilkan jurang jumlah profesional bumiputera dan bukan bumiputera di bidang profesional yang penting kepada zaman prateknologi maklumat dan masih relevan kepada masa depan. Dalam tempoh RMK-7 juga kerajaan berusaha melahirkan core-professional ataupun profesional teras bumiputera yang selaras dengan tuntutan zaman digital. Jumlah mereka ini juga perlu diimbangkan dengan profesional yang bukan bumiputera.

Usaha ini amat penting, jika tidak, zaman digital akan mewujudkan satu lagi fenomena baru dan perbezaan baru di kalangan kaum di Malaysia, iaitu golongan bumiputera yang berkemahiran di bidang teknologi maklumat dan juga teknologi tinggi dengan mereka yang tidak langsung berkemahiran di bidang tersebut. Jika jurang perbezaan bumiputera yang berkemahiran teknologi maklumat ataupun teknologi tinggi ataupun sebaliknya yang tanpa kemahiran ini tinggi, berbanding dengan yang bukan bumiputera, satu keresahan yang runcing pasti akan wujud. Ini kerana kemahiran di bidang teknologi maklumat dan teknologi tinggi adalah satu faktor penting yang menentukan survival insan di zaman digital.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menegaskan di dalam ucapannya semalam bahawa pembangunan sumber manusia akan terus menjadi teras utama RMK-7. Ini adalah kerana peralihan daripada industri berintensif buruh kepada industri besar yang menggunakan automasi dan robot berteknologi tinggi

dijangka memerlukan bilangan tenaga kerja yang lebih kecil tetapi berkemahiran tinggi. Kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu melambangkan sikapnya yang futuristik. Ianya selaras dengan cabaran strategi abad ke-21 yang digariskan di dalam RMK-7 bahawa pemelesaian transformasi ekonomi didorong oleh produktiviti dan kualiti melalui peningkatan kecekapan faktor buruh dan modal serta produktiviti faktor keseluruhan dengan meningkatkan kemahiran.

Bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa agenda perjuangan Kementerian Sumber Manusia ke arah ini masih lagi samar-samar. Lantaran itu, izinkan saya jelaskan di sini bahawa pengurusan sumber manusia ke arah abad ke-21 bukan lagi pengurusan buruh ladang di zaman pasca merdeka. Kementerian Sumber Manusia mestilah sensitif kepada aspirasi Perdana Menteri dan tuntutan zaman akan datang. Sebab itulah, saya agak terasa kecewa sedikit apabila sewaktu perbahasan Akta Pembangunan Sumber Manusia di Dewan yang mulia pada 10hb April, 1996 yang lalu, saya dapati bahawa Kementerian Sumber Manusia enggan mewujudkan garis panduan khusus mengenai latihan semula atau retraining, dengan izin, pekerja yang perlu dijalankan oleh pihak swasta supaya pekerja tersebut mendapat latihan yang relevan dan serasi untuk mencari rezeki di era digital kelak.

Memang kerajaan mungkin akan memindahkan industri intensif buruh ke negara lain yang masih mempunyai tenaga buruh yang besar. Jika ini berlaku, bagaimanakah nasib ribuan anak Malaysia yang kini bekerja di kilang-kilang yang berintensif buruh seperti di kilang-kilang elektronik dan sebagainya? Sekarang ini ribuan anak bangsa Malaysia, khususnya anak-anak Melayu dari luar bandar yang bekerja di sektor pembuatan, mereka terbabit dalam bidang produk kawalan mutu dan proses pengeluaran. Dokumen RMK-7 pula membayangkan bahawa sektor pembuatan

kini mula meningkatkan aplikasi teknologi maklumat di bidang reka bentuk produk, kawalan mutu, perancangan proses serta perancangan pengeluaran dan bahan.

Soalnya di sini, bagaimanakah masa depan anak-anak bangsa ini apabila semua kilang pembuatan melaksanakan sistem pembuatan berbantuan komputer atau computer-aided manufacturing, melaksanakan sistem merekabentuk berbantuan komputer atau computer-aided designing dan melakukan sistem kejuruteraan berbantuan komputer atau computer-aided engineering?

Jadi, tidakkah pihak kerajaan terdorong untuk bertanggungjawab supaya pihak swasta digalakkan melatih semua tenaga pekerja mereka ke arah pengendalian sistem sedemikian? Tidakkah pihak kerajaan menerusi Akta Pembangunan Sumber Manusia perlu meminta pihak swasta melatih semula pekerja mereka ke arah ini? Saya harap, kikiskanlah, sekali lagi saya tegaskan, kikiskanlah mentaliti bahawa pekerja hari ini sama seperti pekerja buruh ladang di zaman penjajah ataupun pekerja di zaman baru merdeka.

Pihak kesatuan sekerja, di samping membantu mewujudkan harmoni perindustrian ataupun industrial harmony, dengan izin, hendaklah sensitif juga dengan tuntutan masa depan. Mereka hendaklah vokal dan lantang dalam memperjuangkan aspek tuntutan zaman seperti saya tegaskan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memandang berat aspek ini, kerana saya tidak rela, saya katakan, saya tidak rela apabila teknologi moden menguasai sektor pembuatan maka ratusan ribu anak bangsa kita akan terpinggir ataupun, dengan izin, displaced. Jika ini terjadi, akan wujud keresahan sebagaimana yang saya tegaskan tadi. Bila wujud keresahan, akan muncul pula oportunitis politik seperti parti yang mewakili kawan saya dari Kepong

untuk mengeruhkan lagi suasana dan menimbulkan keadaan politik negara sehingga jadi tidak stabil. Oleh itu, saya merayu agar Kementerian Sumber Manusia merincikan hakikat ini, demi nama sebuah kemakmuran dan demi nama anak bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, telah panjang lebar saya memperkatakan masalah pendidikan dan sumber manusia di abad ke-21. Rasanya sebagai Wakil Rakyat kampung, tidak sempurna jika saya tidak menyebutkan masalah infrastruktur di luar bandar. Sekarang ini terdapat beribu-ribu kilometer jalan kampung yang belum lagi diturap tar. Ini termasuklah jalan-jalan kampung di kawasan Yan dan Pokok Sena di Kedah. Ini termasuklah di kawasan saya, di Parlimen Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, masih terdapat 108 buah kampung yang mengandungi jalan sepanjang 198.55 kilometer yang belum diturap tar. Kami memerlukan sejumlah lebih kurang RM18 juta untuk melaksanakan projek ini. Untuk itu, izinkan saya merakamkan di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jalan ke rumah saya sendiri di Kampung Separap, Mukim Empat, Batu Pahat, Johor belum juga ditar. Bila hujan berselut lumpur, bila panas bermandi debu. Lebih teruk lagi kemudahan di kampung saya, di rumah saya, kemudahan telefon pun masih lagi tinggal mimpi. Kampung saya adalah contoh kepada ratusan buah kampung di seluruh negara, kepada majoriti jalan-jalan kampung di seluruh negara. Hakikatnya biarpun kita sudah melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh, perkara ini masih lagi dalam keadaan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, memang kerajaan negeri Johor dengan satu inovasi yang baru berjanji akan menurap keseluruhan jalan kampung di negeri Johor sebelum pilihanraya umum yang akan datang. Ini kerana Kerajaan Johor telah mewujudkan satu strategic creative iaitu pendapatan dari semua tanah kerajaan

yang diwastakan dimasukkan ke dalam satu dana iaitu Dana Infrastruktur Rakyat Johor.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak tolong dia juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Adakah Yang Berhormat sedar daripada RMK-7 ini didapati bahawa kalau kita kira pencapaian dan prestasi di antara negeri-negeri, Johorlah negeri yang kedua paling unggul selepas Selangor. Ini bermakna tiap-tiap tahun Johor mendapat hasil yang banyak dan dengan hasil ini mengapa pihak Kerajaan Negeri Johor tidak dapat menurapkan jalan-jalan seperti jalan di Parit yang Sulong? Adakah ini bermakna Kerajaan Negeri Johor adalah serba kekurangan di dalam projek untuk melaksanakan memperbaiki keadaan jalan di Johor?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kerajaan Barisan Nasional tidak serba kekurangan, Yang Berhormat. Kerajaan Barisan Nasional mempunyai priorities yang banyak. Masalahnya kadang-kadang priorities kita adalah terlalu banyak, kita kena deal one at a time, dengan izin. Masalah pelaksanaan jalan kampung ini sebenarnya, bukan tugas kerajaan negeri, ini tugas Kerajaan Pusat. Sebab itu, Johor mengambil satu langkah kreatif dengan harapan Kerajaan Pusat akan membayar balik besok. Kerajaan Johor berjanji ia akan melaksanakan dalam tempoh lima tahun, kalau hendak tunggu Kerajaan Pusat, it may come in ten years, dengan izin. Jadi, kita harap the creativity oleh Kerajaan Johor ini. Di Johor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah berjanji akan menurap jalan tersebut dalam

tempoh lima tahun. Tetapi kalau kita hendak menunggu peruntukan dari Kerajaan Pusat mungkin mengambil masa sehingga sepuluh tahun. Jadi, kemudian nanti Kerajaan Pusat akan bayarlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin perkara yang dibuat di negeri Johor ini boleh dibuat di negeri-negeri lain, tetapi adakah semua negeri lain mampu macam negeri Johor? Ini persoalannya.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat ini kacau lagi!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan lagi. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Parit yang Sulong sedar bahawa ada terdapat dua jenis jalan. Jalan yang dibina oleh pihak Kerajaan Negeri dan jalan yang di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan. Mungkin yang disebutkan tadi itu, jalan negeri!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jangan mungkin-mungkin Yang Berhormat dengan saya! Saya tahu ada satu sistem bernama jalan DO, satu lagi namanya sistem kenaikan taraf jalan kampung. Jalan DO selalu di handle oleh pihak DO, tetapi sekarang ini pihak Kerajaan Pusat telah menimbulkan satu kesedaran bahawa jalan ini mesti ada satu spesifikasi yang standard supaya tidak rosak cepat, oleh kerana kampung sekarang bukan macam dahulu yang penuh dengan basikal. Sekarang ini jalan kampung penuh dengan lori yang mengangkut kelapa sawit. Jadi, mesti ada satu standard specification yang diluluskan oleh pihak kementerian supaya pelaburan kerajaan itu tidak mudah musnah.

Jadi, yang dimaksudkan Kerajaan Negeri Johor juga akan membantu Kerajaan Persekutuan dengan membelanjakan wang dahulu untuk mengantar seluruh jalan di kampung di negeri

Johor bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Jadi, Kerajaan Persekutuan boleh membayar kemudian, dengan harapan dia akan membayar.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya, bolehkah negeri-negeri lain melaksanakan perkara ini? Kalau tidak, saya yakin apa yang dilaksanakan di Johor boleh dijadikan satu model di peringkat pusat, contohnya, setiap tahun kita mempunyai banyak projek penswastaaan. Saya dengar sekarang ini hospital kita hendak swastakan dan banyak lagi projek yang akan diswastakan. Mengapa tidak boleh diambil segelintir percentage, dengan izin, sebahagian daripada pendapatan kerajaan dari penswastaaan, kita tubuhkan satu tabung untuk memajukan infrastruktur jalan kampung sama seperti dana rumah kos rendah yang ditubuhkan di peringkat Pusat. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan ini kritikal

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ahli dari Kepong ini mengacau sahaja!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan bagi dua perkara. Yang pertamanya, mengapa negeri-negeri yang lain mesti mencontohi Johor? Sebab di Johor jalan di Parit Sulong pun sudah lebih dari sepuluh tahun puntidak ditarkan. Mengapa kita hendak contohi macam Johor pula?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dia ini sudah tidak ada isu lagi hendak bercakap. Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi

Dr. Tan Seng Giaw: Yang kedua, kebanyakannya jalan-jalan negeri!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah! Saya tidak beri peluang dah!

Tuan Yang di-Pertua, dia ini hendak ambil waktu ini! Saya tegaskan, kesedaran bahawa kemampuan kewangan ataupun

financial constraint pihak Pusat untuk melaksanakan jalan kampung sekali gus adalah besar. Maka Kerajaan Negeri Johor telah merangka satu strategi yang lebih kreatif. Jadi, sebab itu saya cadangkan kalau boleh, saya tak kata mesti. Perkataan 'kalau boleh' dengan 'mesti' adalah berbeza, dari hukum agamanya pun berbeza. You do not know how to differentiate, dengan izin, minta maaf.

Jadi, di sini saya kata, kalau umpamanya negeri-negeri yang tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk mengatasi perkara ini dalam satu jangka masa yang dijadualkan, a schedule time frame, boleh dicontohi Johor, tetapi dananya datang dari Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya hendak mencadangkan dalam Dewan ini supaya diwujudkan satu dana untuk menurap seluruh jalan kampung di negara ini dalam satu time frame yang jelas, kalau katakan kerajaan akan membina dalam masa lima tahun, maka dalam masa lima tahunlah kita tackle problem ini dan dana ini harus diwujudkan. Kita ambillah wang daripada pelaburan penswastaaan umpamanya, katakan 5% masuk ke dalam dana ini. Ataupun mungkin siapa pihak swasta yang menerima anak angkat sebuah negeri ataupun anak angkat sebuah daerah.

Tuan Yang di-Pertua, macam mana mekanismenya, itu terserah kepada kebijaksanaan pihak perancang. Tetapi, saya ingin mencadangkan konsepnya, kalau tidak, perkara ini menjadi masalah politik yang berlarutan.

Saya ingin mengulangi sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah jalan kampung adalah satu masalah politik yang berlarutan dan kritikal dan semakin runcing di masa akan datang. Dalam pilihanraya yang lalu, masalah jalan kampung telah pun dipolitikkan sesengit-sengitnya hingga ada yang hendak parang-memarang. Saya tidak tahulah, cerita mungkin akan berbeza apabila Parti

Semangat 46 bercerai daripada APU dengan PAS. Tidak ada orang lagi yang hendak eksploit the political sentiment, tak tahulah, mudah-mudahan Semangat 46 akan meninggalkan PAS ataupun mungkin PAS akan masuk Barisan Nasional, saya tidak tahulah! Tetapi itulah hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sudah bagus.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: (*Ketawa*) Inilah hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, jadi sebab itu saya mencadangkan kepada pihak pusat, carilah satu kebijaksanaan baru di dalam menangani isu yang kritikal bagi orang luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cerita satu ironi di kawasan saya. Satu kampung di kawasan saya, bekalan elektrik sudah ada, bekalan air sudah ada, telefon pun sudah ada tetapi jalan kampung belum ada! Apabila dia dapat telefon, Tuan Yang di-Pertua, dia telefon Radio Malaysia Johor Bahru (RMJB), dia kata "Dengan ini saya dari Kampung Parit Warijo", dengan tebal bahasa jawanya, 'Saya dari Kampung Parit Warijo mendedikasikan lagu kepada Yang Berhormat Ruhanie dengan ucapan bila mahu tar jalan kampung saya?' (*Ketawa*) Bayangkan, Tuan Yang di-Pertua, dia suruh anak umur 7 tahun telefon! You rasa apabila you membincangkan masalah keadilan sosial ataupun social justice yang menjadi teras pembangunan negara, inilah satu contoh keadilan sosial yang harus diselesaikan oleh pihak kerajaan bagi pihak masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin kurang setuju dengan rasional yang saya kemukakan ini tetapi inilah hakikatnya di peringkat akar umbi. Saya, kalau boleh, pihak-pihak sahabat-sahabat saya daripada EPU ke, ICU, datanglah ke kampung mana-mana, hendak pergi

ke Yan, siapa yang dari Yan pergilah ke Yan, ke Pokok Sena, siapa dari Johor masuk ke Parit Sulong...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: (*Ketawa*) Ha, ha! Sebut nama Yan, ya!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat simpati dengan Yang Berhormat dari Parit Sulong ini, walaupun diacah oleh Yang Berhormat dari Kepong, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju. Saya minta kalau boleh pegawai-pegawai di EPU, ICU ke, apa 'U' pun tidak apalah, Tuan Yang di-Pertua, turun pergi ke kampung, Tuan Yang di-Pertua, dan saya beri satu pandangan, sama ada Yang Berhormat dari Parit Sulong setuju atau tidak setuju. Lain kali kalau hendak buat apa rancangan ke berapa pun, Tuan Yang di-Pertua, panggil wakil-wakil rakyat ini, berdialog dengan wakil rakyat kerana kita ini adalah wakil rakyat, mewakili rakyat. Jadi, rintihan rakyat kepada kita dan kita perantaraan kepada kerajaan. Jadi, Yang Berhormat bersetuju atau tidak kalau kita buat yang ini kerana dalam kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada juga masuk paip, air tidak ada! Jadi, ini masalah! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan cadangan itu dan kita pun telah menyampaikan hasrat dan luahan hati kita kepada pihak sahabat-sahabat kita di EPU dan ICU dan mudah-mudahan pandangan kita akan diambil kira secara serius dan saya cadangkan di dalam kita mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketujuh itu kelak, kita akan mengadakan satu pre-dialogue session ataupun sesi dialog sebelum rancangan itu dikemukakan ke peringkat Dewan Rakyat, biarpun di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri ataupun di peringkat

pusat kerana kami amat merasa kesukaran yang berat khususnya di peringkat daerah apabila ada projek yang dilaksanakan kami tidak dibawa berunding, apabila projek menjadi masalah kami yang membeban masalah itu. Jadi, perkara ini saya rasa bolehlah dipertimbangkan tetapi, dengan izin, exclusively for the Barisan Nasional ataupun khususnya untuk Barisan Nasional sahaja!

Dr. Tan Seng Giaw: (*Meyampuk*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kita ada kuasa, kita guna kuasa. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, jadi itulah cadangan dan pandangan saya terhadap perbincangan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini dan saya harap pihak-pihak kerajaan akan mengambil kira perkara ini kerana apa yang saya suarakan sekali lagi adalah luahan hati rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

6.04 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaffar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan sedikit sebanyak perkara yang telah dibangkit dalam Dewan ini berhubung dengan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana rakan saya dari Parit Sulong telah menekankan dengan begitu terus dan terang, untuk pengetahuan kita semua iaitu kita rakyat Malaysia keseluruhannya berbangga dengan adanya bangunan mencakar langit kita—Petronas Twin Towers yang dikatakan tertinggi di dunia. Kita rakyat Malaysia memang berasa bangga kerana menjadikan Malaysia salah sebuah trading nation yang unggul di dunia pada masa sekarang. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kita

mencadangkan iaitu kita melibatkan diri dalam industri seperti industri maklumat, IT, dan juga kita melibatkan diri dalam rangkaian Internet, tetapi apa yang disediakan oleh saudara saya dari Parit Sulong ialah apa yang akan berlaku dengan rakyat luar bandar? Tahukah mereka adakah kita sengaja berbangga sahaja kepada bangunan yang mencakar langit, Internet, IT dan kereta nasional umpamanya, kalau jalan pun tidak ada, Tuan Yang di-Pertua.

Kita berbanggalah dengan negara kita kalau kemudahan asas ini belum diberi, maknanya jurang yang hendak kita perbaiki dalam rancangan new economic policy, dengan izin, telah tidak tercapai bahkan kita cuba memperbesarkan lagi jurang di antara yang miskin dengan yang kaya. Dengan keadaan demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar sama sekali kalau kita hendak membangunkan luar bandar melihat daripada economic factor sebagai teraju untuk mengirakan sama ada jalan ataupun kemudahan asas mesti dihantarkan kerana kita di luar bandar adalah segolongan orang Melayu dan Bumiputera kalau di Sarawak dan Sabah, umpamanya.

Sebagaimana yang kita faham, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin menyentuh ini tetapi telah rasa terdesak kerana political base kita, Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita berada di sini terutamanya orang daripada UMNO, PBB, PBDS, SNAP dan sebagainya. Base mereka adalah di luar bandar tetapi adakah pulangan yang wajar telah kita beri kepada orang yang telah mengundi kita untuk duduk di sini? Tuan Yang di-Pertua, masih dipertikaikan!

Sosial aspek, Tuan Yang di-Pertua, mestilah diambil kira. Keutamaan pembangunan luar bandar untuk memberi pulangan yang wajar kepada orang yang telah memberi political power kepada kita ini mestilah diberi balik. Agensi-agensi kerajaan yang kurang berprestasi

patutlah diselidiki dan dikenal pasti. Mereka patut dipinggirkan kalau tidak boleh melaksanakan dasar-dasar ini. Pelaksanaan adalah penting walaupun dasar telah kita buat. Kalau pelaksanaannya tidak cekap dan tidak rapi, namun masyarakat di luar bandar akan tidak dapat menikmati apa yang telah dirancang oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kalau di Sarawak, baru-baru ini kita mengadakan satu dialog di antara kita dengan Jabatan Pendidikan. Dikenal pasti banyak kemudahan-kemudahan yang telah dilulus oleh pihak kerajaan, tetapi tidak dapat dilaksanakan, sekolah-sekolah, bangunan asrama guru, kemudahan pengurusan murid. Pelaksanaan secara kontrak ditender telah tidak dapat dilaksanakan oleh kerana kesempitan ataupun kekurangan kakitangan daripada Jabatan Kerja Raya.

Jadi, pada hemat saya untuk melaksanakan perkara ini dengan lebih cepat, supaya masyarakat yang hendak kita beri kemudahan ini mendapat nikmat daripadanya, saya bercadang mekanisme yang sedia ada iaitu negotiator contract, turnkey contract mestilah digunakan asalkan jangan diberi kontrak-kontrak ini kepada golongan yang tertentu sahaja.

Ini juga boleh dikatakan untuk dibahagi-bahagikan peluang ini kepada semua. Begitu juga apa yang dikatakan syarikat berwibawa sepatutnya dipandang sebagai satu keutamaan sahaja, tetapi bukan satu eksklusif monopoli syarikat tersebut untuk melaksanakan negotiated contract atau pun turnkey.

Jangan dibiarkan wang yang diluluskan oleh pihak kerajaan untuk kepentingan rakyat tergendala oleh mana-mana agensi Kerajaan Pusat atau pun negeri supaya targeting groups dapat menikmatinya dan sebaliknya pula, kita boleh meluaskan effort kita, dengan izin, untuk memperbanyakkan lagi middle income

class kita. Kerana adalah tidak wajar pada pandangan saya kita target kepada satu group sahaja untuk mendapat peluang dan ruang untuk berusaha atau pun mendapat kekayaan, tetapi basenya terlalu kecil dan tidak mencukupi untuk membangunkan anak bangsa kita pada masa yang akan datang. Ini juga akan membesarkan lagi jurang di antara 'the haves and the have-nots' di mana New Economy Policy telah dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, semalam kita menghadiri satu taklimat Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya memang berasa sedih sedikit kerana Sarawak adalah di antara 3 negeri yang mencapai KDNK yang terendah di negara ini. Jadi, saya tidak ingin bercakap panjang-lebar tentang soal ini, hanya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, selain daripada apa yang dikatakan pegawai daripada EPU semalam iaitu dispersal of industry kepada negeri-negeri tersebut, adakah strategi khusus yang dibuat untuk meningkatkan pengeluaran negeri-negeri ini di bidang-bidang yang tertentu, umpamanya pembuatan, pertanian, perkhidmatan, perlombongan dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, mempercepatkan pembinaan infrastruktur, sebagaimana rakan saya dari Parit Sulong telah sebutkan tadi, memang adalah satu perkara yang penting sekali. Sekurang-kurangnya di Yan, di Parit Sulong dan di Pokok Sena, sebagaimana rakan saya sebutkan tadi, masih ada jalan yang berlumpur dan yang berdebu semasa panas, tetapi di kawasan saya, yang berlumpur dan yang berdebu pun tidak ada.

Jadi, saya terasa sedih apabila mendengar kawan saya dari Parit Sulong, tetapi Parit Sulong atau yang lain-lain mungkin tidak menilai bagaimana sedihnya kalau kawasannya belum mempunyai jalan. Bahkan tiap-tiap tahun, ada orang mati lemas kerana menggunakan perahu layar di musim tengkujuh. Pada tahun ini, 4 orang daripada kawasan saya

mati karam di lautan oleh kerana tidak ada jalan. Kita terpaksa juga melawat rakan dan kawan semasa hari raya, malangnya laut bergelora. Jadi, pembinaan infrastruktur adalah sebagai nukleus pembangunan ekonomi di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mempercepatkan pembangunan infrastruktur, kita juga mesti memandang berat sebagaimana rakan saya telah sebutkan tadi, iaitu kemudahan-kemudahan dan infrastruktur pendidikan di luar bandar. Ini juga satu masalah yang besar kalau kita tidak hendak anak bangsa kita, terutama sekali bumiputera dan orang Melayu di luar bandar ketinggalan. Tidak menjadi bangsa yang terpinggir atau bangsa yang akan menjadi pendatang di negaranya sendiri pada masa yang akan datang. Kerajaan mestilah mengenalpasti IKS yang boleh dibina di luar bandar untuk membangun ekonomi dan penglibatan masyarakat di luar bandar di samping boleh menghentikan penghijrahan anak-anak luar bandar ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan belia negara, sebagaimana Menteri pada tengahari tadi menyebutkan. Tetapi kita menekankan kepada pembangunan, penglibatan NGO, kerajaan dari segi dasar atau pun penglibatan Rakan Muda dan sebagainya. Tetapi saya ingin menyebut satu perkara. Saya sebagai orang yang lama terlibat dalam pergerakan pemuda atau belia—hampir 30 tahun, nampaknya target group, dahulu pernah disebutkan apabila Rakan Muda ditubuhkan, kita menjemput budak-budak daripada sekolah melibatkan diri, tetapi ada sebahagian pegawai mengatakan, budak-budak sekolah telah occupied dengan kerja-kerja sekolah mereka, jadi tak perlu dilibatkan lagi.

Jadi, yang perlu dilibatkan ialah budak yang tercicir dan melepak di sana-sini di pekan dan di pasar raya, kata mereka.

Saya bersetuju, tetapi kita mesti ingat, anak-anak sekolah juga perlu bimbingan. Masa lapang mereka perlu juga diisi. Jadi, dengan sendirinya two from attack mestilah dibuat iaitu kita membimbing masyarakat yang telah tercicir iaitu para lepak yang kita jumpa. Tetapi, bimbingan kepada anak-anak muda di sekolah-sekolah mesti juga diberi.

Janganlah peruntukan daripada Rakan Muda atau pun fund yang diberi oleh kerajaan untuk pergerakan Rakan Muda, sepatutnya jangan dikhaskan kepada mereka yang tertentu sahaja. Ia juga hendaklah diberi kepada pergerakan-pergerakan yang ada atau NGOs yang ada yang membimbing anak-anak sekolah. Umpamanya Red Crescent, Pengakap, Pandu Puteri dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bercakap panjang lebar persoalan RM7, ingin saya menyentuh sedikit perkara iaitu saya meminta kepada Tuan Yang di-Pertua untuk mengizinkan saya merujuk kembali kepada perbincangan di Dewan yang mulia ini pada 25 April 1996 yang mana Ahli Yang Berhormat dari Jelutong telah menunjukkan kebiadabannya kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Samarahan.

Walaupun niat jahat beliau untuk mengutarakan perkara-perkara yang tidak relevan dengan tuduhan yang melulu dengan lanjut dan terperinci tidak dapat diberhentikan oleh Tuan Yang di-Pertua atas anjuran Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Bukit Mas dan Serian—kepada mereka bertiga, saya ucapkan terima kasih. Tetapi, berbangkit tanda tanya di Dewan yang mulia ini dan sedikit sebanyak tuduhan yang liar dan tidak berasas itu telah mencemar nama baik dan kewibawaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak kerana episod tersebut telah tersebar luas di dalam media, terutama sekali media cetak tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya bermohon agar diberi peluang untuk memberi penjelasan dan komen atas perkara yang telah dibangkitkan itu. Dari segi fakta, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, iaitu tidak ada hamba Allah yang bernama Chan Chong Meng dari Bintulu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mempunyai tanah di Bintulu yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1975 ataupun mana-mana tahun sekalipun.

Sebenarnya, ada seorang yang bernama Goh Meng Kiat yang mempunyai tanah yang terlibat dalam pengambilan tanah untuk pembangunan Bandar Bintulu oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1973 dan seterusnya pada tahun 1975. Goh Meng Kiat ini client kepada syarikat guaman Ahli Parlimen dari Jelutong. Persoalannya kenapakah Ahli Parlimen dari Jelutong menggunakan nama samaran dalam bentuk nama Chan Chong Meng yang tidak wujud? Adakah dia sengaja hendak membohongi Dewan yang mulia ini ataupun memang menjadi satu amalan biasa membohong ataupun tidak bagi Ahli Yang Berhormat dari Jelutong asalkan dapat political mileage? Atau dia takut menggunakan nama Goh Meng Kiat kerana Goh Meng Kiat adalah seorang client yang mana ia terpaksa menerangkan faedah peribadi seperti dikehendaki di bawah Peraturan Mesyuarat 35(6). Atas mana-mana alasan sekalipun Tuan Yang di-Pertua, saya berani kata bahawa Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah tidak ikhlas dan cuba mengelirukan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, fakta yang kedua, persoalan pengambilan tanah. Izinkan saya memberi gambaran awal Sarawak. Sebelum merdeka Sarawak adalah sebuah negeri yang belum membangun. Selain daripada ibu pejabat Bahagian seperti Kuching, Sibu dan Miri semua pekan-pekan adalah bertahap kampung sahaja. Bintulu adalah kampung nelayan yang kecil mempunyai beberapa deret kedai

dan kampung-kampung Melayu sahaja. Apabila minyak dan gas dijumpai di laut Bintulu, industri berkaitannya mula diterokai di situ. Untuk itu, pekan yang kecil ini terpaksa diubah corak.

Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri pada ketika itu terpaksa membuat pelan induk, master plan, dengan izin, untuk membangunkan pekan tersebut, untuk mengenal pasti di manakah kawasan pelabuhan dan pembesarannya, di manakah kawasan perumahan, kawasan komersil dan kawasan perhotelan dan pelancongan mesti juga dikenal pasti. Berlandaskan dari pelan induk ini, kerajaan tidak ada pilihan lain selain dari mengambil tanah-tanah sama ada milik individu atau kerajaan untuk membangun Bandar Bintulu. Kerajaan tidak membuat perkara ini secara senyap-senyap tetapi secara terbuka, maka dengan hakikat inilah kerajaan mengeluarkan publikasi dalam gazet nombor 274 pada 25hb Januari 1973, bukan sahaja untuk mengikut garis panduan undang-undang tetapi juga untuk maklumat masyarakat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya....

Tuan Chiew Chiu Sing: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ingin tanya Yang Berhormat dari Batang Lupar tentang pengambilan tanah di Bintulu. Bukankah tanah Orang Asli ataupun kampung Melayu di Bintulu di mana tanah asal mereka diambil dan dibangunkan untuk membuat satu kawasan estet industri, tetapi tanah mereka dibayar seekar RM20,000 sahaja? Kemudian tanah itu dijual kepada syarikat ataupun kilang-kilang dengan harga RM180,000. Apakah rancangan seperti ini tidak boleh melibatkan orang di kampung-kampung supaya mereka boleh juga menikmati dalam pembangunan

yang ada di Bintulu ini? Dan ini bukan untuk orang kampung sahaja, begitu juga untuk tanah yang dimiliki oleh orang Cina di Bintulu di mana tanah mereka mula-mulanya dikatakan diambil untuk kegunaan projek umum tetapi selepas beberapa tahun tanah itu diguna untuk projek swasta, seperti di suatu tempat di Bintulu. Sebelum syarikat Hock Peng mendapat projek itu, memang Bintulu Development Authority (BDA) ada berkata bahawa tanah itu adalah akan digunakan untuk projek umum tetapi beberapa tahun kemudian digunakan untuk projek shophouse yang ada sekarang. Dan juga tanah kerajaan di Bintulu ditawarkan dengan harga begitu rendah.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat ini hendak berucapkah hendak tanya?

Tuan Chiew Chiu Sing: Saya mahu tanya kepada....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Panjang sangat ini!

Tuan Chiew Chiu Sing: Minta penjelasan lagi tentang tanah juga di Tanjung Batu. Di mana tanah diambil ataupun ditawarkan kepada syarikat dengan harga yang begitu rendah untuk kompeni swasta untuk membangunkan shopping complex dan inikah cara pengambilan tanah di Bintulu?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat!

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kalau Yang Berhormat dari Bintulu dengar betul-betul apa cakap saya tadi, saya kata Bintulu adalah kampung nelayan yang kecil. Jadi kalau...

Tuan Jimmy Donald: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun ya.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu sekejap ya! Saya habiskan.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat dari Batang Lupar sama ada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sudah menjadi Ketua Menteri pada tahun 1975? Sama ada beliau bertanggungjawab ke atas pengambilan itu pada masa itu?

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Kedua-dualah saya berterima kasih. Sebabnya semua soalan ini akan dijawab kalau saya dibenarkan untuk menyambungkan perbahasan-perbahasan saya.

Jadi, untuk menjawab khusus soalan pengambilan tanah orang kampung, saya sudah ada semua fakta di sini iaitu Cina, Iban dan Melayu — tanah mereka 1,183.77 ekar diambil pada tahun 1973 iaitu di bawah Seksyen 47 Land Code Sarawak dan selepas itu assumption of the land, dengan izin, pada tahun 1975 iaitu memberi peluang kepada masyarakat tuan punya tanah itu mengambil tindakan-tindakan yang patut kepada kerajaan kerana mengambil tanah mereka. Diberi peluang 1973, 1974, 1975—selama tiga tahun diberi supaya mengambil tindakan dan tindakan-tindakan yang perlu diambil itu ada diberi dalam surat kerajaan. Saya akan sebutkan macam mana wording surat itu nanti.

Jadi, Yang Berhormat mesti faham, bila kerajaan ambil tanah orang lepas itu hendak membangunkan, ia bukan macam 'Magic Lamp' yang Aladdin buat, dia boleh 'tam' sekali jadi bandar macam ini. Yang Berhormat mesti kena tahu bila tanah itu sudah diambil, di "convert" jadi komersil, diklasifikasikan tanah itu, lepas itu buat planning, semua sekali—macam-macam pelan. Bukan master plan itu boleh diwujudkan dengan semacam itu sahaja.

Master plan pun ada tetapi local plan mesti kena buat juga. Jadi, memakan masa. Itu nombor satu.

Yang kedua, Yang Berhormat mesti kena ingat, bukan kerajaan yang buat rumah-rumah, kedai-kedai dan hotel itu. Kerajaan tidak buat. Yang membuatnya ialah orang perseorangan. Jadi, itulah sebab ia lambat. Nanti saya akan jawab ya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Kita ingin tahu mengapa Yang Berhormat dari Jelutong, kisah 20 tahun yang lepas dia baru bangkitkan hari ini sedang kita dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini hendak cerita 20 tahun yang akan datang.

Jadi, setuju atau tidak saya katakan bahawa DAP pada hari ini termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Bintulu ini

sudah tidak ada modal lagi hendak bercakap tentang 20 tahun yang akan datang? Hendak cerita 20 tahun yang lepas sahaja.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, esok saya akan jawab itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sambung esoklah ya. (*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dalam ini ada jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.